

**KETAATAN RAKYAT MALAYSIA TERHADAP
KEPIMPINAN NEGARA DITINJAU MENURUT PERSPEKTIF
TEORI *ULU AL-AMR***

AZHARIAH BINTI ABD KADIR

**JABATAN SIASAH SYAR'IYYAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

**KETAATAN RAKYAT MALAYSIA TERHADAP
KEPIMPINAN NEGARA DITINJAU MENURUT PERSPEKTIF
TEORI *ULU AL-AMR***

AZHARIAH BINTI ABD KADIR

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SIAHAH SYAR'IIYAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2010**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

ABSTRAK

Konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin merupakan suatu isu penting yang jarang diperbahaskan oleh para ulama' secara mendalam. Di Malaysia, ketaatan rakyat terhadap pemimpin diamalkan melalui kuatkuasa undang-undang. Ramai umat Islam yang tidak menyedari bahawa selain melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mentaati pemimpin sebagai rakyat, mereka juga memiliki tanggungjawab mentaati agama sebagai seorang muslim. Lantaran itu, kajian ini berusaha menghuraikan konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia menurut perspektif Islam. Usaha ini adalah berteraskan kepada teori *ulu al-amr* yang terkandung di dalam ayat 59 surah al-Nisā'. Oleh itu, ia dilaksanakan dengan mentafsirkan ayat ini bersandarkan kepada petunjuk-petunjuk al-Quran dan al-hadith serta pandangan-pandangan ulama'. Untuk menjelaskan konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia menurut perspektif Islam, ciri-ciri negara Malaysia dihuraikan terlebih dahulu untuk melihat kedudukannya pada pandangan Islam. Ini melibatkan kajian dari sudut sejarah, kenegaraan, pemerintahan, perundangan, ekonomi, politik dan sosial. Kaedah-kaedah kajian induktif dan deduktif digunakan bagi menjawab persoalan mengenai konsep ketaatan rakyat Malaysia terhadap pemimpin di dalam beberapa aspek kehidupan. Kajian ini penting untuk menjelaskan konsep ketaatan yang perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia menurut Islam. Dari kajian ini, jelaslah bahawa Islam telah menggariskan kaedah-kaedah tersendiri di dalam urusan pemberian ketaatan terhadap pemimpin yang perlu diamalkan oleh setiap muslim sebagai suatu tanggungjawab terhadap agama. Menjadikan undang-undang di Malaysia sebagai suatu bentuk konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin adalah tidak menepati kehendak syari'at. Lantaran itu, umat Islam perlu memahami dan mengamalkan konsep ketaatan sebenar yang dituntut oleh Islam kepada umatnya bagi menjamin kesejahteraan dan kecemerlangan ummah.

ABSTRACT

The obedience of citizens to the ruler concept is an important issue which is seldom discussed deeply by ulama even though it has its own position in Islam. This concept is very imperative to be researched in a country because of the laws which is related closely with citizens, ruler and governance. In other words, the law of giving obedience to the ruler is related intimately with the attribute of leadership and governance, while the law is related to the citizens and ruler. Other than the big position of the law from the clarification of al-Quran and al-hadith, it also is very significant commencing of its big impact to the government and muslim community. This research also is significant because of the tough and complicated resolution of its questions. It is because of the variety of ulama's views with the large and various space of its discussion's field. In Malaysia, there is no strong effort to explain this obedience concept meanwhile the majority of Malaysia citizens are Muslims. So, this research attempt to explain the obedience of citizens concept to the ruler of Malaysia in the sight of Islam by judging it from the teaching of Quran and Hadith, views of ulama and condition in Malaysia.

PENGHARGAAN

Kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan kehendakNya dan limpah kurniaNya kajian ini telah selesai disempurnakan.

Jutaan terima kasih dirakamkan kepada Dr. Bahruddin Che Pa selaku penyelia disertasi ini kerana telah banyak memberikan nasihat, tunjuk ajar dan galakan serta dorongan sepanjang proses kajian ini dan telah banyak membantu menyelesaikan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Syarifah Hayati Syed Ismail, Ustaz Zaidi b. Abd Rahman dan Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi yang turut membantu di peringkat awal kajian ini dibuat.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pihak Bahagian Akademi Pengajian Syariah, Jabatan Siasah Syariah, Pejabat Ijazah Tinggi yang banyak membantu dari segi hal ehwal prosedur kajian ini. Juga ucapan terima kasih kepada para staf Perpustakaan UM, UIA, Perpustakaan Awam Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri Perak dan Perpustakaan Taiping Perak.

Ucapan Penuh penghargaan, khas buat ayahanda Hj. Abd. Kadir b. Hj Salleh, bonda Hjh. A'Aishah bt. Hj Omar yang banyak memberi dorongan serta sokongan material, dan spritual sewaktu kajian ini dilaksanakan. Tidak lupa juga, terima kasih diucapkan kepada kekanda Syahirah, adinda Salihah, Asma', Fadzlan, Munirah, Fathiyah, Asyraf dan Khairul Bariyyah. Terima kasih tidak terhingga kepada semua ahli keluarga yang tercinta kerana memberi sokongan material dan semangat di dalam usaha menuntut ilmu.

Istimewa sekali buat suami tercinta, Rozian b. Yahaya di atas segala sokongan semangat serta kesabaran dalam mengharungi rintangan serta halangan sepanjang proses kajian ini dibuat. Buat anakanda-anakanda tersayang, Haziq Hafizullah, Husna Farzana, Muhammad Hasif dan Husna 'Aqilah, doakan kejayaan bonda tercinta.

Akhir sekali, kepada rakan-rakan; Farizah, Nur Azila, Sharidah, Guru Besar SK Raja Muda Musa Kuala Kangsar. Terima kasih di atas segala bantuan, semangat, dorongan dan jasa baik kalian, semoga Allah Ta'ala membalas budi kalian. Sekian.

Azhariah binti Abd Kadir,

J 132 Kg Jelutong,

34850 Changkat Jering,

Taiping, Perak.

KETAATAN RAKYAT MALAYSIA TERHADAP KEPIMPINAN NEGARA
DITINJAU DARI PERSPEKTIF TEORI *ULU AL-AMR*

ISI KANDUNGAN:

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	iii
ABSTRAK.....	iv
ABSTRACT.....	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN:.....	viii
SENARAI KEPENDEKAN.....	xi
PANDUAN TRANSLITERASI	xii
BAB I: PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN.....	1
1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Masalah Kajian.....	2
1.3. Objektif Kajian.....	3
1.4. Kepentingan Kajian.....	4
1.5. Skop Kajian.....	4
1.6. Huraian Tajuk.....	5
1.7. Ulasan Terhadap Penulisan Dan Kajian Terdahulu	6
1.8. Metodologi Penyelidikan	9
1.8.1. Kaedah Pengumpulan Data.....	9
1.8.2. Metod Analisa Data.....	11
1.9. Sistematika Penulisan	12
BAB II: KONSEP KETAATAN TERHADAP PEMIMPIN NEGARA MENURUT	
PERSPEKTIF ISLAM	15
2.1. Pengenalan	15
2.2. Pengertian Ketaatan	17

2.3. Pengertian Ulu Al-Amr	19
2.3.1. <i>Ulu Al-Amr</i> Menurut Bahasa.....	19
2.3.2. <i>Ulu Al-Amr</i> Menurut Syari'at.....	21
2.4. Konsep Ketaatan Terhadap Ulu Al-Amr Menurut Perspektif Islam.....	25
2.4.1. Perintah Mentaati Atau Kalimah “ <i>Al- Tā’ah</i> ” Di dalam Al-Quran.....	26
2.4.2. Golongan Yang Dilarang Ditaati Menurut Al-Quran	31
2.4.3. Tafsiran ayat 59, Surah al-Nisā’	35
2.4.4. Peranan Kaedah-Kaedah Fiqh di Dalam Membuat Pertimbangan Pemberian Ketaatan Terhadap Pemimpin	46
2.4.5. <i>Fiqh al-Aulawiyyāt</i> Sebagai Neraca Pertimbangan Pemberian Ketaatan Terhadap Pemimpin	48
2.4.6. <i>Al-Amr bi al-Ma^cruf</i> dan <i>al-Nahy^can al-Munkar</i> Sebagai Sebahagian Dari Tanggungjawab Rakyat Kepada Pemimpin.....	52
2.5. Hikmah dan Kelebihan Mentaati Ulu al-Amr.....	58
2.6. Kesimpulan	66
BAB III: KONSEP KETAATAN RAKYAT TERHADAP PEMIMPIN DI MALAYSIA	67
3.1. Pengenalan	67
3.2. Konsep ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia: Perspektif Sejarah	68
3.2.1. Zaman Kesultanan Melayu Melaka (1400-1511)	68
3.2.2. Zaman Penjajahan Barat (1511-1957)	72
3.2.3. Zaman Selepas Merdeka (1957 hingga kini)	75
3.3. Konsep ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia: Perspektif Kontemporari.....	78
3.3.1. Kepimpinan dan Sistem Pemerintahan di Malaysia.....	79
3.3.2. Konsep Ketaatan di Malaysia Melalui Kuatkuasa Undang-Undang.....	84
3.4. Kesimpulan:	99

BAB IV: KONSEP KETAATAN RAKYAT MALAYSIA TERHADAP PEMIMPIN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM	101
4.1. Pengenalan	101
4.2. Kedudukan Malaysia Pada Pandangan Islam	105
4.2.1. Sistem Demokrasi Dan Pemerintahan.....	105
4.2.2. Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia	113
4.2.3. Konsep Islam Hadhari.....	118
4.3. Kedudukan Kepimpinan di Malaysia Pada Pandangan Islam.....	122
4.3.1. Perlantikan Pemimpin di Malaysia Menurut Islam.....	122
4.3.2. Pengurusan dan Kepimpinan Di Malaysia Menurut Islam	129
4.4. Konsep Ketaatan Terhadap <i>Ulu al-Amr</i> di Malaysia Menurut Islam	134
4.4.1. Ketaatan Dari Aspek Perundangan	136
4.4.2. Ketaatan Dari Aspek Ekonomi.....	142
4.4.3. Ketaatan Dari Aspek Sosial & Keagamaan	148
4.4.4. Ketaatan Dari Aspek Politik.....	151
4.5. Kesimpulan	153
BAB V: RUMUSAN DAN PENUTUP	154
5.1. Pengenalan	154
5.2. Rumusan.....	154
5.2.1. Kewajiban Mentaati Di Dalam Perkara Yang <i>Ma^crūf</i> dan Meninggalkan Ketaatan Di Dalam Perkara Maksiat:.....	154
5.2.2. Membuat Pertimbangan Di Dalam Mentaati Sesuatu Perkara Yang Mengandung Fitnah Menggunakan Kaedah <i>Fiqh Al-Aulawiyyāt</i>	156
Saranan.....	160
Penutup.....	163
Bibliografi	164

SENARAI KEPENDEKAN

c.	: cetakan
DBP	: Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr.	: Doktor
ed.	: edited atau disunting oleh
Ed.	: editor
edit.	: edisi
<i>et al.</i>	: menunjukkan terdapat pengarang-pengarang lain selain dari yang telah disebutkan.
H	: Hijrah
h.	: halaman
<i>Ibid</i>	: Singkatan bagi <i>ibidem</i> yang bermaksud pada rujukan yang sama yang telah dirujuk sebelum ini sama ada pada halaman yang sama atau berlainan.
j.	: juzuk / jilid
M	: Masihi
<i>Op.cit.</i>	: Singkatan bagi <i>opera citato</i> yang bermaksud pada bahan yang sama yang telah dirujuk sebelum ini tetapi telah diselangi oleh rujukan yang lain. Halaman yang dirujuk juga adalah berlainan.
PBB	:Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu
Prof.	: Profesor
s.a.w	: ŞallalLāhu ‘alayhi wasallam
s.w.t	: Subḥānahū wa Ta’āla
t.t	: tanpa tarikh
terj.	: terjemahan

PANDUAN TRANSLITERASI¹

Ejaan yang digunakan adalah mengikut daftar ejaan rumi baharu Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa Arab digunakan mengikut pedoman transliterasi huruf arab ke huruf rumi (1988), terbitan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pengecualian daripada menggunakan pedoman itu bagi kes-kes berikut:

1. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan "ة" (*tā' marbūṭah*) dibunyikan mengikut sebutan "ه".
2. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh; *sur^cah* (سرعة), *sā^cah* (ساعة), *qūwwah* (قوة).
3. Alif Lam (ال) ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi Lam Syamsiyyah atau Qamariah) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. "a" dalam "al" tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
4. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan bahasa Malaysia.

¹ Lihat; *Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (2001), Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut :

i. Huruf konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	<i>alif</i>	a / '
ب	<i>bā'</i>	b
ت	<i>tā'</i>	t
ث	<i>thā'</i>	th
ج	<i>jīm</i>	j
ح	<i>ḥā'</i>	ḥ
خ	<i>khā'</i>	kh
د	<i>dāl</i>	d
ذ	<i>dhāl</i>	dh
ر	<i>rā'</i>	r
ز	<i>zay</i>	z
س	<i>sīm</i>	s
ش	<i>syīm</i>	sy
ص	<i>ṣād</i>	ṣ
ض	<i>ḍād</i>	ḍ
ط	<i>ṭā'</i>	ṭ
ظ	<i>ẓā'</i>	ẓ
ع	<i>^cayn</i>	^c
غ	<i>ghayn</i>	gh
ف	<i>fā'</i>	f
ق	<i>qāf</i>	q
ك	<i>kāf</i>	k
ل	<i>lām</i>	l
م	<i>mīm</i>	m
ن	<i>nūn</i>	n

و	<i>waw</i>	w
ه	<i>hā'</i>	h
ي	<i>yā'</i>	y
ة	<i>tā' marbūṭah</i>	h

ii. Huruf vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	(fathah)	a
	(dammah)	u
	(kasrah)	i
Panjang	آ	ā
	أُ	ū
	إِي	ī
Diftong	أَو	aw
	أَي	ay
	يِي	iy/ī
	وَو	uww

BAB I

PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1. Pengenalan

Ketaatan rakyat terhadap pemimpin adalah salah satu aspek penting di dalam sesebuah pemerintahan. Ia merupakan pemberian kepercayaan oleh rakyat kepada pemimpin untuk memimpin mereka dalam bentuk kepatuhan terhadap perintah dan larangan. Tanpa ketaatan, kepimpinan tidak dapat dilaksanakan dan kerajaan tidak dapat ditegakkan. Namun begitu, konsep ketaatan yang salah juga akan mendatangkan bahaya terhadap agama dan negara. Kerana kepentingan ini, konsep ketaatan menurut Islam telah disebut dengan jelas di dalam al-Qur'an dan al-hadith. Cuma di dalam memahami konsep tersebut secara lebih terperinci ia memerlukan huraian dan tafsiran dan ini telahpun dilakukan oleh para ulama' yang terdahulu mahupun sekarang.

Antara sumber utama yang menyatakan tentang konsep ketaatan seorang muslim terhadap pemimpin ialah seperti yang terkandung di dalam surah *al-Nisā'* ayat 59. Dalam ayat tersebut ada menyatakan kewajipan mentaati Allah, Rasul dan *ulu al-amr*. Untuk menjelaskan tentang konsep ketaatan menurut ayat ini, kajian ini cuba menjelaskan siapakah yang dikatakan sebagai *ulu al-amr* dengan melihat kepada sifat-sifat dan ciri-cirinya. Kajian ini telah memfokuskan kepada ayat tersebut sebagai dasar utama di dalam menjelaskan konsep ketaatan menurut Islam. Matlamat akhir bagi kajian ini adalah menjelaskan konsep ketaatan yang patut diamalkan oleh rakyat Malaysia menurut Islam. Untuk itu, kajian ini berusaha menjelaskan konsep ketaatan menurut Islam, konsep ketaatan rakyat Malaysia terhadap pemimpin dan konsep ketaatan rakyat Malaysia terhadap pemimpin menurut Islam.

1.2. Latar Belakang Masalah Kajian

Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa persoalan ketaatan terhadap pemimpin sudah jelas disebutkan dalam al-Qur'an. Biarpun al-Qur'an memberikan makna yang umum, namun terdapat hadith-hadith yang mengkhususkannya. Di samping itu juga ulama' turut memperincikan lagi agar fahaman mengenai ketaatan tersebut jelas difahami dan dijadikan panduan bagi umat Islam seluruhnya. Yang menjadi permasalahannya ialah apakah ia telah jelas dan benar-benar difahami jika persoalan tersebut dikaitkan dengan keadaan dan realiti semasa khususnya di Malaysia? Persoalan ini menjadi lebih sukar apabila melihat kepada kepada sistem politik, ekonomi, sosial dan sebagainya yang telah menjadi semakin kompleks pada hari ini, yang juga perlu dijelaskan statusnya menurut Islam. Ini ditambah lagi dengan suasana rakyat Malaysia yang merupakan masyarakat majmuk serta terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, adat dan budaya. Ia turut membawa kepada kewujudan golongan pemimpin yang terdiri dari pelbagai agama. Situasi di Malaysia pada hari ini pula, terdapat pelbagai parti politik yang jelas berbeza ideologi dan fahaman. Kadang kala kepimpinan negeri adalah dari parti yang berbeza dengan kepimpinan pusat. Bagi rakyat Malaysia, bagaimana kaedah memberikan ketaatan terhadap pemimpin di dalam suasana ini.

Dari sinilah timbulnya permasalahan bagaimanakah konsep ketaatan yang harus diamalkan oleh rakyat Malaysia terhadap pemimpin menurut Islam. Sejauh manakah pula konsep ini telah dihayati dan diamalkan oleh rakyat Malaysia?

Secara kasarnya, kajian ini cuba menjelaskan permasalahan berkaitan dengan konsep ketaatan yang diamalkan di Malaysia dengan menilai berasaskan peruntukan-peruntukan di dalam penguatkuasaan undang-undang di Malaysia. Memang diakui bahawa di dalam perlembagaan tidak terdapat suatu penjelasan khusus tentang konsep ketaatan yang perlu diamalkan oleh rakyat terhadap pemimpin di Malaysia. Namun begitu, secara tidak langsung konsep ini telah dibentuk oleh peruntukan-peruntukan di

dalam perlembagaan dan perundangan. Kajian ini cuba menilai konsep ketaatan di Malaysia berasaskan peruntukan-peruntukan di dalam perlembagaan dan perundangan. Oleh itu, kajian ini menjurus kepada kajian perpustakaan menggunakan metod dokumentasi tanpa melibatkan tinjauan dan kaji selidik.

Permasalahan-permasalahan inilah yang menjadi latar belakang terhadap kajian ini di mana rakyat Malaysia sepatutnya dijelaskan tentang konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* menurut Islam agar amalan dan penghayatan umat Islam di Malaysia terhadap ajaran Islam yang *syumul* menjadi lebih sempurna.

1.3. Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk memberikan kefahaman yang jelas berkenaan dengan konsep ketaatan terhadap pemimpin negara dari sudut pandangan Islam iaitu berasaskan huraian al-Qur'an, hadith serta pandangan ulama'. Selaras dengan tajuk-tajuk perbahasan yang digariskan, penulis cuba menyingkap objektif-objektif yang ingin dicapai sepanjang perbahasan ini sebagaimana berikut:

1. Menjelaskan konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr*.
2. Menjelaskan konsep kepimpinan di Malaysia serta dasar kepimpinan negara dan sistem perundangannya.
3. Menganalisis konsep ketaatan dan aplikasinya di Malaysia menurut persektif Islam.

1.4. Kepentingan Kajian

1. Membantu para pengkaji untuk mendalami persoalan politik yang sensitif secara akademik.
2. Merintis usaha bagi para pengkaji untuk mendalami tajuk kajian ini sekaligus mencari jalan penyelesaian yang lebih berkesan terhadap segala permasalahan yang timbul.
3. Membantu masyarakat menghadapi krisis ketaatan secara lebih menepati syari'at.
4. Membantu pihak kerajaan untuk mengambil pendekatan politik dan perundangan yang selaras dengan kehendak Islam dan keadilan sejagat.

1.5. Skop Kajian

Dalam usaha untuk menjelaskan konsep ketaatan terhadap pemimpin menurut perspektif Islam, kajian ini merangkumi ayat-ayat al-Quran serta hadith-hadith nabi yang berkaitan dengan ketaatan. Perbincangan ini dilanjutkan dengan pelbagai pendapat ulama' yang dapat memperjelaskan lagi isi kandungan ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith tersebut di samping meneliti pendapat-pendapat ulama' yang berkaitan dengan ketaatan.

Kajian mengenai konsep ketaatan yang diamalkan di Malaysia pula merangkumi tinjauan ringkas terhadap sejarah amalan ketaatan oleh rakyat semenjak zaman kesultanan Melayu lagi sehingga hari ini. Sistem pemerintahan dan undang-undang di Malaysia juga dikaji bagi mendapatkan gambaran tentang konsep ketaatan yang diamalkan oleh pemimpin dan rakyat.

1.6. Huraian Tajuk

Tajuk kajian ini ialah, “Ketaatan Rakyat Malaysia Terhadap Kepimpinan Negara Ditinjau Menurut Perspektif Teori *Ulu Al-Amr*”. Di sini penulis ingin menghuraikan pengertian tajuk ini bagi menjelaskan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul. Berikut diterangkan terlebih dahulu pengertiannya dari sudut istilah:

- i. Ketaatan bermaksud perihal taat, kepatuhan dan kesetiaan. Ia juga sinonim dengan pengertian kesungguhan hati terhadap agama dan kesolehan². Tetapi, ‘ketaatan’ yang dimaksudkan di dalam tajuk kajian ini ialah dari sudut konsep yang perlu diamalkan.
- ii. Rakyat ditakrifkan sebagai seluruh penduduk bagi sesebuah negara sebagai syarat mendirikan sesuatu pemerintahan³.
- iii. Kepimpinan menurut Kamus Dewan bermaksud keupayaan memimpin⁴. Namun begitu, pengertian istilah ‘kepimpinan’ yang digunakan di dalam tajuk kajian ini ialah golongan pemimpin yang mempunyai kuasa pemerintahan serta mentadbir negara.
- iv. Negara diertikan sebagai suatu masyarakat yang menduduki kawasan tertentu dan diperintah oleh sebuah kerajaan. Ia juga dimaksudkan dengan kawasan yang dibawah kekuasaan kerajaan tertentu⁵.
- v. Teori dari sudut istilah bermaksud pendapat atau pandangan yang dikemukakan untuk menerangkan sesuatu perkara di mana pendapat dan pandangan tersebut bersifat tidak dapat dibuktikan dengan kukuh. Ia juga mengandungi maksud prinsip-prinsip am atau asas-asas kasar yang menjadi dasar pembentukan dan

² Hjh. Noresah bt. Baharom et al. (2000), *Kamus Dewan*, edisi 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1336.

³ *Ibid.* h. 1091.

⁴ *Ibid.* h. 1038.

⁵ *Ibid.* h. 924.

perkembangan sesuatu pengetahuan. Selain itu, ia digunakan dengan maksud ‘asas’ dan ‘dasar’ iaitu bukan amalan atau apa yang biasanya berlaku⁶.

- vi. *Ulu al-amr* merupakan istilah pinjaman daripada istilah Bahasa Arab atau lebih tepatnya, ia adalah pinjaman daripada istilah al-Quran. Secara khususnya, istilah ini digunakan di dalam tajuk kajian ini untuk merujuk kepada kalimah *ulu al-amr* (اولو الأمر) yang terkandung di dalam ayat 59 surah al-Nisā’.
- vii. Teori *ulu al-amr* bermaksud prinsip dan asas-asas ajaran yang terkandung di dalam beberapa ayat al-Quran yang mengungkapkan istilah *ulu al-amr* khususnya ayat 59 surah al-Nisā’ yang mana di dalam ayat-ayat tersebut terkandung suatu konsep dan kaedah mentaati pemimpin yang perlu difahami dengan mendalam.

Oleh itu, yang dimaksudkan dengan “Ketaatan Rakyat Malaysia Terhadap Kepimpinan Negara Ditinjau Menurut Perspektif Teori *Ulu Al-Amr*” ialah: Konsep ketaatan yang perlu diamalkan oleh penduduk yang tinggal di Malaysia terhadap golongan pemimpin yang mentadbir negara menurut ajaran Islam iaitu berlandaskan konsep mentaati *ulu al-amr* yang disebutkan di dalam al-Quran.

1.7. Ulasan Terhadap Penulisan Dan Kajian Terdahulu

Sebelum memulakan kajian ilmiah ini, penulis telah meneliti kajian dan penulisan terdahulu bagi melihat sejauh mana tajuk ini telah dibincangkan oleh para pengkaji sebelum ini. Secara umumnya, penulis mendapati bahawa belum lagi terdapat penulisan yang membincangkan tentang konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin menurut perspektif Islam dengan memfokuskan terhadap rakyat Malaysia secara khusus. Kebanyakan penulisan yang mirip dengan kajian ini membincangkan tentang konsep ketaatan menurut Islam secara umum.

⁶ *Ibid.* h. 1423.

Menurut tinjauan penulis, terdapat buku-buku yang hanya membuat perbincangan berkisar tentang *ulu al-amr* contohnya buku yang berjudul “*The Islamic Law and Constitution*”. Buku ini merupakan buku terjemahan oleh Dr. Asep Hikmat pada tahun 1975 dari buku karangan Abu al-A‘la al-Maudūdi. Buku ini cuba memberikan kefahaman yang jelas tentang teori *ulu al-amr*. Menurutnyanya *ulu al-amr* meliputi para pemimpin masyarakat Islam yang mengendalikan dan mengatur segala urusan hidup mereka seperti para ulama’, para pemimpin politik, pemerintah, hakim dan sebagainya. Oleh itu sesiapa pun yang diberi tanggungjawab untuk mengatur urusan-urusan kaum muslim berhak ditaati dan diikuti di tempat masing-masing tetapi dengan dibatasi syarat-syarat tertentu⁷.

Sebuah kajian di peringkat sarjana yang berjudul “*Gaya Kepimpinan Khulafa’ Al-Rasyidin Dan Relevannya dengan Kepimpinan Ummah Masa Kini*” juga menumpukan perbincangannya mengenai pemimpin menurut Islam. Kajian ini cuba membandingkan gaya kepemimpinan *Khulafā’ al-Rāsyidīn* dengan sistem pemerintahan di Malaysia. Buku yang telah ditulis oleh Muhammad b. Senik pada tahun 1999⁸ ini mengupas konsep kepemimpinan Islam dengan memberikan contoh kepemimpinan *Khulafā’ al-Rāsyidīn* serta membuat perbandingan dengan gaya kepemimpinan yang wujud pada hari ini. Namun begitu, persoalan ketaatan rakyat terhadap pemimpin tidak dijelaskan.

Selain itu, terdapat pula penulisan yang hanya memfokuskan mengenai konsep ketaatan tanpa membincangkannya dari perspektif Islam. Contohnya penyelidikan di peringkat sarjana yang bertajuk “*Ketaatan dan Protes Dalam Politik Melayu dan Islam: Satu Perbandingan Dari Segi Peradaban*” yang ditulis oleh Shohana bt. Husin pada

⁷ Abul ‘Ala al-Maududi (1975), “*The Islamic Law and Constitution*”. Dr Asep Hikmat (terj.), h. 62.

⁸ Muhammad b. Senik (1999), *Gaya Kepimpinan Khulafak al-Rasyidin dan Relevannya Dengan Kepimpinan Ummah Masa Kini*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 61.

tahun 1999⁹. Dalam kajian ini, Shohana telah cuba membuat penelitian tentang penyesuaian serta kesan terhadap konsep ketaatan dan protes dalam politik Melayu dan Islam. Dari kajian yang dibuat, menunjukkan bahawa ketaatan dan protes dalam bentuk yang bersifat feodal masih berlangsung dalam politik Melayu. Beliau telah menjelaskan secara terperinci maksud ketaatan dan protes dari segi sejarah terutamanya di kalangan masyarakat Melayu. Ketaatan dalam Islam tidak dihuraikan dalam disertasi ini kerana perbahasannya lebih kepada untuk perbandingan antara protes dan taat sahaja.

Siri al-Risalah (khas) dengan tajuk “*Beberapa Prinsip dan Ciri Utama Kepimpinan Dalam Islam*” ditulis oleh Mohd. Affandi Hassan pada tahun 1992¹⁰ berkisar tentang syarat-syarat utama ketaatan kepada pemimpin serta prinsip-prinsip ketaatan yang digariskan oleh al-Qur’an. Dalam risalah ini, beliau menjelaskan bahawa ulama’ telah menetapkan tiga syarat utama ketaatan iaitu ketua pemimpin atau pemerintah hendaklah menjalankan syari’at Islam, berlaku adil terhadap sesama manusia, dan tidak memerintahkan untuk melakukan maksiat. Walaupun tulisan ini membicarakan tentang konsep ketaatan menurut Islam, tetapi tidak menjelaskannya dari konteks rakyat dan pemimpin di Malaysia.

Namun begitu, terdapat juga penulisan yang agak hampir dengan tajuk yang diperbahaskan di dalam kajian ini sebagaimana sebuah kajian ilmiah yang bertajuk “*Konsep Kepimpinan Ketua Negara Menurut Perspektif Islam: Satu Kajian Perbandingan Dalam Konteks Negara Malaysia*” yang ditulis oleh Abdullah Jamil bin Md Salleh pada tahun 1995¹¹. Kajian yang ditulis untuk peringkat sarjana muda ini turut membahaskan tentang konsep ketaatan kepada pemerintah. Tetapi perbahasannya lebih

⁹ Shohana bt. Husin (1999), *Ketaatan dan Protes dalam Politik Melayu dan Islam: Satu perbandingan Dari Segi Peradaban*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 44.

¹⁰ Mohd. Affandi Hassan (1992), *Beberapa Prinsip dan Ciri Utama Kepimpinan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 23.

¹¹ Abdullah Jamil b. Md Salleh (1995), *Konsep Kepimpinan Ketua Negara Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 40.

menjurus kepada konsep kepimpinan Islam serta syarat-syaratnya dengan membuat perbandingan dengan konteks di Malaysia.

Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat meneruskan perbincangan berkenaan konsep ketaatan menurut Islam ini dengan lebih bermanfaat bagi umat Islam di Malaysia dengan memfokuskan perbahasannya kepada rakyat, pemimpin dan suasana di Malaysia.

1.8. Metodologi Penyelidikan

Metodologi berasal daripada perkataan metode yang bermaksud cara melakukan sesuatu, sistem dan sebagainya. Seterusnya, perkataan metodologi digunakan sebagai merujuk kepada sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan di dalam sesuatu kegiatan atau disiplin¹². Metodologi penyelidikan penting untuk menghasilkan penyelidikan yang baik dan dapat mencapai objektif yang digariskan. Untuk itu, penulis menggunakan beberapa jenis metodologi di dalam kajian ini dan secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisa data.

1.8.1. Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data bermaksud cara atau prinsip yang digunakan di dalam mengumpulkan bahan-bahan yang diperlukan untuk melaksanakan kajian. Kaedah ini adalah penting untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan berautoriti di dalam menghasilkan sesebuah input dan idea. Kajian ini merupakan sejenis kajian perpustakaan yang menumpukan pengumpulan bahan-bahan kajian terhadap dokumen-dokumen dan bahan-bahan bertulis yang terdapat di dalam pelbagai bentuk. Metod

¹² Hjh. Noesah bt. Baharom et al. (2000), *op.cit.*, h. 887.

pengumpulan data utama yang digunakan penulis di dalam kajian ialah metod dokumentasi.

Dokumentasi bermaksud himpunan dokumen atau bahan bertulis yang dapat digunakan di dalam sesebuah kajian. Metod dokumentasi merupakan sebuah kaedah pengumpulan data dengan cara menyelidiki dokumen-dokumen dan bahan-bahan bertulis yang berkaitan dengan kajian. Dokumen itu termasuk sumber-sumber, potret, kumpulan undang-undang, autobiografi, surat-surat peribadi, buku-buku catatan harian, memori, surat khabar dan cerita rakyat.

Metod ini digunakan di dalam keseluruhan proses kajian bermula daripada proses mencari maklumat berkenaan dengan definisi, konsep ketaatan, teori *ulu al-amr*, sejarah dan seterusnya. Antara sumber utama penggunaan metod dokumentasi di dalam kajian ini ialah al-Qur'an dan al-Hadith. Ini kerana tumpuan kajian ini adalah terhadap teori ulu al-amr yang terkandung di dalam al-Quran khususnya ayat 59 surah al-Nisā'. Selain itu, tulisan dan karangan para ulama' menjadi rujukan utama penulis di dalam menghuraikan konsep ketaatan menurut Islam.

Selain itu, antara yang menjadi rujukan utama penulis ialah Perlembagaan Persekutuan, buku berjudul '*Malaysia Kita*' yang diterbitkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), buku berjudul '*Perlembagaan Malaysia, Asas-Asas dan Masalah*', karangan Dr. Abdul Aziz Bari (2001) dan buku berjudul '*Pelindung?: Satu Kajian Tentang Konsep dan Amalan Kesetiaan Dalam Hubungan Antara Pemimpin dan Pengikut Dalam Masyarakat Melayu*', karangan Dr. Chandra Muzaffar (1992). Selain dari yang telah disebutkan, terdapat banyak lagi dokumen yang dijadikan rujukan termasuklah surat khabar, majalah dan laman web.

Bahan-bahan ini sebahagian besarnya diperolehi daripada perpustakaan-perpustakaan berikut:

- i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- ii) Perpustakaan Awam Pusat Islam
- iii) Perpustakaan Negara Malaysia
- iv) Perpustakaan Taiping
- v) Perpustakaan Za'aba Universiti Malaya
- vi) Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya
- vii) Perpustakaan Negeri Perak

1.8.2. Metod Analisa Data

Metod analisa data bermaksud kaedah-kaedah yang digunakan di dalam menganalisis dan memproses data-data yang telah dikumpulkan. Penggunaan kaedah-kaedah ini secara sistematik dan konsisten adalah penting bagi memastikan data-data yang ada dinalisis dengan baik dan memberikan natijah yang tepat. Berikut merupakan metod-metod analisa data yang telah digunakan di dalam kajian ini:

1.8.2 (a) Metod Induktif

Perkataan induktif berasal dari perkataan induksi yang merupakan proses penghuraian yang membawa kepada pencapaian sesuatu kesimpulan hukum daripada fakta-fakta atau maklumat-maklumat yang bersifat khusus. Induktif pula berkaitan dengan menggunakan proses induksi¹³. Dalam proses induksi, data-data yang bersifat khusus dan spesifik dicerap untuk membina suatu prinsip yang umum.

Di dalam kajian ini, metod ini digunakan di dalam bab kedua dan ketiga. Di dalam bab kedua, istilah taat dan *ulu al-amr* dihuraikan terlebih dahulu. Seterusnya didatangkan pendapat-pendapat ulama' yang bersifat khusus untuk menghasilkan suatu konsep yang umum iaitu konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* menurut Islam. Di dalam

¹³ *Ibid.*, h. 490.

bab ketiga, kaedah yang sama digunakan di mana amalan ketaatan di Malaysia terlebih dahulu ditinjau secara khusus dari sudut sejarah dan kontemporari. Begitu juga dihuraikan tentang kepimpinan di Malaysia serta undang-undang yang dikuatkuasakan dengan tujuan untuk memperjelaskan suatu teori yang bersifat umum iaitu konsep ketaatan yang diamalkan di Malaysia.

1.8.2 (b) Metod Deduktif

Deduksi bermaksud kesimpulan atau rumusan yang dibuat daripada maklumat atau fakta yang ada¹⁴. Proses deduksi bergerak daripada sesuatu yang umum kepada hasil yang spesifik. Dalam proses ini, hipotesis atau kesimpulan tertentu dibina berasaskan prinsip-prinsip umum.

Metod ini diaplikasikan di dalam kajian ini pada bab keempat dan kelima. Fakta umum yang telah diperolehi hasil daripada kajian di dalam bab kedua (fakta mengenai konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* menurut Islam) dan bab ketiga (fakta mengenai konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia) dimanfaatkan pula di dalam bab keempat untuk mencari jawapan mengenai konsep ketaatan yang harus diamalkan oleh rakyat Malaysia terhadap pemimpin menurut Islam. Seterusnya kesimpulan dan rumusan yang bersifat khusus dinyatakan di dalam bab kelima.

1.9. Sistematika Penulisan

Bagi mencapai objektif kajian, penulis telah membahagikan kajian ini kepada lima bab. Bab pertama menghuraikan tentang latarbelakang kajian untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang kajian dan isi kandungannya. Ini untuk memudahkan pembaca memahami dan mengambil manfaat dari kajian ini. Bab in mengandungi

¹⁴ *Ibid.* h. 282.

pengenalan, latar belakang masalah, objektif, kepentingan, skop, huraian tajuk, ulasan terhadap penulisan terdahulu, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Setelah itu, di dalam bab yang kedua penulis mula membahaskan mengenai konsep ketaatan rakyat terhadap *ulu al-amr* menurut Islam. Ini dilakukan dengan cara menjelaskan terlebih dahulu mengenai pengertian 'taat' dan '*ulu al-amr*' menurut bahasa dan syari'at. Seterusnya, penulis mula membentangkan ayat-ayat al-Quran yang mengajarkan mengenai konsep ketaatan ini bersama tafsirannya dari hadith-hadith dan pendapat-pendapat ulama'. Konsep ketaatan ini diperjelaskan menggunakan prinsip dan kaedah fiqh. Di dalam bab ini juga penulis cuba mengetengahkan apa yang mungkin menjadi isu dan persoalan di dalam konsep ketaatan ini dengan menghuraikan mengenai konsep *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar* terutamanya dari rakyat kepada pemimpin.

Bab ketiga merupakan usaha untuk menghuraikan konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin yang diamalkan di Malaysia. Ini dilakukan dengan cara melihat amalan ketaatan ini dari perspektif sejarah dan kontemporari bagi mendapatkan gambaran mengenai konsep ketaatan ini secara menyeluruh. Perbahasan ini diteruskan dengan membincangkan mengenai kepimpinan dan sistem pemerintahan di Malaysia bagi mengenali struktur *ulu al-amr* di Malaysia. Selanjutnya, amalan ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia cuba dijawab dan diperjelaskan dengan mengemukakan beberapa contoh penguatkuasaan undang-undang di Malaysia yang bersifat menuntut ketaatan rakyat.

Bab keempat merupakan analisis penulis bagi menghuraikan mengenai konsep ketaatan yang sepatutnya diamalkan di Malaysia menurut Islam. Di dalam bab ini terlebih dahulu penulis cuba menghuraikan mengenai kedudukan Malaysia dan kepimpinannya menurut Islam dan seterusnya mengaplikasikan konsep ketaatan

menurut Islam di Malaysia dengan mengambil kira beberapa aspek iaitu perundangan, ekonomi, sosial dan keagamaan serta aspek politik.

Bab kelima merupakan penutup di mana akhirnya penulis memberikan kesimpulan dan rumusan daripada hasil kajian ini. Penulis juga mengemukakan beberapa saranan demi kepentingan perkembangan Islam di Malaysia.

BAB II

KONSEP KETAATAN TERHADAP PEMIMPIN NEGARA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

2.1. Pengenalan

Ketaatan merupakan satu faktor penting di dalam menentukan keberkesanan sesebuah pemerintahan. Seorang pemimpin tidak akan mampu memimpin tanpa wujudnya ketaatan dari kalangan orang yang dipimpinnya. Untuk itu, kepimpinan merupakan suatu perkara yang amat ditekankan di dalam Islam¹⁵. Sebuah pemerintahan Islam tidak akan berjaya tanpa adanya seorang pemimpin yang ditaati dalam menguruskan setiap urusan kenegaraan berlandaskan Islam¹⁶. Islam pula tidak akan dapat dilaksanakan sepenuhnya tanpa sebuah pemerintahan. Kepentingan kepimpinan dapat kita rasakan jika melihat kepada sebuah hadith Rasulullah s.a.w yang menyatakan:

لا يحل لثلاثة يكونون بفلاة من الأرض إلا أمروا عليهم أحدهم

Maksudnya: “Tidak halal bagi tiga orang yang berada di sesuatu tempat di bumi melainkan salah seorang dari kalangan mereka menjadi pemimpin”¹⁷.

Melihat kepada kepentingan sebuah pemerintahan menurut syari’at, maka jelaslah betapa pentingnya ketaatan terhadap pemimpin di dalam Islam. Malah ia disebutkan secara khusus di dalam al-Quran yang menjadi sumber perundangan syari’at tertinggi melalui firmanNya:

¹⁵ Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid (1999), “Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk: Huraian Berasaskan al-Quran dan al-Sunnah”, dalam Abdul Monir Yaacob (ed.), *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 3.

¹⁶ *Ibid.*, h. 64.

¹⁷ Ahmad ibn Hanbal (tt), *Musnad*, j. 2, h. 176-177.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ
 مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ
 تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulu al-amr dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Surah al-Nisā’ (4): 59

Selain itu, ia juga jelas dinyatakan di dalam al-sunnah sebagaimana berikut¹⁸:

من أطاعني فقد أطاع الله ومن يعصني فقد عصى الله ومن يطع الأمير
 فقد أطاعني ومن يعص الأمير فقد عصاني

Maksudnya: “Sesiapa yang taat kepadaku, maka sesungguhnya dia telah mentaati Allah, dan sesiapa yang menderhakaiku maka sesungguhnya dia telah menderhakai Allah, dan sesiapa yang mantaati pemimpin maka sesungguhnya dia telah mentaatiku, dan sesiapa yang menderhakai pemimpin maka sesungguhnya dia telah menderhakaiku”.

Ayat al-Quran dan hadith di atas jelas menyatakan tentang kewajiban umat Islam mentaati pemimpin. Namun begitu, kaedah pemberian ketaatan terhadap pemimpin tidak dinyatakan secara terperinci dan ia memerlukan perbincangan serta huraian yang lebih mendalam agar perintah ini dapat difahami seterusnya diamalkan dengan penuh penghayatan. Untuk itu, penulis akan membentangkan beberapa tafsiran dan huraian untuk memperjelaskan perintah ketaatan di dalam ayat al-Quran ini melalui hadith-hadith dan pendapat-pendapat ulama’.

¹⁸ Al-Imām Maḥyuddin al-Nawāwī (2001), *Al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Ḥajjaj*, j. 6. Beirut: Dār al-Fikr, h. 176, hadith 1835.

2.2. Pengertian Ketaatan

Perkataan taat menurut Kamus Dewan bermaksud sentiasa menurut perintah sama ada tuhan atau lain-lain, tidak mengingkari perintah, patuh sama ada kepada Allah atau kepada pesuruhNya, kuat beribadat dan soleh yang bermaksud baik. Mentaati pula diertikan sebagai berlaku taat dan patuh kepada seseorang atau sesuatu, tidak membantah akan sesuatu perkara, menurut perintah, peraturan dan sebagainya. Manakala, ketaatan pula adalah perihal taat, kepatuhan, kesetiaan, kesungguhan hati terhadap agama dan kesolehan¹⁹.

Membincangkan ketaatan menurut perspektif Islam, definisi yang harus diteliti adalah dari sudut al-Quran dan al-Sunnah melalui pendekatan Bahasa Arab dan penjelasan ulama'. Di dalam al-Quran, ketaatan secara etimologinya dinyatakan sebagai *al-tā'ah* di mana perkataan 'taat' di dalam Bahasa Melayu itu sendiri diambil daripada kalimat Bahasa Arab tersebut.

Perkataan *al-tā'ah* adalah kata terbitan (*maṣḍar*) dari kata perbuatan *tā'a* yang diertikan sebagai *inqāda* yang bermaksud tunduk, patuh, mudah mengikut dan kepatuhan. Secara umumnya, *tā'a* bagi sesuatu benda bermaksud mudah dibentuk, boleh diambil manfaat daripadanya, digunakan dan tidak terhalang melakukan sesuatu terhadapnya. Contohnya, "pokok itu bersifat *tā'ah*" (طاع الشجر) bermaksud pokok tersebut mudah diambil hasilnya. Secara khususnya pula apabila digunakan terhadap manusia bermaksud seseorang itu tunduk, patuh dan mudah mengikut kepada kehendak seseorang yang lain. Dalam bentuk kata terbitan atau *maṣḍar* pula iaitu *al-tā'ah* bermaksud ketundukan, kepatuhan dan kesepakatan yang mana terdapat pendapat yang mengatakan bahawa ia hanya diistilahkan sekiranya ia berlaku sebagai hasil daripada suatu perintah²⁰.

¹⁹ Hajjah Noresah bt. Baharom et al. (2000), *op.cit.*, h. 1336.

²⁰ Ibrāhīm Muṣṭāfā, et al. (t.t), *Al-Mu'jam Al-Wasīl*. Istanbul: Al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 570.

Terdapat perselisihan yang wujud di antara golongan Mu^ctazilah dan Ahl al-Sunnah di dalam memahami istilah ketaatan. Walaupun perselisihan yang ditimbulkan oleh golongan Mu^ctazilah disini lebih kepada sudut bahasa namun perlu diberi perhatian kerana ia memberi kesan yang besar terhadap konsep ketaatan yang dikehendaki oleh syari'at. Percanggahan ini dinyatakan oleh Imam Fakhrurrazi di dalam kitabnya *al-Tafsīr al-Kabīr* yang membahaskan pengertian istilah ketaatan dengan panjang lebar.

Menurut beliau, golongan Mu^ctazilah berpendapat bahawa ketaatan adalah melakukan sesuatu selari dengan kehendak, manakala Ahl al-Sunnah pula berpendapat bahawa ketaatan adalah perbuatan yang menepati perintah. Beliau menyokong pendapat Ahl al-Sunnah dengan membuktikan bahawa sesuatu perintah tidak semestinya berlaku dengan kehendak. Terdapat juga perintah tanpa kehendak sebagaimana Allah memerintahkan Abu Lahab untuk beriman sedangkan Allah telah mengetahui bahawa Abu Lahab tidak akan beriman disebabkan pengetahuanNya yang tidak terbatas. Disebabkan tidak wujudnya keimanan daripada Abu Lahab maka dia disifatkan sebagai orang yang derhaka. Maka ringkasnya, ketaatan kepada Allah adalah melaksanakan sesuatu sesuai dengan perintahNya dan bukan bermaksud melaksanakan apa yang menjadi kehendak dan ketetapanNya²¹. Secara rasionalnya juga, seseorang itu tidak mengetahui apa yang dikehendaki oleh orang lain lebih-lebih lagi *irādah* Allah. Di atas kepatuhan kepada perintah inilah, maka seseorang itu dianggap mentaati atau menderhakai seseorang yang lain. Berdasarkan alasan kepatuhan kepada perintah inilah juga Allah menjanjikan ganjaran syurga dan balasan neraka kepada manusia di Akhirat.

Dari sudut syari'at, istilah taat digunakan dengan pengertian yang lebih khusus iaitu melakukan segala perintah Allah dan menghindari laranganNya²². Lawan dari perkataan taat pula ialah maksiat iaitu menderhakai Allah. Selain itu, dikatakan juga bahawa *al-ṭā'ah* bermaksud berkorban diri di dalam menunaikan perintah Allah dan

²¹ Al-Imām Al-Fakhrurrazī (t.t), *Al-Tafsīr Al-Kabīr*, j. 9, c. 2. Tehran: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 143.

²² Hind Hussain Asad (2000), *Al-Ṭā'ah fi al-Qur'ān al-Karīm*. Damsyik: Dār al-Farābi, h. 12.

larangannya, manakala lawannya iaitu *al-ma'ṣiyah* bermaksud enggan dan ingkar menunaikannya²³.

2.3. Pengertian *Ulu Al-Amr*

Fokus utama bagi kajian ini di dalam menjelaskan mengenai konsep ketaatan menurut Islam ialah ayat 59 surah al-Nisā' yang menyebut dengan jelas kewajipan mentaati *ulu al-amr*. Bagi memahami konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* yang dituntut di dalam ayat ini terlebih dahulu diterangkan pengertian *ulu al-amr* menurut bahasa dan syari'at.

2.3.1. *Ulu Al-Amr* Menurut Bahasa

Dari sudut bahasanya, istilah *ulu al-amr* berasal dari bahasa Arab yang terbina dari dua kalimah yang bergabung secara *iḍāfi* (sandaran), iaitu *ulū* (أولو) dan *al-amr* (الأمر) yang masing-masing memiliki pengertian tersendiri. Bahkan perkataan *ulu* dikatakan tidak boleh wujud melainkan di dalam keadaan bersandaran. *Ulu* adalah dalam bentuk *jama'* (bentuk yang digunakan bagi menunjukkan bilangan yang lebih dari dua) yang bermaksud *dhawū* (ذوو) atau *aṣḥāb* (أصحاب)²⁴ iaitu orang-orang yang memiliki dan mempunyai sesuatu. Ia juga boleh diterjemahkan sebagai pemegang atau yang mempunyai hak²⁵. Bagi penggunaan secara *mufrad*²⁶ kalimat *dhū* (ذو) digunakan²⁷.

²³ *Ibid.*

²⁴ Ibrāhīm Muṣṭāfā et al., *Al-Mu jam al-Wasīf*, c. 2. Istanbul: Al-Maktabah al-Islamiyyah, h. 23.

²⁵ *Ensiklopedi Hukum Islam*, j. 6. Jakarta: Pc Ichtiar Baru Van Hoeve, h. 1842.

²⁶ Bentuk yang digunakan bagi menunjukkan bilangan satu.

²⁷ Ibrāhīm Muṣṭāfā et al., *op.cit.*, h. 23.

Perkataan *al-amr* pula mempunyai pengertian yang luas. *Al-amr* merupakan kalimah Arab yang merangkumi banyak pengertian. Walaupun ia boleh diterjemahkan kepada beberapa definisi asas, namun sifatnya yang umum membolehkannya mewakili banyak perkara dan kehendak. Lantaran itu, *al-amr* boleh diterjemahkan sebagai perintah, urusan, perkara, sesuatu, keputusan, kepastian, tugas, misi, kewajipan dan kepemimpinan²⁸. Menurut kamus *al-Muʿjam al-Wasīf*, ia boleh diertikan sebagai *al-ḥāl* (الحال) iaitu sesuatu keadaan atau *al-syaʿn* (الشأن) iaitu sesuatu urusan sebagaimana firman Allah di dalam al-Quran: (لَيْسَ لَكَ مِنَ الْأَمْرِ شَيْءٌ). *Al-amr* boleh bermaksud *al-ḥādithah* iaitu sesuatu peristiwa dimana bentuk *jamaʿ* bagi kalimat ini adalah *al-umūr* (الأُمُور). *Al-amr* juga boleh bermaksud sesuatu permintaan atau sesuatu perintah dimana di dalam al-Quran Allah SWT berfirman: (وقضي الأمر) dan *jamaʿ* bagi perkataan ini adalah *al-awāmir* (الأوامر)²⁹.

Apabila kedua-dua perkataan *ulu* dan *al-amr* digabungkan ia boleh membawa banyak pengertian baik dari sudut bahasa mahupun dari sudut istilah. Dari sudut bahasa, jika digabungkan dengan *al-amr* yang bermaksud perintah, maka ia boleh diterjemahkan sebagai orang yang memiliki hak memerintah. Apabila digabungkan pula dengan *al-amr* yang bermaksud sesuatu perkara, keadaan dan urusan, maka ia boleh diterjemahkan sebagai orang yang memiliki hak ke atas perkara-perkara tersebut dari sudut mentadbir, mengurus dan sebagainya.

Oleh kerana itu, dari sudut bahasa ia boleh bermaksud golongan yang memiliki hak ke atas sesuatu perkara, urusan, keadaan dan sebagainya dan ia juga bermaksud mereka yang mempunyai hak memerintah atau mentadbir. Jadi pemahaman terhadap pengertian istilah ini perlu dilihat dari skop yang luas

²⁸ *Ensiklopedi Hukum Islam*, j. 6, *op.cit.*, h. 1842.

²⁹ Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *op.cit.*, h. 26.

memandangkan pengertiannya dari sudut bahasa yang luas, umum dan boleh menerima banyak maksud.

2.3.2. *Ulu Al-Amr* Menurut Syari'at

Banyak pengertian yang diberikan oleh ulama' terhadap istilah *ulu al-amr*. Kamus *al-Mu'jam al-Wasīf* mendefinisikannya sebagai para pemerintah dan para ulama' (الرؤساء والعلماء) secara umum. Ini sesuai dengan pendapat Ibnu Taimiyyah di dalam kitab himpunan fatwanya dimana beliau mengatakan bahawa *ulu al-amr* terdapat dua golongan iaitu para pemerintah dan ulama'. Mereka inilah yang disifatkan sebagai apabila baik maka baiklah manusia lain. Maka kedua-dua golongan ini berkewajipan untuk mentaati Allah dan RasulNya di dalam setiap perkataan dan tindakan dengan sentiasa merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah³⁰.

Apa yang pasti, *ulu al-amr* tersebut haruslah seorang muslim yang memenuhi syarat-syarat keimanan³¹. Pengertian ini jelas terkandung di dalam ayat 59 surah al-Nisā' yang menyifatkan *ulu al-amr* sebagaimana berikut: (وأولي الأمر منكم) yang bermaksud "...dan *ulu al-amr* dari kalangan kamu...". Disebabkan ayat ini ditujukan kepada orang-orang yang beriman, maka perkataan "...dari kalangan kamu..." tersebut membawa maksud yang jelas tentang sifat keislaman dan keimanan yang wajib ada pada seorang *ulu al-amr*.

Imam Abī al-Ṭib al-Bukhāri pula memilih pendapat yang mengatakan bahawa *ulu al-amr* bermaksud para pemimpin, sultan-sultan, para hakim serta para pemerintah yang melaksanakan kebenaran dan keadilan sebagaimana *Khulafā' al-Rāsyidīn* dan orang-orang yang mencontohi mereka, serta setiap orang yang memiliki pemerintahan berlandaskan syari'at. Pendapat inilah yang beliau anggap sebagai paling *rājiḥ*. Ini

³⁰ Shaikhu al-Islam Ahmad bin Taimiyyah (1991), *Majmū' al-Fatāwā*, j. 28. Riyāḍ: Dār 'Ālami al-Kutub, h. 388.

³¹ Sayyid Qutb, *Fī Zilālī al-Qur'ān*, j. 2. Dār al-Syurūq, h. 691.

kerana menurut beliau terdapat hadith yang sahih daripada Rasulullah s.a.w yang memerintahkan supaya taat kepada para pemimpin di dalam perkara yang membawa kemaslahatan di sisi Allah dan umat Islam, dan tidak wajib taat di dalam perkara-perkara yang menyalahi al-Quran dan al-Sunnah. Kewajipan mentaati *ulu al-amr* ini menunjukkan sifat *ulu al-amr* yang tidak melanggar syari'at. Selain itu, beliau juga membentangkan pendapat-pendapat para ulama' salaf sebagaimana berikut³²:

- Jābir bin 'Abdullāh, Mujāhid, Mālik dan al-Ḍaḥḥāk berpendapat bahawa *ulu al-amr* bermaksud golongan yang pakar di dalam al-Quran dan bidang ilmu.
- Terdapat juga riwayat daripada Mujāhid yang mengatakan bahawa mereka adalah para sahabat.
- Ibnu Kaisan mengatakan bahawa mereka adalah ahli cerdik pandai.
- Ibnu 'Abbās, Ḥasan, al-Ḍaḥḥāk dan Mujāhid berpendapat bahawa mereka adalah ahli-ahli fiqh dan para ulama' yang mengajar manusia ilmu-ilmu agama.

Walau bagaimanapun, menurut beliau apa jua pendapat mengenai pengertian *ulu al-amr* ini, apa yang pasti bahawa tiada ketaatan kepada sesiapa pun melainkan di dalam perkara yang mentaati Allah serta selari dengan sunnah RasulNya dan syari'at³³.

Imam al-Fakhr al-Rāzī di dalam kitab *al-Tafsīr al-Kabīr* berpendapat bahawa pengertian ayat 59 surah al-Nisā' ini sebenarnya memperakui empat sumber asas syari'at iaitu al-Quran, al-Sunnah, *ijmā'* dan *qiyās*. Perintah supaya taat kepada Allah dan RasulNya menunjukkan kepada perintah untuk mengikuti petunjuk al-Quran dan al-Sunnah. Pendapat ini selari dengan pendapat ulama'-ulama' lain sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Setelah itu, beliau menggambarkan *ulu al-amr* di dalam ayat tersebut untuk menunjukkan kepada kehujahan *ijmā'*. Beliau memberi dalil bahawa

³² Abī al-Ṭīb Ṣadiq bin Ḥasan bin 'Alī al-Hussain al-Qinūji al-Bukhāri (1992), *Fatḥu al-Bayān fī Maqāṣidi al-Qur'ān*, j.3. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, h. 155-156.

³³ *Ibid.*

Allah memerintahkan supaya taat kepada *ulu al-amr* secara *qat'i*³⁴ yang menunjukkan kewajiban mentaatinya. Dari sudut ini beliau berbeza dengan kebanyakan pendapat ulama' lain di mana mereka mengatakan bahawa perintah untuk taat kepada *ulu al-amr* di dalam ayat ini adalah bersyarat iaitu setelah wujudnya di dalam perintah tersebut ketaatan kepada Allah. Bagi beliau, setiap umat Islam wajib mentaati *ulu al-amr*. Oleh kerana itu bagi beliau golongan yang diwajibkan untuk ditaati tersebut mestilah seorang yang *ma'sūm* atau terpelihara daripada dosa. Perkara ini mustahil wujud selepas kewafatan Rasulullah s.a.w melainkan jika ianya dimaksudkan kepada segolongan ulama' yang mengeluarkan fatwa untuk kepentingan umat kerana terdapat hadith Rasulullah s.a.w yang menyatakan bahawa umat baginda tidak akan berijmak di dalam perkara yang sesat. Oleh itu, di sini beliau berpendapat bahawa *ulu al-amr* tersebut bermaksud *ahl al-ḥalli wa al-ʿaqdi* iaitu segolongan bijak pandai yang mengeluarkan pendapat secara jamaah untuk kemaslahatan umat Islam³⁵. Asas keempat iaitu *al-qiyās* bagi beliau ditunjukkan oleh ayat seterusnya yang bermaksud, “*sekiranya kamu berselisih pendapat di dalam sesuatu perkara maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul*”³⁶.

Pendapat ini selari dengan kesimpulan yang dibuat oleh Abdul Qadir Djaelani. Setelah mengemukakan banyak pendapat ulama' berkaitan dengan pengertian *ulu al-amr* beliau akhirnya menyimpulkan bahawa *ulu al-amr* ini boleh membawa maksud *ahlu al-halli wa al-ʿaqdi* iaitu, segolongan bijak pandai yang terdapat di dalam sesebuah negara yang berkemahiran di dalam membuat keputusan dan membuat pertimbangan yang bijak di dalam memelihara kepentingan umat. Di dalam menyimpulkan pendapat ini, beliau turut memetik pendapat Muḥammad Rasyīd Riḍa yang menyatakan bahawa *ulu al-amr* itu sebenarnya adalah lembaga legislatif yang mana telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w. Ia juga sebagai sebuah lembaga eksekutif apabila khalifah sebagai

³⁴ *Qat'i* bermaksud putus dan pasti.

³⁵ Al-Fakhrurrazi (t.t), *op.cit.*, j. 9, h. 143-144.

³⁶ *Ibid.*, h. 146.

pemimpin negara, dan menjadi lembaga yudikatif apabila *ulu al-amr* ditakrifkan sebagai sekumpulan yang bertugas untuk menetapkan dan melaksanakan hukuman³⁷.

Berdasarkan kepelbagaian tafsiran ulama' mengenai pengertian *ulu al-amr* ini, dapatlah diambil kesimpulan bahawa lafaz yang umum di sini juga membawa pengertian yang umum dan tidak boleh dihadkan kehendaknya hanya kepada sesuatu golongan yang khusus serta mengeneipkan segolongan yang lain. Ini kerana al-Quran diturunkan untuk seluruh manusia dan setiap orang wajib memenuhi kehendaknya dengan sifatnya yang umum atau khusus. Lantaran itu, sebahagian ulama' memberi pengertian *ulu al-amr* ini secara umum setelah dikhususkan kepada beberapa golongan yang lebih diutamakan.

Dr. Ali Abdul Halim Mahmud contohnya telah menyatakan bahawa ayat ini memerintahkan untuk taat kepada tiga perkara iaitu kepada Allah, Rasul dan *ulu al-amr* yang terdiri daripada para pemerintah, para ulama' dan setiap orang yang mempunyai kekuasaan dari kalangan manusia³⁸. Abdul Qadir Djaelani juga menyatakan bahawa kalimah *ulu al-amr* yang bererti orang yang memegang kekuasaan ini mempunyai erti yang luas sehingga setiap perkara yang berkaitan dengan kehidupan manusia mempunyai *ulu al-amr*. Dalam hal duniawi, pemimpin yang memimpin urusan keduniaan harus ditaati; seperti pemimpin negara, panglima perang dan sebagainya, manakala dalam hal keagamaan, para ulama' harus ditaati³⁹. Ibn Kathīr di dalam tafsirnya mengatakan bahawa *ulu al-amr* adalah merangkumi semua dari kalangan pemimpin dan ulama'⁴⁰. Dr. ʿĀṣim Aḥmad ʿAjīlah juga memiliki pendapat yang sama bahawa *ulu al-amr* bermaksud para pemerintah yang menguruskan umat Islam dari

³⁷ Abdul Qadir Djaelani (2001), *Negara Berdaulat Dalam Perspektif Islam*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd, h. 91. Rujuk juga Ahmad Mustafa al-Maraghi (1973), *Tafsīr al-Marāghī II*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 72.

³⁸ Dr. ʿAli ʿAbd al-Ḥalīm Maḥmūd (1996), *Al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah fī Sūrat al-Nisāʾ*. Medan: Dār al-Tauzīʿ, h. 202.

³⁹ Abdul Qadir Djaelani, *op.cit.*, h. 72.

⁴⁰ Ismāʿīl bin Kathīr (2000), *Tafsīr al-Qurʾān al-ʿAẓīm*, j. 1. Beirut: Dār Ihyaʾ al-Turath al-Arabiyy, h. 524.

pelbagai peringkat dan gelaran, yang tinggal di segenap pelusuk negara Islam dan wajib ditaati oleh orang bawahannya⁴¹.

Secara kesimpulannya dari perbincangan ini, *ulu al-amr* merangkumi pengertian yang luas iaitu seorang ketua atau pemimpin bagi sesebuah organisasi. Di dalam konteks negara Malaysia hari ini, *ulu al-amr* bagi negara Malaysia adalah Yang di-Pertuan Agong serta kerajaan yang memerintah yang terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri-menteri bagi badan pemerintahan; ahli-ahli dewan bagi badan perundangan; hakim-hakim bagi badan kehakiman dan lain-lain lagi di dalam organisasi kerajaan. Namun begitu, dalam konteks kajian ini penulis hanya menumpukan kepada pucuk pimpinan tertinggi negara sahaja iaitu golongan yang bertanggungjawab ke atas dasar-dasar dan perundangan negara serta penguatkuasaannya. Mereka terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan menteri-menteri kabinet.

2.4. Konsep Ketaatan Terhadap *Ulu Al-Amr* Menurut Perspektif Islam

Sebagaimana yang telah diperbahaskan bahawa pemimpin negara merupakan salah seorang yang dimaksudkan oleh perkataan *ulu al-amr* di dalam ayat 59 surah al-Nisā' dan bahkan mereka adalah golongan utama yang perlu difokuskan kerana kedudukan mereka yang paling tinggi dalam pemerintahan. Mengamalkan konsep ketaatan menurut Islam terhadap golongan ini tidak boleh diabaikan kerana mereka merupakan golongan penting yang mencorakkan masyarakat. Untuk itu, Islam telah menetapkan prinsip-prinsip di dalam memberikan ketaatan kepada pemimpin. Kepatuhan yang tidak terbatas atau penderhakaan yang tidak wajar terhadap pemimpin boleh merosakkan sesebuah masyarakat mahupun negara.

⁴¹ ʿĀṣim Aḥmad ʿAjīlah (Dr.) (t.t), *Tāʿati al-Ruʿasāʾ Wa Hudūdihā Fi al-Wazīfah al-ʿĀmmah*. Kaḥerah: ʿĀlam al-Kutub, h. 29.

Penulis meletakkan fokus utama di dalam membicarakan konsep ketaatan terhadap pemimpin menurut perspektif Islam ini kepada ayat 59 surah al-Nisā' yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ
مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulu al-amr (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Surah al-Nisā' (4): 59

Dari ayat ini konsep ketaatan yang dituntut oleh Islam dihuraikan berdasarkan hadith-hadith dan pandangan-pandangan ulama'. Tetapi sebelum itu disenaraikan terlebih dahulu beberapa ayat-ayat al-Quran yang memerintahkan ketaatan serta yang melarang ketaatan bagi mendapatkan gambaran umum tentang ketaatan yang diperintahkan oleh Allah di dalam al-Quran.

2.4.1. Perintah Mentaati Atau Kalimah “Al-Ṭā'ah” Di dalam Al-Quran

Di dalam al-Quran, terdapat sebanyak 135 kalimah yang diterbitkan daripada kalimah *al-ṭā'ah* serta memerintahkan manusia untuk memberikan ketaatan. Ini menunjukkan betapa pentingnya ketaatan di dalam agama dan kehidupan seorang

muslim⁴². Antaranya ialah Allah s.w.t memerintahkan supaya mentaati Allah dan RasulNya sebagaimana berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ
مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya, dan ulu al-amr di kalangan kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, Maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.”

Surah al-Nisā’ (4): 59

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكٰفِرِينَ ﴿٣٦﴾



Maksudnya: “Katakanlah: "Ta'atilah Allah dan Rasul-Nya; jika kamu berpaling, Maka Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang kafir"”.

Surah Ali ‘Imrān (3): 32

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾

Maksudnya: “Dan taatilah Allah dan rasul, supaya kamu diberi rahmat”.

Surah Ali ‘Imrān (3): 132

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَحْذَرُوا فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَأَعْلَمُوا

أَنَّمَا عَلَى رُسُولِنَا الْبَلٰغُ الْمُبِينُ ﴿٩٤﴾

Maksudnya: “Dan taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul-(Nya) dan berhati-hatilah. jika kamu berpaling,

⁴² Lihat Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī (1994), *Al-Mu’jam al-Mufahras Li Alfāz al-Qur’ān*, c. 4. Beirut: Dār al-Fikr, h. 545-546.

Maka Ketahuilah bahwa Sesungguhnya kewajiban Rasul kami, hanyalah menyampaikan (amanat Allah) dengan terang”.

Surah al-Māidah (5): 92

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَنْفَالِ ۖ قُلِ الْأَنْفَالُ لِلَّهِ وَالرَّسُولِ ۖ فَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِكُمْ ۖ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۖ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ



Maksudnya: “Mereka menanyakan kepadamu tentang (pembagian) harta rampasan perang. Katakanlah: "Harta rampasan perang kepunyaan Allah dan Rasul, oleh sebab itu bertakwalah kepada Allah dan perbaikilah perhubungan di antara sesamamu; dan taatlah kepada Allah dan rasul-Nya jika kamu adalah orang-orang yang beriman."

Surah al-Anfāl (8):1

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَوَلَّوْا عَنَّهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ

تَسْمَعُونَ

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berpaling dari pada-Nya, sedang kamu mendengar (perintah-perintah-Nya)”

Surah al-Anfāl (8): 20

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ

تُرْحَمُونَ

Maksudnya: “Dan Dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat, dan taatlah kepada rasul, supaya kamu diberi rahmat”.

Surah al-Nūr (24): 56

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنزَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ ۖ

وَأَصْبِرُوا ۖ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: “Dan taatlah kepada Allah dan rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan, yang menyebabkan kamu

menjadi gentar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar”.

Surah al-Anfāl (8): 46

وَلَقَدْ قَالَ لَهُمْ هَارُونُ مِنْ قَبْلُ يَنْقَوْمِ إِنَّمَا فُتِنْتُمْ بِهِ ^ط وَإِنَّ رَبَّكُمْ

الرَّحْمَنُ فَاتَّبِعُونِي وَأَطِيعُوا أَمْرِي ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “Dan Sesungguhnya Harun Telah Berkata kepada mereka sebelumnya: "Hai kaumku, Sesungguhnya kamu Hanya diberi cobaan dengan anak lembu. itu dan Sesungguhnya Tuhanmu ialah (Tuhan) yang Maha pemurah, Maka ikutilah Aku dan taatilah perintahku”.

Surah Tāhā (20): 90

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ ^ط فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا

حُمِّلَ وَعَلَيْكُمْ مَا حُمِّلْتُمْ ^ط وَإِن تَطِيعُوهُ تَهْتَدُوا وَمَا عَلَى الرَّسُولِ

إِلَّا الْبَلَّغُ الْمُبِينُ ﴿٩١﴾

Maksudnya: “Katakanlah: "Taat kepada Allah dan taatlah kepada rasul; dan jika kamu berpaling Maka Sesungguhnya kewajiban Rasul itu adalah apa yang dibebankan kepadanya, dan kewajiban kamu sekalian adalah semata-mata apa yang dibebankan kepadamu. dan jika kamu taat kepadanya, niscaya kamu mendapat petunjuk. dan tidak lain kewajiban Rasul itu melainkan menyampaikan (amanat Allah) dengan terang”.

Surah al-Nūr (24): 54

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى ^ط وَأَقِمْنَ

الصَّلَاةَ وَآتِينَ الزَّكَاةَ وَأَطِعْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ ^ج إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ

لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang Jahiliyah yang dahulu dan Dirikanlah shalat, tunaikanlah zakat dan taatilah Allah dan Rasul-Nya. Sesungguhnya Allah bermaksud hendak menghilangkan dosa dari kamu, Hai ahlul bait dan membersihkan kamu sebersih-bersihnya”.

Surah al-Aḥzab (33): 33

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوا
أَعْمَالَكُمْ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul dan janganlah kamu merusakkan (pahala) amal-amalmu”.

Surah Muḥammad (47): 33

ءَأَشْفَقْتُمْ أَن تُقَدِّمُوا بَيْنَ يَدَيْ نَجْوَانِكُمْ صَدَقْتِ فَاذَّ لَمْ تَفْعَلُوا
وَتَابَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا اللَّهَ
وَرَسُولَهُ ۗ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: “Apakah kamu takut akan (menjadi miskin) Karena kamu memberikan sedekah sebelum mengadakan pembicaraan dengan Rasul? Maka jika kamu tiada memperbuatnya dan Allah Telah memberi Taubat kepadamu Maka Dirikanlah shalat, tunaikanlah zakat, taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya; dan Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

Surah al-Mujādalah (58): 13

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ ۚ فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَإِنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا
الْبَلَاغُ الْمُبِينُ ﴿١٢﴾

Maksudnya: “Dan taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul-Nya, jika kamu berpaling Sesungguhnya kewajiban Rasul kami hanyalah menyampaikan (amanat Allah) dengan terang”.

Surah al-Taghābūn (64): 12

فَاتَّقُوا اللَّهَ مَا اسْتَطَعْتُمْ وَاسْمَعُوا وَأَطِيعُوا وَأَنْفِقُوا خَيْرًا
لِّأَنفُسِكُمْ ۗ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ ۗ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Maka bertakwalah kamu kepada Allah menurut kesanggupanmu dan dengarlah serta taatlah dan nafkahkanlah nafkah yang baik untuk dirimu. dan barangsiapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, Maka mereka Itulah orang-orang yang beruntung”.

Surah al-Taghābūn (64): 16

2.4.2. Golongan Yang Dilarang Ditaati Menurut Al-Quran

Di dalam al-Quran, Allah telah menyatakan tentang beberapa jenis golongan yang dilarang ditaati⁴³. Antaranya ialah:

(a) *Al-Mukadhdhibūn* (Orang-orang yang mendustakan)

Firman Allah:

فَلَا تُطِيعِ الْمُكَذِّبِينَ ﴿٨٠﴾ وَدُّوْا لَوْ تَدَّهِنُ فَيَدَّهِنُونَ ﴿٨١﴾ وَلَا
تُطِيعِ كُلَّ حَلَّافٍ مَّهِينٍ ﴿٨٢﴾ هَمَّازٍ مَّشَاءٍ بِنَمِيمٍ ﴿٨٣﴾ مَنَّاعٍ لِلْخَيْرِ
مُعْتَدٍ أَثِيمٍ ﴿٨٤﴾ عْتُلٌّ بَعْدَ ذَلِكَ زَنِيمٍ ﴿٨٥﴾

Maksudnya: “Maka janganlah kamu ikuti orang-orang yang mendustakan (ayat-ayat Allah). maka mereka menginginkan supaya kamu bersikap lunak lalu mereka bersikap lunak (pula kepadamu). Dan janganlah kamu ikuti setiap orang yang banyak bersumpah lagi hina. yang banyak mencela, yang kian ke mari menghambur fitnah, yang banyak menghalangi perbuatan baik, yang melampaui batas lagi banyak dosa, yang kaku kasar, selain dari itu, yang terkenal kejahatannya”.

Surah Al-Qalam (68): 8-13

Di dalam ayat-ayat di atas Allah melarang umat Islam mentaati atau mengikut beberapa golongan sebagaimana berikut⁴⁴:

1. Pendusta di mana mereka menghendaki supaya umat Islam bertolak ansur dengan mereka di dalam melakukan perkara yang dilarang sebagai syarat untuk mereka juga bersikap tolak ansur. Bertolak ansur atau berlemah-lembut terhadap mereka di sini bermaksud cenderung kepada sembahsan mereka dan mengabaikan kebenaran.
2. Golongan yang gemar bersumpah dengan nama Allah sedangkan sumpah mereka adalah palsu hanya untuk memperlihatkan keimanan mereka yang palsu.

⁴³ Hind Hussain Asad, *op.cit.*, h. 138-173.

⁴⁴ Ismā'īl bin Kathīr, *op.cit.*, j.5, h. 394-395.

3. Golongan yang suka mencela dan menyebarkan keburukan orang lain dengan niat jahat.
4. Golongan yang suka menghalang kebaikan dan melampaui batasan syari'at dengan melakukan perbuatan dosa.
5. Golongan yang kasar, jahat, bersifat sombong dan suka menghalang kebaikan.

(b) *Al-Ghāfil* (Yang lalai)

Firman Allah:

وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ
يُرِيدُونَ وَجْهَهُ ۗ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ
وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ
فُرْطًا ۗ

Maksudnya: “Dan Bersabarlah kamu bersama-sama dengan orang-orang yang menyeru Tuhannya di pagi dan senja hari dengan mengharap keridhaan-Nya; dan janganlah kedua matamu berpaling dari mereka (karena) mengharapkan perhiasan dunia ini; dan janganlah kamu mengikuti orang yang hatinya telah kami lalaikan dari mengingati kami, serta menuruti hawa nafsunya dan adalah keadaannya itu melewati batas.”

Surah Al-Kahf (18): 28

Di dalam ayat ini pula secara umumnya Allah memerintahkan kepada umat Islam supaya bersabar untuk hidup bergaul orang-orang yang baik dan beriman serta tidak berpaling dari mereka kerana ingin mencari keseronokan dunia. Dalam pada itu juga Allah melarang dari mentaati atau mengikut orang-orang yang lalai di dalam agama dan ibadah serta menyibukkan diri dengan dunia. Ini kerana golongan tersebut adalah golongan yang amalan mereka melampaui batasan agama dan sia-sia⁴⁵.

⁴⁵ *Ibid*, j. 3, h. 84-85.

(c) *Al-Kāfirūn* dan *Al-Munāfiqūn* (Kafir dan munafik)

Firman Allah:

وَلَا تُطِيعِ الْكٰفِرِيْنَ وَالْمُنٰفِقِيْنَ وَدَعٰ اٰذُنَهُمْ وَتَوَكَّلْ عَلٰى اللّٰهِ
وَكَفٰى بِاللّٰهِ وَكِيلًا ﴿٤٨﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu menuruti orang-orang yang kafir dan orang-orang munafik itu, janganlah kamu hiraukan gangguan mereka dan bertawakkallah kepada Allah. dan cukuplah Allah sebagai Pelindung”.

Surah Al-Ahzab (33): 48

Di dalam ayat ini Allah melarang mentaati golongan kafir dan munafik selain menghindari penganiayaan mereka serta menyerahkan segala perbuatan mereka kepada penghakiman dan keadilan Allah⁴⁶. Ini turut dinyatakan di dalam ayat yang lain:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنْ تُطِيعُوْا الَّذِيْنَ كَفَرُوْا يَرُدُّوْكُمْ
عَلٰى اَعْقَابِكُمْ فَتَنْقَلِبُوْا خٰسِرِيْنَ ﴿١٤٩﴾ بَلِ اللّٰهُ مَوْلٰىكُمْ وَهُوَ خَيْرُ
النّٰصِرِيْنَ ﴿١٥٠﴾

Maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman, jika kamu mentaati orang-orang yang kafir itu, niscaya mereka mengembalikan kamu ke belakang (kepada kekafiran), lalu jadilah kamu orang-orang yang rugi. Tetapi (ikutilah Allah), Allahlah Pelindungmu, dan Dia-lah sebaik-baik penolong.”

Surah ‘Āli ‘Imrān (3): 149

Di dalam ayat ini Allah menambah bahawa ketaatan kepada golongan kafir dan munafik ini boleh membawa orang-orang beriman kembali kepada kekufuran selain turut menyeru supaya mentaati Allah, memohon pertolongan dariNya dan menyerahkan segala urusan kepadaNya⁴⁷.

⁴⁶ *Ibid*, j. 3, h. 502.

⁴⁷ *Ibid*, j. 1, h. 418.

(d) *Ahl al-Kitāb* (Yahudi dan Nasrani)

Firman Allah:

يَتَّيِبُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَطِيعُوا فَرِيقًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ
يَرُدُّكُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ ﴿١٠٠﴾

Maksudnya: “*Hai orang-orang yang beriman, jika kamu mengikuti sebahagian dari orang-orang yang diberi Al-kitab, niscaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang kafir sesudah kamu beriman.*”

Surah ‘Āli ‘Imrān (3): 100

Di dalam ayat ini Allah memberi amaran kepada orang-orang yang beriman supaya tidak mentaati golongan ahl al-kitāb yang sentiasa menyimpan perasaan hasad dengki kepada orang mu’min kerana kelebihan yang dikurniakan oleh Allah dengan mengutuskan rasul terakhir dari kalangan mereka dan bukan dari kalangan ahli al-kitāb. Perasaan hasad dengki tersebut menyebabkan mereka ingin melihat orang-orang beriman kembali kafir⁴⁸.

Kesimpulannya, Allah mengingatkan bahawa terdapat golongan yang memiliki sifat-sifat tertentu yang dilarang ditaati atau diikuti kerana sifat-sifat golongan tersebut akan merosakkan Islam dan umat Islam. Yang dimaksudkan dengan mentaati golongan-golongan ini ialah mengikut kehendak mereka yang membawa kepada kerosakan tersebut. Secara umumnya, larangan-larangan yang disebutkan di sini disebabkan wujudnya akibat buruk hasil daripada memberikan ketaatan terhadap mereka atau mengikut mereka.

⁴⁸ *Ibid*, j. 1, h. 394.

2.4.3. Tafsiran ayat 59, Surah al-Nisā'

Terdapat dua pendapat ulama' berkenaan dengan sebab penurunan ayat ini. Satu daripadanya adalah seperti yang diriwayatkan di dalam sebuah hadith yang dikeluarkan oleh Imam al-Bukhāri dan Imam Muslim di dalam kitab-kitab *Ṣaḥīḥ* mereka serta oleh imam-imam lain sebagaimana berikut⁴⁹:

قال ابن جريج نزل (يا أيها الذين آمنوا أطيعوا الله وأطيعوا الرسول وأولي الأمر منكم) في عبد الله بن حذافة بن قيس بن عدي السهمي بعثه النبي صلى اللهم عليه وسلم في سرية

Yang bermaksud: “*Ibn Juraij berkata, ayat: يا أيها الذين آمنوا أطيعوا الله وأطيعوا الرسول وأولي الأمر منكم* (diturunkan kepada ‘Abdullāh Ibn Hudhāfah Ibn Qays Ibn ‘Adiy al-Sahmiy yang diutuskan oleh Rasulullah s.a.w dalam suatu pasukan tentera.”

Selain itu riwayat di dalam Sahih Bukhari menceritakan kisah ini secara lebih terperinci:⁵⁰

عن علي رضي اللهم عنه قال بعث النبي صلى اللهم عليه وسلم سرية فاستعمل رجلا من الأنصار وأمرهم أن يطيعوه فغضب فقال أليس أمركم النبي صلى اللهم عليه وسلم أن تطيعوني قالوا بلى قال فاجمعوا لي حطباً فجمعوا فقال أوقدوا نارا فأوقدوها فقال ادخلوها فهموا وجعل بعضهم يمسك بعضها ويقولون فررنا إلى النبي صلى اللهم عليه وسلم من النار فما زالوا حتى خمدت النار فسكن غضبه فبلغ النبي صلى اللهم عليه وسلم فقال لو دخلوها ما خرجوا منها إلى يوم القيامة الطاعة في المعروف

Maksudnya: “*Daripada ‘Ali r.a, beliau berkata bahawa Nabi telah mengutuskan sepasukan tentera. Beliau telah melantik seorang lelaki dari kalangan kaum Anṣār untuk mengetuainya dan memerintahkan mereka supaya mentaatinya. (Suatu ketika) Ketua tersebut merasa marah dan berkata, “bukankah Nabi s.a.w telah memerintahkan kamu supaya mentaatiku?” Mereka berkata, “Bahkan begitu”. Beliau berkata, “Kumpulkan kapadaku kayu api”. Mereka mengumpulkannya. Beliau berkata, “Nyalakan api”. Maka mereka telah menyalakannya.*

⁴⁹ Al-Imām Maḥyuddin al-Nawāwī, *op.cit.*, h. 175, hadith 1834.

⁵⁰ Muḥammad ibn Ismā‘il Al-Bukhāri, *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*. Beirut: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy, h. 764.

Beliau berkata, “Masuklah”. Maka mereka merasa ragu-ragu dan sebahagian dari mereka menahan sebahagian yang lain. Mereka berkata, “kita lari kepada Nabi s.a.w dari api”. Begitulah berlaku sehingga api terpadam dan kemarahannya reda. Berita tersebut sampai kepada Nabi s.a.w dan beliau bersabda, “Kalaulah mereka masuk ke dalamnya, mereka tidak akan keluar darinya hinggalah hari kiamat, ketaatan hanyalah di dalam perkara yang ma^cruf”.

Berdasarkan dua hadith ini dapat diketahui bahawa ayat ini diturunkan bersempena dengan kisah ^cAbdullāh Ibn Ḥudhāfah Ibn Qays Ibn ^cAdiy al-Sahmiy yang dihantar bersama pasukan tenteranya. Beliau telah memerintahkan tenteranya masuk ke dalam api kerana marah. Akhirnya, apabila berita tersebut sampai kepada Rasulullah s.a.w, baginda menjelaskan bahawa ketaatan hanyalah dituntut di dalam perkara-perkara yang ma^cruf iaitu perkara yang baik pada pandangan Islam.

Sebuah lagi kisah yang dikaitkan mengenai penurunan ayat ini ialah kisah Khālid bin al-Wālid⁵¹ yang juga diutuskan oleh Rasulullah s.a.w ke suatu tempat bersama pasukan tenteranya termasuk seorang sahabat yang terkenal iaitu ^cAmmār bin Yasīr⁵². Mereka bergerak menuju kepada suatu kaum yang dimaksudkan, namun dilihat oleh pasukan penyiasat musuh yang kemudiannya memberitahu kepada kaum tersebut. Lantaran itu, mereka semua telah terlebih dahulu melarikan diri sebelum pasukan Khālid tiba melainkan seorang lelaki bersama keluarganya. Pada waktu malam yang gelap, lelaki tersebut telah pergi ke tempat perkhemahan tentera Khālid dan menemui ^cAmmār bin Yasīr. Lelaki tersebut menyatakan bahawa beliau telah menganut Islam dan bertanya bahawa adakah keislamannya itu akan menyelamatkannya daripada tentera Khālid pada keesokan hari atau, jika tidak beliau juga akan melarikan diri sebagaimana kaumnya. Lantaran itu ^cAmmār menjamin keselamatannya. Pada keesokan harinya, Khālid dan tenteranya pun tiba ditempat tersebut dan tidak menemui sesiapa melainkan lelaki yang pernah menemui ^cAmmār tersebut. Lelaki tersebut dan keluarganya

⁵¹ Ismā^cil bin Kathīr, *op.cit.*, j. 1, h. 524.

⁵² Al-Fakhrurrāzi, *op.cit.*, h. 143-144.

kemudiannya telah ditangkap dan hartanya dirampas lalu berita tersebut sampai ke pengetahuan ʿAmmār. Beliau pun menemui Khālid dan meminta supaya membebaskan lelaki tersebut kerana telah menganut Islam dan diberi perlindungan oleh beliau. Khālid merasa marah dengan penentangan yang dilakukan oleh ʿAmmār. Berita itu akhirnya diketahui oleh Rasulullah s.a.w lalu baginda membenarkan perlindungan yang diberikan oleh ʿAmmār tersebut tetapi melarang beliau menentang ketua buat kali yang kedua.

Kedua-dua kisah yang dianggap sebagai sebab penurunan ayat ini menjadi panduan kepada ulama' di dalam menentukan pengertian ayat serta maksud sebenar *ulu al-amr* yang terdapat di dalamnya. Namun begitu, kisah pertama adalah lebih masyhur dan lebih terjamin kebenarannya kerana diriwayatkan di dalam kedua-dua kitab *Ṣaḥīḥ* Bukhāri dan Muslim. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang ulama' al-Azhar, Dr. ʿAli ʿAbd al-Ḥalīm Maḥmūd, apa pun jua sebab turunnya sesuatu ayat al-Quran, pengajarannya diambil berdasarkan lafaznya yang umum dan bukannya sebab turunnya yang khusus⁵³.

Dalam konteks kajian ini, ayat 59 surah al-Nisā' inilah yang menjadi asas perbincangan kerana ia adalah dasar bagi konsep ketaatan jika ditinjau dari perspektif *ulu al-amr* yang disebutkan oleh al-Quran yang menjadi sumber utama perundangan Islam. Oleh kerana itu, tafsiran yang tepat dan pemahaman yang jelas terhadap ayat ini amatlah penting diketahui supaya tidak terkeluar dari landasan Islam yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w.

Abu al-Aʿla al-Maudūdi yang merumuskan tentang pengertian ayat ini menyatakan bahawa, “Ayat ini menjelaskan tentang enam perkara yang berkaitan dengan prinsip asas:

- a. Ketaatan kepada Allah dan RasulNya didahulukan daripada segala ketaatan kepada yang lain.

⁵³ Dr. ʿAli ʿAbd al-Ḥalīm Maḥmūd, *op.cit.*, h. 202.

- b. Ketaatan kepada *ulu al-amr* datang setelah ketaatan kepada Allah dan RasulNya.
- c. *Ulu al-amr* haruslah terdiri daripada orang mukmin.
- d. Rakyat mempunyai hak menggugat para penguasa dan pemerintah.
- e. Kekuatan penentu dalam setiap perselisihan adalah ketentuan-ketentuan Allah dan RasulNya.
- f. Diperlukan adanya suatu ketentuan yang bebas dan merdeka dari tekanan rakyat mahupun pengaruh para penguasa, agar dapat memberi keputusan dalam perselisihan sesuai dengan ketentuan tertinggi, iaitu hukum Allah dan sunnah rasulNya⁵⁴.

Ibnu Kathīr pula mentafsirkan perintah “*taatlah kamu kepada Allah*” sebagai ikutilah kitabNya iaitu al-Quran; manakala pengertian “*taatlah kamu kepada Rasulallah*” sebagai ambillah sunnahnya. Bagi tafsiran terhadap perintah ketaatan kepada *ulu al-amr* pula, Ibnu Kathīr menegaskan bahawa ketaatan tersebut hanya diwajibkan bagi perkara-perkara yang tidak terdapat penderhakaan kepada Allah dan RasulNya⁵⁵. Tafsiran ini walaupun ringkas, namun mempunyai makna yang jelas. Seseorang itu tidak dapat mematuhi segala perintah Allah s.w.t dan Rasulallah s.a.w melainkan dia mengamalkan segala yang disampaikan oleh Allah melalui RasulNya iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Jadi secara asasnya, ketaatan kepada Allah dan Rasulnya adalah melalui pengamalan al-Quran dan al-Sunnah. Begitu juga ketaatan kepada *ulu al-amr* hanya berlaku dengan mematuhi perintah *ulu al-amr* setelah terlebih dahulu memenuhi perintah Allah dan RasulNya.

Ramai *mufasssirm* yang memberikan tafsiran yang sama atau tidak jauh berbeza dari Ibnu Kathir mengenai pengertian perintah Allah di dalam ayat 59 surah al-Nisā’ dan secara keseluruhannya mereka bersepakat bahawa ketaatan kepada Allah dan

⁵⁴ Abu al-A^cla al-Maudūdī (1984), *Khilafah Dan Kerajaan*. Muḥammad al-Bāqir (terj.). Bandung: Mizan, h. 73.

⁵⁵ Ismā‘il bin Kathīr, *op.cit.*, j. 1, h. 524-525.

RasulNya adalah ketaatan yang mutlak atau tidak bersyarat. Dari sini jelas bahawa larangan untuk mentaati pemimpin di dalam perkara maksiat telah disepakati ulama' dan dinyatakan di dalam banyak hadith yang antaranya adalah sebagaimana berikut⁵⁶:

على المرء المسلم السمع والطاعة فيما أحب وكره إلا أن يؤمر بمعصية فإن
أمر بمعصية فلا سمع ولا طاعة

Maksudnya: “Diwajibkan ke atas seseorang muslim mendengar dan mentaati di dalam apa yang disukai atau yang dibenci melainkan jika dia diperintahkan dengan maksiat, sekiranya diperintahkan dengan (untuk melakukan) maksiat maka tidak perlu mendengar dan tidak perlu taat.

Cuma terdapat pendapat yang agak berlainan sebagaimana pendapat al-Kalbi yang dipetik oleh al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī di dalam kitabnya, yang mentafsirkan perintah taat kepada Allah sebagai perintah untuk taat di dalam perkara-perkara fardhu manakala perintah taat kepada Rasulullah s.a.w adalah perintah untuk taat di dalam perkara-perkara sunat. Namun, al-Alūsī menyatakan bahawa pendapat yang lebih utama adalah yang bermaksud taat di dalam segala perintah serta larangan Allah dan RasulNya⁵⁷.

Ibnu Taimiyah menyatakan bahawa ayat sebelumnya, iaitu ayat-58 surah al-Nisā' ditujukan kepada *ulu al-amr* supaya menunaikan amanah kepada orang yang berhak dan melaksanakan hukum di antara manusia dengan hukuman yang adil. Manakala ayat-59 tersebut diturunkan buat rakyat yang terdiri daripada kalangan tentera dan sebagainya supaya mereka mentaati *ulu al-amr* di dalam segenap perkara seperti perundangan, kehakiman, peperangan dan lain-lain kecuali jika diperintahkan untuk melakukan perkara yang menyebabkan penderhakaan kepada Allah kerana tiada ketaatan terhadap makhluk di dalam menderhakai Pencipta. Sekiranya *ulu al-amr* tidak melaksanakan amanah, maka rakyat harus taat di dalam perkara yang tidak menderhakai

⁵⁶ Al-Imām Maḥyuddin al-Nawāwi, *op.cit.*, h. 178, hadith 1839.

⁵⁷ Al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī al-Baghdadi (t.t), *Rūh al-Ma'ānī Fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm wa al-Sab'ū al-Mathānī*, j. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 63.

Allah dan RasulNya sahaja serta menunaikan hak-hak ke atas pemimpin tersebut⁵⁸

bersandarkan kepada firman Allah:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“...bertolong-tolonglah kamu dalam melakukan perkara-perkara kebaikan dan ketaqwaan, dan janganlah kamu saling membantu di dalam perkara dosa dan permusuhan...”.

Surah al-Ma'idah (5): 2

Harus bagi umat Islam membantu pemimpin yang zalim di dalam perkara yang bukan maksiat, lebih-lebih lagi di dalam perkara yang dituntut oleh syari'at. Dr. Yūsuf al-Qaradhawi di dalam jawapannya terhadap satu pertanyaan telah memberikan pendapat beliau dengan menyokong kaedah yang dikemukakan oleh al-'Allāmah Sayyid Rasyid Riḍa rahimahullah yang dinamakan sebagai kaedah *al-Manār al-Dhahabiyyah*. Kaedah yang dimaksudkan ialah bantu-membantu antara semua ahli kiblāt di dalam menghadapi musuh Islam⁵⁹. Menurut beliau umat Islam perlu saling membantu di dalam mencapai matlamat agama sedangkan orang kafir dan musuh Islam telah saling membantu di dalam menegakkan kesesatan. Firman Allah:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُن فِتْنَةً فِي

الْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang kafir, setengahnya menjadi penyokong dan pembela bagi setengah yang lain. Jika kamu (wahai umat Islam) tidak menjalankan (dasar bantu-membantu sesama kamu yang diperintahkan oleh Allah) itu, nescaya akan berlakulah fitnah (kekacauan) di muka bumi dan kerosakan yang besar.”

Surah Al-Anfāl (8): 73

Berdasarkan kaedah tersebut menurut beliau, diharuskan bekerjasama dengan golongan yang bersikap lebih bertolak ansur dengan Islam di dalam melaksanakan

⁵⁸ Shaikh al-Islam Aḥmad bin Taimiyyah, *op.cit.*, j. 28, h. 245.

⁵⁹ Yusuf al-Qaradhawi (1995), *Fatwa Masa Kini*. Zaidi Jalil et. al. (terj.), j. 5&6. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., h. 228.

sesuatu yang baik dan memerangi golongan yang lebih kuat memusuhi Islam. Lantaran itu, harus membantu pemerintah di dalam melaksanakan perkara yang baik dan tidak bertentangan dengan syari'at kerana ia boleh membawa kemaslahatan kepada Islam dan umat Islam.

Keperluan mentaati pemimpin di dalam perkara sebegini jelas jika merujuk kepada sebuah hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Imam Muslim sebagaimana berikut. Seorang sahabat telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w jika seorang pemerintah meminta rakyatnya menunaikan hak mereka kepadanya sedangkan dia tidak menunai hak mereka dimana akhirnya Rasulullah s.a.w telah menjawab: *“Dengar dan taatlah, mereka bertanggungjawab di atas apa yang mereka lakukan dan kamu bertanggungjawab atas apa yang kamu lakukan”*⁶⁰. Imam al-Nawāwi yang menghuraikan hadith ini menyatakan bahawa wajib bersabar di atas kezaliman pemerintah di dalam urusan yang bukan maksiat, dan tidak gugur ketaatan kepada mereka dengan sebab kezaliman mereka⁶¹. Ini kerana menyanggahi pemimpin akan membawa kepada kerosakan pada agama dan dunia⁶². Maka adalah wajib ke atas seorang muslim mentaati *ulu al-amr* dan memberi nasihat kepada mereka walaupun mereka dizalimi⁶³. Di dalam sebuah hadith lain dinyatakan⁶⁴:

دعانا رسول الله صلى الله عليه وسلم، فبايعناه، فكان فيما أخذ علينا أن
بايعنا على السمع والطاعة في منشطنا ومكرهنا، وعسرنا ويسرنا، وأثرة
علينا، وأن لا ننازع الأمر أهله، قال: إلا أن تروا كفرا بواحا عندكم من الله
فيه برهان.

Maksudnya: *“Rasulullah menyeru kami dan kami pun memberi bai'ah kepada baginda, lalu baginda berpesan supaya kami memberikan taat setia untuk mendengar dan taat pada perkara yang kami suka dan yang kami benci, yang sukar dan yang mudah, dan yang mengenai kesannya atas kami, dan supaya kami tidak mencabut pemerintahan itu dari ahlinya, dan*

⁶⁰ Al-Imām Maḥyuddin al-Nawāwī, *op.cit.*, h. 186, hadith 1846.

⁶¹ *Ibid.*, h. 187.

⁶² *Ibid.*, h. 177.

⁶³ Ibnu Taimiyyah, *Majmū' Fatāwā*, *op.cit.*, j. 35, h. 9.

⁶⁴ Al-Imām Maḥyuddin al-Nawāwī, *op.cit.*, h. 181, hadith 1709.

baginda berkata lagi: melainkan kamu melihat kekufuran yang nyata yang dengannya kamu memiliki bukti di hadapan Allah”.

Lantaran itu, kezaliman pemerintah belum menjadi alasan yang kukuh untuk menjatuhkannya melainkan kelihatan pada pemerintah tersebut sifat kufur yang jelas. Namun begitu, ketaatan di dalam perkara maksiat adalah haram ke atas seorang muslim sekalipun dipaksa sebagaimana yang banyak berlaku ke atas para ulama’ seperti Imam Ahmad bin Hanbal, melainkan di dalam keadaan darurat sebagaimana yang ditetapkan di dalam kaedah fiqh yang bermaksud, “darurat mengharuskan perkara-perkara yang diharamkan”⁶⁵.

Selain itu, Syaikh Dr. ‘Umar ‘Abd al-Raḥmān pula menjelaskan mengenai konsep ketaatan ini berdasarkan jenis-jenis pemerintah. Menurut beliau, ketaatan terhadap pemerintah mempunyai kepelbagaian hukumnya berdasarkan jenis atau kategori pemerintah tersebut. Beliau telah membahagikan pemerintah kepada empat jenis yang setiap satunya mempunyai kedudukan dan hukum tersendiri menurut syari’at. Jenis-jenis tersebut ialah pemerintah muslim yang adil, pemerintah muslim yang zalim, pemerintah muslim pembuat bidaah dan pemerintah kafir⁶⁶. Pemerintah muslim dan adil yang dimaksudkan ialah pemerintah yang menegakkan agama, dan memimpin rakyat dengan al-Qur’an dan hadith serta bersifat adil⁶⁷. Pemerintah jenis ini wajib ditaati dan mentaatinya termasuk sebahagian daripada mentaati Allah s.w.t dan Rasul s.a.w sebagaimana Allah memerintahkan supaya mentaatinya di dalam ayat 59 surah al-Nisa’. Oleh kerana itu, hukum menderhakai, melawan dan memerangi mereka adalah haram⁶⁸. Merujuk kepada pemerintah jenis inilah, datangnya beberapa hadith daripada Rasulullah s.a.w dan antaranya sebagaimana berikut:

ولو استعمل عليكم عبد يقودكم بكتاب الله فاسمعوا له وأطيعوا

⁶⁵ Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin (2000), *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., h. 156.

⁶⁶ Dr. ‘Umar ‘Abd al-Raḥmān (1998), *Jenis-Jenis Pemerintah dan Status Hukumnya Menurut Islam*. M. Bukhori Burhanuddin (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada, h. 31.

⁶⁷ *Ibid.*, h. 33.

⁶⁸ *Ibid.*, h. 34.

Maksudnya: “Walaupun diangkat ke atas kamu seorang hamba yang memimpin kamu dengan kitab Allah, maka dengarlah dan taatlah dia.”⁶⁹

من خرج من الطاعة وفارق الجماعة فمات مات ميتة جاهلية

Maksudnya: “Sesiapa yang keluar daripada ketaatan dan memisahkan diri dari jemaah lalu mati, maka dia mati sebagaimana mati dalam keadaan jahiliyyah.”⁷⁰

من أطاعني فقد أطاع الله ومن يعصني فقد عصى الله ومن يطع الأمير

فقد أطاعني ومن يعص الأمير فقد عصاني

Maksudnya: “Sesiapa yang mentaati aku, sesungguhnya dia telah mentaati Allah, sesiapa yang menderhakai aku, maka sesungguhnya dia telah menderhakai Allah, sesiapa yang mentaati pemimpin, maka sesungguhnya dia telah mentaati aku, dan sesiapa yang menderhakai pemimpin, maka sesungguhnya dia telah menderhakai aku.”⁷¹

Pemerintah yang zalim pula adalah pemerintah yang melakukan sebahagian dosa yang kerana dosa tersebut dia berhak disebut secara mutlak sebagai zalim atau *fāsiq* seperti berzina, minum arak, mendera seseorang muslim tanpa hak atau mengabaikan penetapan hukum dengan berdasarkan syarak. Ini kerana, menderhakai hukum Allah bukanlah bermaksud menolak hukum Allah atau menggantikannya⁷². Di dalam menghadapi pemerintah jenis ini, ulama’ berbeza pendapat dimana sebahagiannya mengatakan bahawa wajib bersabar terhadapnya manakala pendapat yang lebih keras menyatakan bahawa wajib keluar menentang dan memecatnya. Selain daripada dua pendapat ini, wujud pula pendapat yang ketiga melihat kepada akibat daripada kedua-dua tindakan ini iaitu, bersabar terhadap pemimpin jenis ini akan membawa kepada kezaliman dan kerosakan yang bermaharajalela manakala melawannya pula akan membawa kepada pertumpahan darah yang juga merupakan suatu kerosakan. Oleh itu, perbandingan harus dibuat di antara kedua-dua kerosakan ini dan kerosakan yang lebih

⁶⁹ Al-Imām Maḥyuddin al-Nawāwī, *op.cit.*, h. 178, hadith 1838.

⁷⁰ *Ibid.*, h. 188, hadith 1848.

⁷¹ *Ibid.*, h. 176, hadith 1835.

⁷² ^cUmar ^cAbd al-Raḥmān, *op.cit.*, h. 39.

kecil harus dipilih dan dilaksanakan iaitu sama ada bersabar terhadap pemimpin tersebut atau melawannya⁷³. Setelah membentangkan kepelbagaian pendapat ulama', akhirnya Dr. °Umar °Abd al-Raḥmān membuat kesimpulan yang antaranya ialah, tidak boleh memberi kuasa pemerintahan kepada orang fasiq dan jika seseorang yang lebih adil keluar melawan pemerintah yang zalim maka orang tersebut tidak dianggap sebagai pemberontak⁷⁴.

Pemerintah jenis yang ketiga iaitu pemerintah muslim ahli bidaah tetapi mereka tetap melaksanakan pemerintahan berdasarkan al-Qur'an dan al-Hadith⁷⁵. Contoh pemerintah jenis ini adalah seperti khalifah al-Ma'mun, al-Mu'tasim dan al-Wathiq yang berpegang bahawa al-Quran itu makhluk. Dr. °Umar °Abd al-Raḥmān membentangkan pendapat-pendapat ulama' mengenai pemerintah jenis ini dan menyatakan bahawa jumur ulama' berpendapat bahawa jawatan pemimpin ini tidak boleh diserahkan kepada ahli bidaah. Oleh kerana itu, apabila sesuatu bidaah menimpa seseorang imam gugurlah jawatannya dan wajib bangun melawannya apabila ada kemampuan atas tindakannya itu. Tetapi, Imam Ahmad berpendapat tidak boleh keluar daripada mentaatinya atau untuk melawannya. Kebanyakan dari ulama' Basrah berpegang bahawa bidaah itu tidak menjadi alasan untuk menjatuhkan jawatan kepimpinan dan tidak juga untuk memberhentikannya. Manakala bidaah yang mengakibatkan kekafiran yang jelas hukumnya adalah seperti pemerintah kafir dan wajiblah keluar melawannya.

Pemerintah terakhir iaitu pemerintah kafir telah jelas hukumnya sebagaimana yang diriwayatkan di dalam sebuah hadith⁷⁶:

بايعنا على السمع والطاعة في منشطنا ومكرهنا وعسرنا ويسرنا وأثرة علينا
وأن لا ننازع الأمر أهله إلا أن تروا كفرا بواحا عندكم من الله فيه برهان

⁷³ *Ibid.*, h. 42-45.

⁷⁴ *Ibid.*, h. 84-85.

⁷⁵ *Ibid.*, h. 87.

⁷⁶ Al-Imām Maḥyuddin al-Nawāwi, *op.cit.*, h. 181, hadith 1709.

Maksudnya: “kami telah membai‘at untuk mendengar dan taat pada waktu bersemangat dan waktu yang tidak disukai, waktu susah dan waktu senang, dan waktu tidak mementingkan diri sendiri, dan tidak mencabut jawatan dari ketua melainkan “jika kamu melihat kekafiran yang jelas yang membolehkan kamu memiliki alasan dari Allah.”

Ulama’ bersepakat bahawa jawatan kepimpinan tidak boleh diserahkan kepada seorang yang kafir. Jika kekafiran tersebut menimpa seseorang pemerintah maka gugurlah kewajipan taat kepadanya dan umat Islam berkewajipan untuk bangkit melawan dan memecatnya, serta melantik seorang imam yang adil.

Berkenaan dengan pemimpin yang tidak melaksanakan hukum Allah, Dr. ‘Umar ‘Abd al-Raḥmān membuat kesimpulan bahawa pemerintah yang melakukannya kerana derhaka termasuk di dalam jenis pemerintah yang zalim. Pemerintah yang tidak melaksanakan hukum Allah kerana mendustakan, memperkecilkan atau tidak mempercayainya pula termasuk di dalam pemerintah kafir⁷⁷. Ini bersesuaian dengan apa yang dinyatakan oleh Dr. Yūsuf al-Qaradhawi yang turut menambah sifat zalim dan fasiq tidak boleh dipandang ringan⁷⁸ kerana terdapat banyak ayat yang menggambarkan kedua-duanya adalah sifat diberi ancaman dan ingatan yang besar oleh Allah⁷⁹. Lantaran itu, setiap pemerintah harus berhati-hati supaya tidak ditimpa oleh kedua-dua sifat tersebut.

Berdasarkan dalil-dalil dan pandangan-pandangan ulama’ yang telah dihuraikan dapatlah difahami bahawa ketaatan kepada Allah dan RasulNya adalah wajib secara mutlak manakala ketaatan kepada *ulu al-amr* bergantung kepada ketaatannya terhadap Allah dan RasulNya di mana tiada ketaatan di dalam perkara-perkara maksiat. Inilah antara hikmah lafaz *al-tā‘at* tidak diulang buat kali ketiga sebelum lafaz *ulu al-amr*,

⁷⁷ ‘Umar ‘Abd al-Raḥmān (1998), *op.cit.*, h. 123.

⁷⁸ Yusuf al-Qaradhawi (1995), *Fatwa Masa Kini. op.cit.*, j. 7&8, h. 702.

⁷⁹ Rujuk Surah Hud 11: 18, Surah Ali-Imran 3: 57, Surah Al-Ma’idah 5: 51, Surah Al-Munafiqun 63: 6 dan Surah Al-Hujurat 49: 11.

sedangkan ia diulang ketika menyebut ketaatan terhadap Rasulullah s.a.w⁸⁰. Namun begitu, secara keseluruhannya didapati bahawa konsep ketaatan kepada *ulu al-amr* yang dihuraikan oleh para ulama' menekankan tentang pentingnya menjauhkan apa yang membawa kepada kerosakan yang lebih besar kepada agama dan mengutamakan apa yang lebih banyak membawa manfaat. Kerosakan dan manfaat disini perlulah ditimbang berasaskan nilai Islam iaitu memelihara perkara-perkara yang ingin dipelihara oleh Islam. Terdapat lima perkara utama yang ingin dipelihara oleh Islam iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta benda⁸¹. Oleh itu, di dalam masalah wujudnya kesan hasil dari pemberian ketaatan atau penderhakaan, perlulah dipertimbangkan kesan tersebut dari sudut kemaslahatan dan kerosakan yang terkandung di dalamnya. Pertimbangan antara kesan-kesan ini perlu dilakukan bagi memastikan apakah tindakan yang lebih utama dilakukan di dalam urusan mentaati pemimpin.

2.4.4. Peranan Kaedah-Kaedah Fiqh di Dalam Membuat Pertimbangan Pemberian Ketaatan Terhadap Pemimpin

Kaedah-kaedah *fiqh* bermaksud kaedah-kaedah hukum yang bersifat umum yang mengandungi hukum-hukum umum yang sesuai dengan bahagian-bahagiannya⁸². Kaedah-kaedah ini menjadi asas kepada banyak kaedah lain yang digunakan untuk meletakkan hukum bagi perbuatan *mukallaf* serta menjadi asas kepada pemahaman maksud-maksud syari'at. Kesimpulannya, kaedah-kaedah *fiqh* ialah kaedah-kaedah dalam undang-undang Islam yang menjadi asas untuk memahami dan mengembangkan *fiqh* Islam tentang kaedah-kaedah hukum⁸³.

Di dalam menjelaskan tentang konsep ketaatan terhadap pemimpin menurut Islam, kaedah-kaedah *fiqh* juga memainkan peranan di dalam menentukan hukum-

⁸⁰ Sayyid Qutb, *op.cit.*, h. 691.

⁸¹ Lihat huraian dibawah pecahan 2.4.4.

⁸² Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin (2000), *op.cit.*, h. 5.

⁸³ *Ibid.* h. 6.

hukum yang berkaitan. Ini disebabkan ketaatan terhadap pemimpin melibatkan perbuatan mukallaf yang menjadi skop perbahasan kaedah-kaedah *fiqh*⁸⁴. Di antara lima kaedah asas yang telah dinyatakan oleh jumur ulama', terdapat dua kaedah yang dilihat berkaitan dengan kaedah pemberian ketaatan terhadap pemimpin iaitu kaedah *al-Masyaqqah Tajlibu al-Taysir* dan *al-Dararu Yuzālu*.

Al-Masyaqqah Tajlibu al-Taysir dari sudut bahasanya bermaksud, kesukaran menarik kemudahan. Ini bermaksud apabila terdapat sesuatu kesukaran dalam melaksanakan perintah Allah, perintah itu diringkankan dan hukumnya berubah tidak seperti asalnya⁸⁵. Kesukaran yang dimaksudkan di sini ialah kesukaran yang membawa kepada kemudaratan samada pada diri dan harta benda, atau kesukaran yang memakan masa yang lama dan waktu yang panjang⁸⁶.

Al-Dararu Yuzālu pula dari sudut bahasanya bermaksud bahaya mesti dihapuskan. Kaedah ini bermaksud sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya atau perkara yang merbahaya tersebut mestilah dihilangkan. Daripada kaedah ini, tidak dibolehkan mendatangkan bahaya kepada diri sendiri dan orang lain sama ada yang berkaitan dengan hak umum atau khusus⁸⁷. Oleh itu, segala perkara yang boleh mendatangkan bahaya kepada kaum muslimin hendaklah dihindari.

Kedua-dua kaedah asas ini amat berkaitan dengan kaedah mentaati pemimpin. Ini kerana urusan ketaatan terhadap pemimpin banyak melibatkan risiko bahaya dan kerosakan kerana pemimpin merupakan golongan yang memiliki kuasa serta berupaya mendatangkan manfaat atau bahaya yang besar kepada rakyat. Kedua-dua kaedah ini boleh diaplikasikan di dalam urusan pemberian ketaatan terhadap pemimpin kerana telah jelas pandangan-pandangan ulama' yang telah dibentangkan sebelum ini tentang keperluan memilih perkara yang paling kurang mendatangkan kerosakan di dalam

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ *Ibid.* h. 139.

⁸⁶ *Ibid.* h. 144.

⁸⁷ *Ibid.* h. 174.

mentaati pemimpin selain kaedahnya yang asal iaitu kewajipan mentaati di dalam perkara yang bukan maksiat serta larangan mentaati di dalam perkara maksiat.

Selain dari kaedah-kaedah asas, banyak lagi kaedah-kaedah fiqh lain yang menjadi panduan di dalam mentaati pemimpin dan ini memerlukan huraian dan penjelasan para ulama'. Untuk tujuan ini, Dr. Yūsuf al-Qaradhawi telahpun menggariskan suatu kaedah yang dinamakan sebagai *Fiqh al-Aulawiyāt*.

2.4.5. *Fiqh al-Aulawiyāt* Sebagai Neraca Pertimbangan Pemberian Ketaatan Terhadap Pemimpin

Kesimpulan dari perbincangan sebelum ini tentang konsep ketaatan terhadap pemimpin yang terdapat di dalam pengertian surah al-Nisā' dapat difahami bahawa perlunya memilih perkara yang paling kurang mendatangkan kerosakan dan paling banyak membawa kemaslahatan. Atas asas ini, apabila terdapat beberapa pilihan yang sukar ketika berhadapan dengan sesuatu masalah, maka seseorang muslim berkewajipan untuk mengutamakan perkara yang lebih kecil bahayanya. Di dalam memilih perkara yang lebih utama dilakukan ini, Dr. Yūsuf al-Qaradhawi telahpun menghuraikan suatu kaedah yang dinamakan *Fiqh al-Aulawiyāt*.

Fiqh al-Aulawiyāt yang juga boleh diterjemahkan sebagai fiqh keutamaan merupakan suatu kajian dan istilah baru oleh beliau yang sebelum itu beliau namakan sebagai *Fiqh Marātib al-ʿAmal*. Fiqh ini secara ringkasnya menghuraikan tentang kaedah mempertimbangkan serta meletakkan setiap perbuatan, pemikiran, hukum-hakam dan nilai-nilai akhlak pada kedudukannya yang sebenar serta mengutamakan sesuatu yang lebih penting menurut syari'at⁸⁸. Walaupun ilmu ini mungkin baru disusun dan istilah ini baru diwujudkan, namun ia tidak terkecuali dari didasari oleh roh syari'at Islam sebagaimana yang telah diamalkan semenjak zaman Rasulullah s.a.w, para

⁸⁸ Yūsuf al-Qaradhawi (1996), *Fiqh Keutamaan*. Ahmad Nuryadi Asmawi (terj.). Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd., h. 1.

sahabat dan generasi berikutnya. Ilmu ini pada dasarnya disusun bersesuaian dengan kaedah-kaedah fiqh yang telah ditetapkan oleh ulama'. Ini dijelaskan oleh beliau di dalam kitabnya yang diberi nama, "*Fī Fiqh al-Aulawiyāt*".

Oleh itu, kaedah ini sebenarnya telahpun digunapakai oleh para ulama' sebelum ini. Cuma penggunaannya lebih kepada ilmu fiqh berkaitan dengan ibadah khusus dan belum diperluaskan kepada bidang muamalah dan kemasyarakatan sebagaimana yang dilakukan oleh Dr. Yusuf al-Qaradhwī. Ini dapat dilihat kepada ilmu *Uṣūl al-Fiqh* yang menetapkan kaedah dari asas yang sama seperti *Maṣāliḥ al-Mursalāh* dan *Sadd al-Dharā'ī'*. Di dalam kaedah-kaedah Fiqh juga terdapatnya kaedah yang hampir sama seperti *al-Masyaqqah Tajlibu al-Taysīr* dan *al-Dararu Yuzālu*.

Amalan terhadap ilmu *Fiqh al-Aulawiyāt* merangkumi seluruh kehidupan manusia kerana ia berkaitan dengan mempertimbangkan perbuatan-perbuatan manusia dari sudut keutamaan di sisi syari'at. Ini bertujuan untuk mengutamakan perlaksanaan perbuatan yang lebih dituntut oleh Islam untuk menarik lebih banyak kebaikan dan menolak lebih banyak keburukan. Fiqh ini boleh menjadi panduan kepada umat Islam di dalam mengatur kehidupan dan mengambil sesuatu tindakan supaya bertepatan dengan matlamat dan kehendak syari'at. Ini kerana, setiap perkara yang disyari'atkan di dalam Islam sebenarnya mengandungi sebab dan matlamat kerana Allah tidak menciptakan sesuatu perkara dengan sia-sia⁸⁹.

Oleh kerana itu, memahami fiqh keutamaan ini juga dapat membantu umat Islam di dalam urusan pemberian ketaatan terhadap pemimpin. Ini berlaku di dalam menimbangankan pemberian ketaatan terhadap pemerintah yang fasiq dan zalim serta menimbulkan banyak fitnah kepada umat Islam. Begitu juga apabila berkaitan dengan pemberian ketaatan di dalam urusan maksiat atau yang mendatangkan sesuatu kemudaratan sedangkan menderhakainya pula boleh mendatangkan maksiat dan

⁸⁹ *Ibid.*, h. 37.

kemudahan yang lain. Di waktu ini, kedua-dua kemudahan ini hendaklah ditimbang dan dinilai. Kemudahan yang lebih besar hendaklah dielakkan. Begitu juga apabila berlakunya pertembungan antara sesuatu yang mengandungi manfaat dengan sesuatu yang mengandungi mudarat. Manfaat yang kecil hendaklah diabaikan apabila terdapat mudarat yang lebih besar⁹⁰. Bagi urusan pemberian ketaatan di dalam perkara yang bukan maksiat terhadap pemimpin muslim yang adil telah jelas hukum kewajipan mentaatinya sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam perbincangan yang lalu⁹¹.

Menurut Dr. Yūsuf al-Qaradhawi, perkara-perkara yang menjadi asas fiqh keutamaan ialah⁹²:

1. Melakukan perbandingan antara pelbagai kemaslahatan atau kemanfaatan.
2. Melakukan perbandingan antara pelbagai kerosakan atau kemudahan.
3. Melakukan perbandingan antara pelbagai kemaslahatan dan kerosakan.

Berasaskan kaedah fiqh keutamaan ini, secara ringkasnya terdapat beberapa prinsip yang perlu diambil kira di dalam menetapkan keutamaan bagi setiap urusan:

1. Di dalam membuat pertimbangan untuk mendapatkan pelbagai kemaslahatan, prinsip-prinsip yang harus diambil kira ialah⁹³:
 - a) Mengutamakan perkara-perkara *ḍaruriyyāt* ke atas perkara-perkara yang bersifat keperluan, serta mengutamakan perkara-perkara *ḍaruriyyāt* dan keperluan ke atas perkara-perkara yang bersifat pelengkap. Perkara *ḍaruriyyāt* pula terbahagi kepada lima peringkat keutamaan iaitu yang paling utama adalah memelihara agama dan diikuti dengan memelihara jiwa, keturunan, akal dan harta benda.
 - b) Mengutamakan kemaslahatan yang diyakini berlaku ke atas kemaslahatan yang belum diyakini berlaku.

⁹⁰ *Ibid.*, h. 29.

⁹¹ Lihat pecahan 2.4.1

⁹² *Ibid.*, h. 25.

⁹³ *Ibid.*, h. 25-27.

- c) Mengutamakan kemaslahatan yang besar ke atas kemaslahatan yang kecil.
 - d) Mengutamakan kemaslahatan orang ramai ke atas kemaslahatan individu.
 - e) Mengutamakan kemaslahatan golongan yang lebih banyak ke atas kemaslahatan golongan yang lebih sedikit.
 - f) Mengutamakan kemaslahatan yang lebih kekal ke atas kemaslahatan yang lebih bersifat sementara.
 - g) Mengutamakan kemaslahatan asasi ke atas kemaslahatan sampingan.
 - h) Mengutamakan kemaslahatan masa depan yang kuat ke atas kemaslahatan sekarang yang lemah.
2. Di dalam membuat pertimbangan antara mengelakkan pelbagai kerosakan, prinsip-prinsip yang harus diambil kira ialah⁹⁴:
- a) Mengelakkan dari menimbulkan kerosakan atau membalas kerosakan kepada orang lain.
 - b) Menghalang berlakunya kerosakan sekadar kemampuan.
 - c) Tidak menghalangi kemudatan dengan kemudatan yang seumpama dengannya atau yang lebih besar darinya.
 - d) Diharuskan melakukan kemudatan yang lebih kecil bagi mengelakkan kemudatan yang lebih besar.
 - e) Diharuskan melakukan kemudatan yang menimpa seorang individu bagi mengelakkan berlakunya kemudatan ke atas orang ramai.
3. Di dalam membuat pertimbangan antara mengelakkan kerosakan dan mendapatkan kemaslahatan, prinsip-prinsip yang harus diambil kira ialah⁹⁵:
- a) Mengutamakan mengelak kerosakan daripada mencari kemaslahatan.
 - b) Melakukan kerosakan yang kecil diharuskan bagi mendapatkan kemaslahatan yang besar.

⁹⁴ *Ibid.*, h. 28-29.

⁹⁵ *Ibid.*, h. 30.

- c) Melakukan kerosakan yang bersifat sementara diharuskan untuk mendapatkan kemaslahatan yang bersifat kekal.
- d) Kemaslahatan yang diyakini berlaku tidak boleh diabaikan kerana wujudnya kerosakan yang masih belum diyakini berlaku.

Demikian sebahagian prinsip yang digariskan oleh Dr Yūsuf al-Qaradhawi di dalam membuat pilihan di antara pelbagai kemaslahatan dan kemudharatan. Prinsip-prinsip ini sepatutnya menjadi panduan yang jelas kepada umat Islam khususnya di Malaysia di dalam memberikan ketaatan kepada pemimpin.

2.4.6. Al-Amr bi al-Ma'ruf dan al-Nahy 'an al-Munkar Sebagai Sebahagian Dari Tanggungjawab Rakyat Kepada Pemimpin

Al-amr bi al-ma'ruf bermaksud menyuruh kepada kebaikan iaitu perkara-perkara yang diredhai Allah manakala *al-nahy 'an al-munkar* bermaksud melarang kemungkaran iaitu perkara-perkara maksiat. Kedua-dua tugas ini sebenarnya adalah merupakan tanggungjawab ke atas seorang muslim yang beriman sebagai syarat untuk mengelakkan kehidupan yang sia-sia selain melakukan amalan kebaikan⁹⁶. Di dalam al-Quran dan hadith, banyak ayat yang menuntut umat Islam supaya menyeru kebaikan dan melarang kejahatan. Antaranya ialah:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ
عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar; merekalah orang-orang yang beruntung.”

Surah Āli 'Imrān (3): 104

⁹⁶ Surah al-'Aṣr 103: 1-3

Dr. Yūsuf al-Qaradhawi di dalam menghuraikan ayat ini menyatakan bahawa kalimah “*minkum*” di dalam ayat ini mempunyai dua maksud iaitu pertamanya menunjukkan kepada pengertian “semata-mata”. Ini membawa maksud bahawa umat ini hendaklah menyeru ke arah melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Keduanya ia membawa maksud “dari” iaitu perlu ada sekumpulan dari kalangan umat ini orang yang menyeru kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Ini menunjukkan kepada hukum fardhu kifayah di mana jika tiada orang yang menyeru kebaikan dan melarang kemungkaran maka seluruh umat ini akan berdosa. Maka ayat tersebut menuntut supaya diwujudkan sekumpulan orang yang menyeru kebaikan dan melarang kemungkaran, kerana usaha ini tidak memadai sekadar individu yang melakukannya. Allah berfirman lagi:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ
 عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ
 خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya: “Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma’ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah. sekiranya ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka, di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.”

Surah Āli ‘Imrān (3): 110

Ayat ini menggambarkan kepada kita tentang keutamaan tanggungjawab menyeru kebaikan dan melarang kemungkaran sebagai suatu keistimewaan umat ini, di mana ia disebut terlebih dahulu berbanding dengan keimanan kepada Allah sedangkan keimanan adalah perkara pokok⁹⁷. Begitu juga dengan ayat berikut:

⁹⁷ Yusuf al-Qaradhawi (2000), *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Mohammad Zaini Yahaya (terj.). Selangor: Penerbitan Seribu Dinar, h. 84.

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ
 بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ
 الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ
 عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan shalat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

Surah al-Taubah (9): 71

Di dalam ayat ini sekali lagi dapat dilihat tanggungjawab menyuruh kebaikan dan melarang kemungkaran didahulukan sebelum kewajipan solat dan zakat yang merupakan sebahagian rukun Islam. Ini kerana, umat Islam tidak cukup sekadar memperbaiki diri sendiri, tetapi perlu juga memperbaiki orang lain⁹⁸. Umat Islam ibarat berada di dalam sebuah kapal yang sama di mana semua orang perlu bekerjasama, berusaha dan saling ingat-mengingati agar dapat sampai ke destinasi. Untuk itu, Allah mengingatkan di dalam al-Quran:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ
 اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Dan peliharalah dirimu dari pada siksaan yang tidak khusus menimpa orang-orang yang zalim saja di antara kamu. dan Ketahuilah bahwa Allah amat keras siksaan-Nya.”

Surah al-Anfal (8): 25

Dalil-dalil tersebut menggambarkan kepada kita tentang pentingnya menyuruh kebaikan dan melarang kemungkaran sebagai suatu tanggungjawab agama bagi umat Islam. Nasihat yang paling utama sekali disampaikan adalah kepada pemerintah kerana

⁹⁸ *Ibid.*, h. 86.

mereka memainkan peranan yang paling besar dalam menegakkan agama di kalangan manusia. Ini kerana, sebahagian besar tanggungjawab agama tidak dapat dilaksanakan melainkan melalui pemerintahan. Dalam sebuah hadith⁹⁹, menyeru kepada pemerintah yang zalim disifatkan sebagai jihad yang paling besar bagi seorang mu'min.

أفضل الجهاد كلمة حق عند إمام جائر

Maksudnya: “Sebaik-baik jihad adalah perkataan yang benar di hadapan pemerintah yang zalim.”

Oleh kerana itu, perlu ditegaskan di sini bahawa menegur pemerintah supaya menegakkan Islam, mengingatkan pemerintah supaya melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab mereka yang masih belum dilaksanakan, menyuarakan kata-kata yang benar dan sebagainya, bukanlah suatu bentuk penderhakaan. Bahkan ia merupakan suatu tanggungjawab seorang muslim terhadap Allah dan tanggungjawab seorang rakyat terhadap pemerintah¹⁰⁰. Ia wajib dilaksanakan oleh rakyat dan pemerintah wajib membenarkan rakyat menunaikan tanggungjawab mereka di samping berusaha menunaikan tanggungjawab sendiri.

Walau bagaimanapun, tanggungjawab ini perlu dilaksanakan mengikut kaedah tertentu¹⁰¹ iaitu secara berhikmah supaya tidak berlaku fitnah yang lebih besar. Kepentingan dakwah secara berhikmah ini dinyatakan oleh Allah di dalam al-Quran:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْ لَهُمْ
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ
أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

⁹⁹ Hadith Abū Sa‘īd al-Khuḍrī dikeluarkan oleh Abū Dāwūd dan al-Tirmidzi dan dinyatakan *hasan* oleh Ibn Majah. Sila rujuk takhrij hadith oleh Al-‘Irāqī dalam Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (2001), *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 282.

¹⁰⁰ Dr. Wan Zahidi Wan Teh (2005), “Ciri-Ciri Sebuah Negara Islam” dalam *Malaysia Sebagai sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 111.

¹⁰¹ *Ibid.*

Maksudnya: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.”

Surah al-Naḥl (16): 125

Di dalam ayat in Allah menyuruh supaya mengajak orang ke jalan Allah dengan menggunakan ilmu iaitu apa yang telah diturunkan oleh Allah di dalam al-Quran dan sunnah, dan menggunakan nasihat yang baik iaitu berdasarkan keadaan dan situasi manusia. Jika seruan tersebut memerlukan perdebatan pula hendaklah dilaksanakan secara baik iaitu dengan lemah lembut dan kata-kata yang baik¹⁰². Imam al-Ghazālī di dalam *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* membahagikan kaedah melakukan peringatan kepada lima kaedah iaitu¹⁰³:

- a) *Al-Ta^crīf* (Memberitahu)
- b) *Al-wa^cz bi al-kalām al-la^tīf* (Nasihat dengan kata-kata yang lembut)
- c) *Al-Sabb wa al-ta^cnīf* (Menggunakan kata-kata yang keras)
- d) *Al-Man^cu bi al-qahr bi tarīq al-mubāsyarah* (Mencegah dengan kekuatan secara langsung)
- e) *Al-takhwīf wa al-tahdīd bi al-ḍarb* (Mengugut dan mengancam)

Namun begitu, Imam al-Ghazālī menyatakan bahawa dakwah kepada pemimpin hanya boleh dilakukan menggunakan dua pendekatan pertama sahaja kerana ditakuti menimbulkan fitnah dan kerosakan. Sekiranya seseorang mengatakan, “wahai orang yang zalim, yang tidak takutkan Allah...” dan sebagainya, sekiranya menimbulkan fitnah yang boleh menyebabkan bahaya kepada orang lain, maka ia tidak diharuskan. Tetapi jika ia hanya menimbulkan bahaya kepada dirinya sendiri, maka ia diharuskan dan bahkan disunatkan. Orang tersebut jika dibunuh kerana berkata benar malah

¹⁰² Ismā‘īl bin Kathīr, *op.cit.*, j. 2, h. 588.

¹⁰³ Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī (2001), *op.cit.*, j. 2, h. 282.

dianggap sebagai syahid¹⁰⁴. Sejarah menunjukkan, ramai ulama' yang dipenjarakan, disiksa atau dibunuh kerana berkata benar kepada pemerintah.

Dr. Yūsuf al-Qaradhawi pula telah menggariskan empat syarat yang mesti ada untuk mengubah sesuatu kemungkaran iaitu¹⁰⁵:

- a) Perkara yang diharamkan adalah perkara yang disepakati pengharamannya.
- b) Munculnya kemungkaran itu.
- c) Untuk mengubah kemungkaran dengan kekuatan hendaklah benar-benar mampu untuk melakukannya. Jika kemungkaran datang dari pihak pemerintah, kekuatan mengikut sistem demokrasi hari ini boleh di dapati melalui tiga cara iaitu: 1) Kekuatan ketenteraan. 2) Kekuatan melalui kuasa perundangan. 3) Kesatuan rakyat jelata.
- d) Tidak bimbang berlakunya kemungkaran yang lebih besar.

Selain itu, menegur kemungkaran hendaklah dilakukan dengan lemah lembut sebagaimana perintah Allah kepada Nabi Musa dan Nabi Harun supaya berlemah lembut kepada Firaun:

أَذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ

أَوْ تَخَشَّىٰ ﴿٤٤﴾

Maksudnya: “Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun, Sesungguhnya dia Telah melampaui batas. Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, Mudah-mudahan ia ingat atau takut”.

Surah Ṭāhā (20): 43-44

¹⁰⁴ *Ibid.*, j. 2, h. 305.

¹⁰⁵ Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini*, *op.cit.*, j. 8, h. 647.

2.5. Hikmah dan Kelebihan Mentaati *Ulu al-Amr*

Setiap tuntutan syari'at pasti tersembunyi pelbagai hikmah dan kelebihan kerana syari'at diturunkan demi kesejahteraan manusia. Allah s.w.t berfirman:

وَنُنزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ
الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

Maksudnya: “Dan kami turunkan dari Al Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan Al Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian.”

Surah al-Isra' (17): 82

Hikmah dan kelebihan ini jelas dinyatakan oleh al-Qur'an setelah memerintahkan untuk taat kepada Allah, Rasul dan *ulu al-amr* sebagaimana berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ
مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ ءَاخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada *ulu al-amr* dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Surah al-Nisā' (4): 59

Di dalam ayat ini Allah memberitahu bahawa perintahNya di dalam ayat tersebut supaya taat kepada Allah, Rasul dan *ulu al-amr*, serta supaya manusia kembali kepada Allah dan RasulNya di dalam sebarang perselisihan, adalah lebih baik akibat atau

kesannya kepada manusia sendiri¹⁰⁶. Antara hikmah dan kelebihan mengamalkan konsep ketaatan menurut Islam adalah sebagaimana berikut:

(a) Menjaga agama dan syari'at

Mentaati pemimpin dengan berlandaskan Islam membolehkan seseorang menjauhkan diri dari melakukan maksiat kepada Allah s.w.t sekaligus dapat menjaga agama dan syari'at. Ketika berhadapan dengan ancaman terhadap jiwa dan agama, mengutamakan agama adalah lebih utama. Umat Islam dididik supaya bersabar di dalam menjaga agama dan melaksanakan ketaatan kepada Allah. Firman Allah s.w.t:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَلَا تَنَزَعُوا فِتْفَشُلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ^ط
وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: “Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan, yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.”

Surah al-Anfal (8): 46

Di atas kesabaran di dalam mentaati Allah ini, Allah menjanjikan ganjaran yang sebaik-baiknya di ahirat kelak. Firman Allah s.w.t.:

مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ^ط وَمَا عِنْدَ اللَّهِ بَاقٍ وَلَنْجَزِينَ الَّذِينَ صَبَرُوا
أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Apa yang di sisimu akan lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah adalah kekal. dan Sesungguhnya kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang sabar dengan pahala yang lebih baik dari apa yang Telah mereka kerjakan”.

Surah al-Nahl (16): 96

Oleh itu, seandainya umat Islam terpaksa menghadapi kesusahan dan penderitaan demi ketaatan kepada Allah, mereka tetap tidak mengalami apa-apa

¹⁰⁶ Fakhurrāzi, *op.cit.*, j. 9, h. 152.

kerugian, sebaliknya mendapat keuntungan yang besar di akhirat kelak di mana ganjaran inilah yang sentiasa direbut oleh orang-orang yang bertaqwa. Jika ditinjau terhadap peristiwa sejarah, didapati banyak riwayat berkenaan dengan penderitaan umat Islam terdahulu berhadapan dengan pemimpin zalim di dalam menegakkan ketaatan kepada Allah dan RasulNya. Ketaatan seperti ini amatlah tinggi nilainya di sisi Allah dan dianggap sebagai jihad yang paling besar.

(b) Menarik manfaat dan menolak bahaya

Konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* menurut Islam memberi penekanan terhadap usaha untuk menarik manfaat dan menolak mudarat. Ini kerana Islam amat mengambil berat mengenai *maṣlahah* dan *muḍārrah* terhadap manusia. Untuk itu, mentaati *ulu al-amr* berlandaskan syari'at dapat mendatangkan banyak kebaikan kepada Islam dan umatnya. Kelebihan dan kebaikan ini dinyatakan oleh al-Qur'an setelah memerintahkan untuk taat kepada Allah, Rasul dan *ulu al-amr* sebagaimana potongan ayat berikut:

ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: "...yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

Surah al-Isrā'(4): 59

Di dalam ayat ini Allah memberitahu bahawa perintahNya di dalam ayat tersebut supaya taat kepada Allah, Rasul dan *ulu al-amr*, serta supaya manusia kembali kepada Allah dan RasulNya di dalam sebarang perselisihan, adalah lebih baik akibat atau kesannya kepada manusia sendiri¹⁰⁷.

¹⁰⁷ Fakhurrāzi, *op.cit.*, j. 9, h. 152.

(c) Memelihara jiwa dan kepentingan umat Islam

Sebagaimana yang telah disebutkan di dalam perbahasan kaedah *Fiqh al-Aulawiyāt* sebelum ini, terdapat lima peringkat keutamaan yang ingin dijaga oleh syari'at iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta benda. Perkara yang paling tinggi keutamaannya adalah agama dan diikuti oleh jiwa atau nyawa manusia. Ketika agama dan nyawa terancam, sesuatu perkara yang asalnya haram diharuskan demi menjaga perkara yang lebih penting iaitu agama dan jiwa. Contohnya harus memakan bangkai dan benda haram ketika sangat lapar untuk menyelamatkan diri dari mati kebuluran¹⁰⁸. Begitu juga, harus menipu dengan mengucapkan kalimah kufur demi menyelamatkan nyawa sedangkan hati masih beriman. Allah s.w.t berfirman:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ
بِالإِيمَانِ وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِّنَ
اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: “Barangsiapa yang kafir kepada Allah sesudah dia beriman (Dia mendapat kemurkaan Allah), kecuali orang yang dipaksa kafir padahal hatinya tetap tenang dalam beriman (Dia tidak berdosa), akan tetapi orang yang melapangkan dadanya untuk kekafiran, Maka kemurkaan Allah menimpanya dan baginya azab yang besar.”

Surah al-Nahl (16): 106

Dari sini dapat dilihat bahawa konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* menurut Islam ini dapat menjaga jiwa dan kepentingan umat Islam kerana Islam mengharuskan ketaatan pada perkara yang haram dalam keadaan tertentu. Begitu juga, Islam melarang penentangan yang membuta tuli sehingga membahayakan agama dan nyawa manusia. Konsep ini dapat memelihara perkara yang lebih utama yang telah ditetapkan oleh syari'at demi kepentingan Islam dan umat Islam.

¹⁰⁸ Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin, *op.cit*, h. 158.

(d) Menggalakkan pemerintah lebih menjaga syariat dan bersifat adil dalam pemerintahan.

Pemerintah adalah golongan yang ditaati oleh rakyat yang diperintah. Tanpa ketaatan rakyat, seseorang itu tidak dapat memerintah atau melaksanakan pemerintahan dengan berkesan. Ketika berhadapan dengan rakyat yang cintakan Islam dan mengamalkan konsep ketaatan menurut Islam, pemerintah perlu lebih bertolak ansur demi mendapatkan ketaatan daripada rakyatnya. Pemerintah perlu lebih menjaga syari'at untuk mendapatkan ketaatan daripada rakyat yang menjaga syari'at dan mentaatinya berlandaskan syari'at. Secara tidak langsung, pemerintah perlu bersifat adil kerana keadilan dalam pemerintahan sangat dituntut oleh syari'at sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam al-Quran:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ
النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ
سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha Melihat.”

Surah al-Nisa' (4): 58

Selain yang telah disebutkan di atas, al-Quran telah mengungkapkan secara umum beberapa hikmah dan kelebihan bagi mereka yang mengikut syari'at dan ini boleh difahami melalui penelitian dan penghayatan. Antaranya ialah:

(a) Mendapat Hidayah:

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حُمِّلَ وَعَلَيْكُمْ مَا حُمِّلْتُمْ وَإِن تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا وَمَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ

Maksudnya: “ Katakanlah: "Taat kepada Allah dan taatlah kepada rasul; dan jika kamu berpaling Maka Sesungguhnya kewajiban Rasul itu adalah apa yang dibebankan kepadanya, dan kewajiban kamu sekalian adalah semata-mata apa yang dibebankan kepadamu. dan jika kamu taat kepadanya, niscaya kamu mendapat petunjuk. dan tidak lain kewajiban Rasul itu melainkan menyampaikan (amanat Allah) dengan terang".

Surah al-Nur (24): 54

(b) Mendapat kebahagiaan:

قُلْنَا أَهْبَطُوا مِنهَا جَمِيعًا فَلَمَّا يَأْتِينَكُمْ مِّنِّي هُدًى فَمَنِ تَبِعَ هُدَايَ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Maksudnya: “Kami berfirman: "Turunlah kamu semuanya dari syurga itu! Kemudian jika datang petunjuk-Ku kepadamu, Maka barang siapa yang mengikuti petunjuk-Ku, niscaya tidak ada kekhawatiran atas mereka, dan tidak (pula) mereka bersedih hati".

Surah al-Baqarah (2): 38.

(c) Mendapat rahmat:

وَهَذَا كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ مُبَارَكٌ فَاتَّبِعُوهُ وَاتَّقُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya: “Dan Al-Quran itu adalah Kitab yang kami turunkan yang diberkati, Maka ikutilah dia dan bertakwalah agar kamu diberi rahmat.”

Surah al-An ‘am (6): 155

(d) Mandapat kelapangan dada dan keluasan jiwa:

أَفَمَنْ شَرَحَ اللَّهُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَىٰ نُورٍ مِّن رَّبِّهِ ۗ فَوَيْلٌ
لِّلْقَاسِيَةِ قُلُوبِهِم مِّن ذِكْرِ اللَّهِ ۗ أُولَٰئِكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿١٢﴾

Maksudnya: *Maka apakah orang-orang yang dibukakan Allah hatinya untuk (menerima) agama Islam lalu ia mendapat cahaya dari Tuhannya (sama dengan orang yang membatu hatinya)? Maka Kecelakaan yang besarlah bagi mereka yang Telah membatu hatinya untuk mengingat Allah. mereka itu dalam kesesatan yang nyata.”*

Surah al-Zumar (39): 22

(e) Mendapat keampunan serta doa dan istighfar dari malaikat:

إِنَّمَا تَنْذِرُ مَنِ اتَّبَعَ الذِّكْرَ وَخَشِيَ الرَّحْمَنَ الْغَيْبَ ۖ فَبَشِّرْهُ
بِمَغْفِرَةٍ وَأَجْرٍ كَرِيمٍ ﴿١١﴾

Maksudnya: *“Sesungguhnya kamu Hanya memberi peringatan kepada orang-orang yang mau mengikuti peringatan dan yang takut kepada Tuhan yang Maha Pemurah walaupun dia tidak melihatnya. Maka berilah mereka khabar gembira dengan ampunan dan pahala yang mulia.*

Surah Yāsīn (36): 11

الَّذِينَ يَحْمِلُونَ الْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ
وَيُؤْمِنُونَ بِهِ ۖ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَيْءٍ
رَّحْمَةً وَعِلْمًا فَاغْفِرْ لِلَّذِينَ تَابُوا وَاتَّبَعُوا سَبِيلَكَ وَقِهِمْ عَذَابَ
الْجَحِيمِ ﴿٥﴾ رَبَّنَا وَأَدْخِلْهُمْ جَنَّاتٍ عَدْنٍ الَّتِي وَعَدْتَهُمْ وَمَنْ
صَلَحَ مِنْ ءَابَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ ۗ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ
الْحَكِيمُ ﴿٦﴾

Maksudnya: *(Malaikat-malaikat) yang memikul 'Arsy dan malaikat yang berada di sekelilingnya bertasbih memuji Tuhannya dan mereka beriman kepada-Nya serta memintakan ampun bagi orang-orang yang beriman (seraya mengucapkan): "Ya Tuhan kami, rahmat dan ilmu Engkau meliputi segala*

sesuatu, Maka berilah ampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikuti jalan Engkau dan peliharalah mereka dari siksaan neraka yang menyala-nyala, Ya Tuhan kami, dan masukkanlah mereka ke dalam surga 'Adn yang Telah Engkau janjikan kepada mereka dan orang-orang yang saleh di antara bapak-bapak mereka, dan isteri-isteri mereka, dan keturunan mereka semua. Sesungguhnya Engkau adalah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.”

Surah Ghāfir (40): 7-8

(f) **Mendapat ganjaran yang besar:**

الَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنِهِمْ وَأَتَوْا بِرِزْقِهِمْ لَقَدْ كَفَّرْنَا عَنْهُمْ صِغَاتِهِمْ لِيُجِزُوا لِحَسَنَاتِهِمْ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿١٧٢﴾

Maksudnya: “(yaitu) orang-orang yang mentaati perintah Allah dan RasulNya sesudah mereka mendapat luka (dalam peperangan Uhud). bagi orang-orang yang berbuat kebaikan diantara mereka dan yang bertakwa ada pahala yang besar.”

Surah Āli-Imrān 3: 172

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ مِثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya: “Barangsiapa membawa amal yang baik, Maka baginya (pahala) sepuluh kali lipat amalnya; dan barangsiapa yang membawa perbuatan jahat maka dia tidak diberi pembalasan melainkan seimbang dengan kejahatannya, sedang mereka sedikitpun tidak dianiaya (dirugikan).”

Surah al-An‘ām (6): 160

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَمَنْ يَتَوَلَّ يُعَذِّبْهُ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٧٤﴾

Maksudnya: “Tiada dosa atas orang-orang yang buta dan atas orang yang pincang dan atas orang yang sakit dan barangsiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya; niscaya Allah akan memasukkannya ke dalam surga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan barang siapa yang berpaling niscaya akan diazab-Nya dengan azab yang pedih.”

Surah al-Fath (48): 17

2.6. Kesimpulan

Dari kajian di atas jelas bahawa terdapatnya konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* yang diajarkan oleh Islam. Cuma, untuk mengetahuinya memerlukan pemahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran, hadith-hadith, kaedah-kaedah fiqh dan pendapat-pendapat ulama' yang berkaitan. Antara asasnya, Islam telah menetapkan larangan mentaati *ulu al-amr* di dalam urusan penderhakaan kepada Allah.

Shaikh Dr. °Umar °Abd al-Raḥmān menerangkannya tentang konsep ketaatan dengan lebih terperinci dengan melihat kepada empat jenis pemerintah yang mana setiap satunya mempunyai hukum tersendiri di dalam meletakkan ketaatan. Rumusan daripada perbahasan ini didapati bahawa ulama' menekankan tentang kewajipan umat Islam mengambil perkara yang lebih besar manfaatnya dan menjauhi perkara yang lebih besar kerosakannya. Oleh itu, cara yang terbaik bagi menjelaskan kaedah mentaati pemimpin menurut Islam ialah dengan mengikut kaedah yang dihuraikan dan digariskan oleh Dr. Yūsuf al-Qaradhawi yang beliau namakan sebagai *Fiqh al-Aulawiyāṭ*.

Menurut kaedah ini, di samping mentaati di dalam perkara yang diharuskan dan meninggalkan ketaatan di dalam perkara yang haram, terdapat lima perkara utama yang perlu dijaga di dalam mentaati pemimpin di mana setiap perkara tersebut mempunyai kedudukan yang berlainan dari sudut keutamaan. Perkara-perkara tersebut ialah agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Perkara yang paling utama di sini ialah agama dan diikuti dengan jiwa, keturunan, akal dan harta. Secara ringkasnya, perkara yang lebih tinggi kedudukannya dari sudut keutamaan perlu didahulukan di dalam menjaganya dari sebarang ancaman dan bahaya. Oleh itu, sewajarnya umat Islam mengaplikasikan konsep ketaatan berlandaskan Islam di dalam kehidupan bagi memperolehi hikmah dan kelebihan demi kesejahteraan dan kemajuan umat Islam.

BAB III

KONSEP KETAATAN RAKYAT TERHADAP PEMIMPIN DI MALAYSIA

3.1. Pengenalan

Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan secara Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Sistem ini dinyatakan dengan jelas di dalam Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang tertinggi negara. Badan pemerintahan di Malaysia adalah badan terpenting untuk mengawal segala perjalanan masyarakat demi kebahagiaan anggotanya. Biasanya tugas utama kerajaan bagi mana-mana negara pun ialah menyediakan peluang kehidupan yang lebih baik kepada rakyat seperti membasmi kemiskinan, menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan pelajaran dan lain-lain. Setiap negara juga ingin memenuhi kehendak rakyat supaya kehidupan mereka sentiasa terjamin, hidup aman damai berpandukan konsep keadilan. Setelah memperolehi kuasa, kerajaan yang memerintah akan membuat dasar-dasar yang terbaik pada pandangannya untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat¹⁰⁹. Berhadapan dengan masalah-masalah ekonomi yang menyulitkan kehidupan rakyat semua kaum, tanggungjawab kerajaan ialah mencari penyelesaian dengan seadil-adilnya. Kesemua keperluan ini menghendaki sokongan, dokongan dan kepatuhan dari rakyat jelata yang berada dibawah naungannya supaya sistem dan tindakan kerajaan berjalan dengan lancar dan berjaya. Bagi memahami konsep ketaatan yang diamalkan di Malaysia, kajian ini akan cuba mengkajinya dari perspektif sejarah sebelum dan selepas merdeka, sistem pemerintahan, rukunegara, perlembagaan, undang-undang, akta-akta dan sekatan-sekatan yang dilaksanakan di Malaysia.

¹⁰⁹ Wan Mohd. Mahyiddin (1987), *Politik UMNO Dan Isu Nasional Satu Perbahasan*. Subang Jaya: Pustaka Cipta Sdn. Bhd, h. 77.


3.2. Konsep ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia: Perspektif Sejarah

Sebagaimana yang diketahui, sejarah memainkan peranan penting di dalam pembentukan masyarakat pada hari ini. Di Malaysia, sejak penubuhan kerajaan-kerajaan awal hinggalah kepada tertubuhnya Malaysia hari ini, masyarakat Melayu atau masyarakat Malaysia telah melalui pelbagai bentuk sistem pemerintahan, sistem sosial, politik, ekonomi dan lain-lain. Sistem dan corak kehidupan ini sebahagiannya diwarisi sehingga ke hari ini termasuklah dari sudut sikap, pemikiran dan tindakan. Kajian konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin dari perspektif sejarah adalah penting di dalam memahami dan menghuraikan konsep ketaatan rakyat di Malaysia pada hari ini. Secara umumnya, konsep ketaatan dari perspektif sejarah boleh dilihat dalam tiga peringkat iaitu zaman kesultanan Melayu, zaman penjajahan barat dan zaman selepas merdeka.

3.2.1. Zaman Kesultanan Melayu Melaka (1400-1511)

Sejarah Melayu mencatatkan bahawa wujudnya dua golongan di dalam struktur masyarakat Melayu tradisional iaitu golongan bangsawan yang menjadi kelas pemerintah, dan rakyat jelata yang menjadi golongan yang diperintah. Di zaman Kesultanan Melayu Melaka, raja menduduki kedudukan yang paling tinggi dan diikuti oleh kerabat baginda. Seterusnya diikuti pula oleh golongan bangsawan yang juga dikenali sebagai orang kaya-kaya. Di bawah orang kaya-kaya merupakan golongan merdeka yang merupakan orang awam dan akhirnya disusuli oleh golongan hamba abdi¹¹⁰.

¹¹⁰ Mohamad Idris Saleh et al. (1994), *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 17.



Rajah 3.1: Struktur Kerajaan Melaka Zaman Tradisional¹¹¹

Golongan bangsawan dianggap mempunyai darjat yang tinggi yang perlu ditaati dan dihormati oleh rakyat. Konsep ini diteguhkan lagi dengan pegangan masyarakat terhadap agama. Dua agama besar yang telah bertapak di kepulauan Melayu ialah agama Hindu dan Islam. Sebelum kedatangan Islam, rantau ini telahpun mengamalkan sistem pemerintahan beraja di mana kerajaan-kerajaan Melayu ketika itu mengamalkan sistem pemerintahan berteraskan Hindu-Budha. Ini termasuklah kerajaan-kerajaan seperti Langkasuka, Gangga Negara, Srivijaya dan kerajaan-kerajaan lain yang terdapat di Asia Tenggara ketika itu. Berdasarkan kepercayaan ini, raja dianggap sebagai jelmaan dewa-dewa atau sebagai penjelmaan daripada tuhan Hindu iaitu dewa Siva dan dewa Visnu¹¹².

Kepercayaan terhadap agama Hindu ini telah membentuk beberapa pemikiran masyarakat ketika itu selaras dengan kepercayaan mereka dan antaranya adalah konsep kedaulatan dan legitimasi Raja yang berkaitan dengan kuasa ghaib. Sesebuah kerajaan pula adalah berasaskan kepada raja yang mana berhak menerima “*bhakti*” iaitu kesetiaan sepenuhnya oleh rakyat dengan tidak berbelah bagi atau boleh disebut sebagai kesetiaan membuta tuli. Amalan ini perlu dilakukan oleh rakyat demi memperoleh “*anugerah*” iaitu balasan dan kemurahan dewa. Namun begitu, amalan ini bersifat satu

¹¹¹ *Ibid.*, h.18.

¹¹² Auni Abdullah (1991), *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 1. Contohnya, Raja Cham mengakui berasal daripada keturunan dewa Siva. Di dalam kitab Hindu pula, Nagara Kertagama mengatakan bahawa semua raja Jawa berketurunan daripada Siva, manakala raja Airlangga pula mengaku dirinya berketurunan Visnu.

hala di mana hanya rakyat yang perlu memberikan sepenuh kesetiaan kepada raja. Pada zaman awal Melaka juga, agama Hindu turut mempengaruhi sistem kemasyarakatan. Namun, persamaan tersebut adalah persamaan dengan agama Hindu yang diamalkan di Srivijaya, dan bukannya sebagaimana di India¹¹³.

Kedatangan Islam telah menghapuskan konsep Devaraja yang menganggap bahawa seseorang raja memiliki “*shakti*” iaitu kekuatan, keberanian, kepahlawanan dan kemahiran luar biasa. Konsep ini kemudiannya telah berganti dengan konsep “*daulat*” yang berasal daripada perkataan Arab dan bermaksud kuasa atau kerajaan. Namun begitu, pengaruh ideologi silam ketika di zaman Hindu-Budha masih mempengaruhi sebahagian corak pemikiran mereka setelah menganut Islam¹¹⁴. Contohnya, istilah *daulat* yang dipakai di alam Melayu ini membawa maksud kewibawaan, keunggulan dan keistimewaan yang dimiliki oleh raja dan keturunannya, iaitu sedikit persamaan dengan konsep *devaraja* di dalam ajaran Hindu¹¹⁵.

Menurut konsep *daulat* ini, sultan sesebuah negeri dianugerahi *daulat* di istiadat pertabalannya. Setelah itu, baginda berubah menjadi seseorang yang berlainan termasuklah dari kaum kerabatnya. Konsep *daulat* ini diikat kuat bersama dengan konsep “*derhaka*” di mana seseorang yang menderhaka telah melanggar *daulat* dan akan ditimpa *daulat* yang juga dinamakan “*tulah*”. Ia wujud bersama unsur spiritual dan kepercayaan secara tradisi masyarakat Melayu. Bagi menambahkan unsur-unsur kemuliaan terhadap sultan yang memerintah, sultan dianggap suci dan dilarang

¹¹³ Contohnya, di dalam masyarakat Melayu Srivijaya dan zaman awal Melaka, sistem kasta sebagaimana di India tidak wujud. Tetapi, anggota masyarakatnya boleh mencapai taraf yang lebih baik dengan sebab-sebab tertentu seperti hamba yang boleh menjadi orang merdeka dengan sebab berjaya membayar hutangnya. Begitu juga, orang merdeka boleh menjadi orang bangsawan jika mendapat anugerah daripada raja kerana jasa atau kekayaannya.

¹¹⁴ Beberapa pernyataan tentang konsep kedaulatan raja sebagai mempunyai kuasa sakti ini berasal dari upacara agama dan kepercayaan orang Indonesia, orang India Muslim dan orang Hindu. Lihat J.M. Gullick (1978), *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 65.

¹¹⁵ Auni Abdullah (1991), *op.cit.*, h. 2. Pada asalnya, keistimewaan pemimpin untuk menerima ketaatan rakyat dan larangan menderhakainya hanyalah bagi raja-raja yang taat kepada Allah dan di dalam perkara ketaatan sahaja. Tetapi, rakyat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka kelihatan telah menerima konsep kedaulatan tersebut terhadap semua raja yang memerintah.

menyentuhnya. Selain itu, darah yang mengalir di dalam diri sultan dikatakan berwarna putih¹¹⁶.

Di dalam Sejarah Melayu, terdapat banyak contoh yang menunjukkan keunggulan kuasa sultan melalui konsep daulat dan derhaka. Rakyat yang menderhaka kepada sultan pasti akan ditimpa malapetaka dalam pelbagai bentuk, sama ada hukuman daripada sultan sendiri atau bencana lain. Namun begitu, Sultan berhak melakukan apa sahaja tanpa menerima sebarang hukuman. Sebarang penentangan terhadap kehendak Sultan pula dianggap suatu penderhakaan dan kesalahan yang besar walaupun perbuatan tersebut sekadar menuntut keadilan. Contohnya, kisah pembunuhan anak Tun Perak, kezaliman ke atas Hang Jebat dan kesetiaan Hang Tuah, serta pembunuhan ke atas keluarga Tun Mutahir¹¹⁷. Konsep kedaulatan sultan ini terzahir dengan peristiwa melalui kata-kata Tun Perak setelah berlaku pembunuhan anaknya oleh anak sultan, "*pantang anak Melayu menderhaka*". Namun begitu, masih terdapat di kalangan rakyat yang ingin menuntut keadilan di atas kezaliman sultan sebagaimana peristiwa pembunuhan Sultan Mahmud II oleh Megat Sri Rama, dan penderhakaan Hang Jebat dengan kata-katanya yang terkenal menurut sejarah Melayu, "*raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah...*". Walaupun wujud penentangan terhadap sultan, ia bukanlah penentangan terhadap nilai taat setia ini, tetapi lebih merupakan penentangan individu.

Agama dan adat ini dipegang kuat oleh masyarakat Melayu yang menjadikan mereka taat sepenuhnya kepada golongan pemerintah walau dalam apa jua keadaan. Pegangan masyarakat Melayu ini juga menyebabkan kukuhnya konsep daulat di dalam pemikiran dan emosi mereka. Sultan yang dipandang tinggi dan mulia ini dianggap memiliki daulat iaitu sejenis keistimewaan atau kuasa ghaib. Rakyat tidak boleh

¹¹⁶ J.M. Gullick, *op.cit.* h. 65.

¹¹⁷ Kassim Thukiman (2002), *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, h. 30.

menderhaka atau menentang sama sekali kehendak sultan. Penentangan dan penderhakaan boleh menyebabkan seseorang terkena tulah iaitu kecelakaan akibat kemurkaan raja. Akhirnya kepercayaan dan konsep ini telah meresap menjadi nilai sosial dan terus tertanam di dalam masyarakat Melayu di mana rakyat harus memberikan taat setia sepenuhnya kepada pemimpin.

3.2.2. Zaman Penjajahan Barat (1511-1957)

Campurtangan penjajah barat yang bermula sejak tahun 1511 secara umumnya tidak banyak mengubah konsep ketaatan ini. Sistem politik di tanah Melayu telah banyak berubah di mana sultan mula kehilangan kuasa sedikit demi sedikit kepada penjajah. Tetapi, sultan masih menjadi simbol ketuanan Melayu, ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu. Idea penubuhan gagasan Malayan Union pada tahun 1946 telah menimbulkan kemarahan masyarakat Melayu kerana cuba menghapuskan kedaulatan raja-raja dan menggugat kepentingan orang Melayu¹¹⁸.

Penjajahan yang paling banyak memberi kesan terhadap nilai, sistem dan ideologi Masyarakat Melayu ialah penjajahan Inggeris yang bermula pada pertengahan abad ke-18 hinggalah pertengahan abad ke-20. Ini kerana mereka bukan sahaja menguasai ekonomi, tetapi juga politik dan pemikiran masyarakat Melayu. Pada asalnya, Pihak Inggeris hanya terlibat dengan kegiatan ekonomi di negeri-negeri Melayu. Tetapi, lama-kelamaan mereka mula mencampuri urusan pemerintahan dan pentadbiran Tanah Melayu demi memelihara kepentingan mereka. Ketaatan masyarakat Melayu pada ketika itu terhadap penjajah Inggeris lebih merupakan suatu desakan kerana takut kepada ancaman Inggeris yang lebih kuat, bijak dan terlatih, dan bukannya kerana ketaatan secara rela atau kesetiaan yang sebenar. Ini kerana kebanyakan

¹¹⁸ Anwar Abdullah (2005), *Biografi Dato' Onn Hidup Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 32.

pemerintahan awal Inggeris ke atas Tanah Melayu amat tidak disukai oleh masyarakat tempatan dari pelbagai peringkat dengan wujudnya pelbagai bentuk penentangan, namun tidak berhasil. Penentangan terawal masyarakat Melayu terhadap penjajah telah melibatkan Sultan dan golongan pembesar iaitu peristiwa pembunuhan J.W.W Birch di Perak. J.W.W Birch yang menjadi Residen pertama British di Perak telah melaksanakan pelbagai langkah seperti sistem pungutan cukai dan penghapusan sistem hamba abdi. Birch juga tidak mengetahui dan menghormati adat istiadat Melayu. Faktor-faktor ini menjadi punca Sultan dan para pembesar bertindak menentang penjajah seterusnya membawa kepada pembunuhan J.W.W.Birch¹¹⁹.

Di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, penentangan juga berlaku di kalangan rakyat disebabkan penindasan sebagaimana penentangan oleh Tok Janggut dan rakan-rakannya di Kelantan. Penentangan dikatakan berpunca daripada sistem cukai yang membebankan serta pentadbiran oleh masyarakat luar, yang menyebabkan mereka memberontak dan mewujudkan pemerintahan sendiri¹²⁰. Setelah Tok Janggut dikalahkan tentera British dan terbunuh, mayatnya telah dihantar kepada Sultan Muhammad dan dianggap sebagai penderhaka. Baginda memerintahkan supaya mayatnya diarak di sekitar Kota Bharu dan dibawa ke hadapan padang depan Istana untuk diperlihatkan kepada orang ramai tentang balasan orang yang menderhaka kepada Raja dan Negara¹²¹. Beliau dikatakan sebagai penderhaka oleh penjajah British sebagai satu helah politik British bagi memutarbelitkan fakta dan mengaburi mata pemerintah dan sultan pada waktu itu. Hakikatnya beliau adalah pejuang bangsa dan agama yang ingin menegakkan keadilan.

Selain itu, penentangan masyarakat Melayu terhadap penjajah British turut memperlihatkan ketaatan dan kesetiaan mereka sebenarnya adalah kepada sultan, agama

¹¹⁹ Institut Tadbiran Awam Negara, *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, h. 470.

¹²⁰ Haji Buyong bin Adil (1985), *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 226.

¹²¹ *Ibid.*,h. 229.

Islam dan adat Melayu. Pemberontakan Tani pada tahun 1928 di Terengganu, walaupun asalnya berpunca daripada penentangan terhadap pelaksanaan undang-undang tanah yang ketat serta cukai tanah yang membebankan¹²², namun ia turut dipengaruhi oleh ketaatan mereka terhadap agama dengan pengaruh ulama' terkenal, Haji Abdul Rahman Limbong. Apabila sejumlah penduduk kampung di Ulu Telemong disaman di mahkamah atas tuduhan melanggar undang-undang tanah tersebut, mereka telah mendapatkan bantuan Haji Abdul Rahman Limbong menjadi peguam. Beliau yang merupakan seorang yang alim dan fasih telah berhujah menggunakan ayat-ayat al-Quran dan hukum syari'at. Beliau menyatakan bahawa tanah adalah hak Allah, dan kerajaan negeri tidak berhak mengenakan cukai¹²³. Ketika beliau dituduh sebagai penderhaka pada 1928 dan diperintahkan mengadap sultan, beliau telah berhujah menggunakan ilmunya dan mentakrifkan perkataan derhaka menurut syari'at. Ketaatan menurut beliau adalah taat kepada Allah, Rasul dan pemimpin, manakala ketaatan terhadap pemimpin tidak dibenarkan di dalam perkara maksiat, apatah lagi ketaatan terhadap pemerintah kafir¹²⁴.

Walaupun wujud banyak penentangan, konsep ketaatan terhadap raja dan pemimpin di dalam masyarakat Melayu tidak banyak terjejas. Cuma masyarakat pasca penjajahan telah memiliki banyak kesedaran dan semakin bijak di dalam politik. Mereka khususnya masyarakat Melayu telah semakin berani menyatakan pendapat dan melibatkan diri dalam urusan politik negara. Ini terbukti dengan penentangan terhadap gagasan Malayan Union dan pembentukan perlembagaan yang dirasakan dapat memelihara kepentingan mereka.

¹²² Timah Hamzah (1981), *Pemberontakan Tani 1928 di Trengganu: Satu Kajian Ketokohan dan Kepimpinan Haji Abdul Rahman Limbong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 64.

¹²³ *Ibid.*, h. 64-65.

¹²⁴ *Ibid.*, h. 60-61.

3.2.3. Zaman Selepas Merdeka (1957 hingga kini)

Penjajahan sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini telah memberikan banyak kesedaran berpolitik kepada masyarakat Malaysia. Di samping kesedaran tersebut, persoalan yang berkaitan dengan adat dan konsep ketaatan yang telah diamalkan selama ini masih terpahat kukuh di dalam minda masyarakat Melayu. Konsep ketaatan masyarakat Melayu sebenarnya dipengaruhi kuat oleh satu lagi konsep yang tertanam dalam minda mereka iaitu 'konsep pelindung dan orang yang dilindungi'. Konsep ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Chandra Muzaffar, seorang profesor yang banyak menganalisis mengenai politik di Malaysia¹²⁵. Menurut beliau, ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia adalah berkait dengan hubungan antara pelindung dan orang yang dilindungi. Masyarakat Melayu sejak dahulu lagi telah menganggap pemimpin sebagai pelindung mereka di dalam urusan politik dan lain-lain. Dalam suasana Malaysia yang didatangi oleh ramai pendatang asing dari luar terutamanya kaum Cina dan India yang telah dibawa masuk oleh Inggeris, masyarakat Melayu terpaksa bersaing dengan kaum pendatang dalam pelbagai aspek seperti ekonomi dan politik. Kehadiran saingan ini sebenarnya telah mewujudkan suatu perasaan ancaman di dalam minda masyarakat Melayu terutamanya apabila kaum pendatang ini cuba atau mula diberikan tempat di dalam politik oleh pihak Inggeris¹²⁶.

Dalam situasi ini, Sultan yang menjadi pemimpin dan simbol ketuanan Melayu dianggap sebagai pelindung yang memelihara politik masyarakat Melayu yang sebelum ini dikuasai sepenuhnya oleh mereka. Masyarakat Melayu boleh merasa lega apabila merasakan sekurang-kurangnya, tanah Melayu masih dipimpin oleh seorang ketua dari bangsa mereka. Lantaran itu, secara sedar atau tidak masyarakat Melayu telah sepakat berusaha memelihara institusi kesultanan yang dianggap sebagai pelindung ini dan

¹²⁵ Sila rujuk Chandra Muzaffar (1992), *Pelindung?: Satu Kajian Tentang Konsep dan Amalan Kesetiaan Dalam Hubungan Antara Pemimpin dan Pengikut Dalam Masyarakat Melayu*. P. Pinang : Aliran Kesedaran Negara.

¹²⁶ *Ibid.*, h. 93.

mengelakkan apa jua yang menjadi ancaman terhadapnya¹²⁷. Ini menjadi sebab utama zahirnya ketaatan terhadap pemimpin tanpa soal demi memelihara institusi yang menjadi pelindung ini. Lantaran itu, pada 1971 kerajaan telah merangka akta yang melarang kedudukan raja-raja dipersoalkan sebagaimana yang termaktub di dalam Perkara 181¹²⁸. Ketaatan terhadap pemimpin pada pandangan umum masyarakat Melayu telah memberikan suatu perasaan selamat daripada ancaman luar.

Menurut Profesor Chandra Muzaffar lagi, konsep ini tidak hanya khusus terhadap raja dan sultan sahaja, tetapi umum terhadap golongan yang dianggap sebagai pelindung¹²⁹. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO telah ditubuhkan pada tahun 1946 dengan beridentitikan sebagai pembela dan pelindung masyarakat Melayu. Lantaran itu, ia telah disokong kuat oleh majoriti masyarakat Melayu dan ini terbukti melalui keputusan pilihan raya-pilihan raya yang telah diadakan. Sokongan ini tidak bermaksud bahawa mereka menyokong dengan setiap perkara yang dilaksanakan oleh UMNO, tetapi kerana turut didorong untuk memelihara perasaan selesa dan selamat tersebut. Menurut analisis beliau lagi, terdapat beberapa bentuk taat setia tanpa soal yang diamalkan dalam kepimpinan UMNO. Antaranya adalah menuntut taat setia tanpa soal serta perpaduan antara kaum, kawalan dan sekatan daripada sebarang kritikan terhadap pucuk pimpinan dari kalangan UMNO, serta perlindungan dan ganjaran terhadap penyokong¹³⁰.

Budaya politik dalam UMNO sangat menekankan perihal ketaatan dan kesetiaan di kalangan ahli-ahlinya. Sejarah menunjukkan orang yang lebih setia akan lebih

¹²⁷ *Ibid.*

¹²⁸ Perkara 181. Kecualian bagi kedaulatan, dsb., Raja-Raja.

(1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Raja-Raja dan prerogatif, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar Memerintah Negeri Sembilan di bawah wilayah-wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga kini adalah tetap dan tidak terjejas.

(2) Tiada apa-apa jua prosiding pun boleh dibawa di dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja sesuatu Negeri atas sifat peribadinya kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

¹²⁹ *Ibid.*, h. 95.

¹³⁰ *Ibid.*, h. 96.

disayangi dan dilindungi oleh pemimpin biarpun beliau tidak menjalankan tugas dengan baik atau melakukan kesalahan seperti rasuah dan sebagainya. Sebaliknya, seseorang ahli yang banyak mengkritik akan dianggap penentang dan tidak disenangi oleh pihak atasan walaupun telah melaksanakan tugas dengan baik¹³¹. Beliau bahkan menghadapi kemungkinan akan disingkirkan. Ini boleh dilihat peristiwa yang berlaku sewaktu Tun Abdul Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri. Abdul Aziz Ishak, Menteri Pertanian Koperatif telah memberi pendapat dengan mencadangkan beberapa projek bangunan luar bandar yang mana ianya bercanggah dengan pemikiran Tun Abdul Razak. Beliau telah ditukarkan oleh Tunku ke Kementerian lain walaupun beliau seorang yang taat setia kepada Tunku. Beliau telah dianggap sebagai penderhaka dan Aziz Ishak kemudiannya meletak jawatan¹³².

Di dalam kes Rahman Taib pula iaitu tatkala menjawat jawatan Menteri Pelajaran, beliau telah didapati bersalah kerana melakukan rasuah. Namun beliau telah terselamat dari hukuman kerana telah diberi perlindungan oleh Tunku Abdul Rahman. Bayaran kes sebanyak lapan puluh lapan ribu ringgit telah dibayar oleh kerajaan dan Tunku turut membidas mereka yang mengkritik Menteri tersebut¹³³.

Dari sini jelas wujudnya konsep taat setia tanpa soal di kalangan masyarakat Melayu hasil daripada dorongan untuk melindungi kepentingan kaum bukan saja dari aspek politik, bahkan juga dari aspek ekonomi¹³⁴. Namun begitu, konsep ketaatan tanpa soal terhadap pemimpin seperti ini tercabar dengan kemasukan nilai-nilai Islam di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ini kerana Islam menekankan keadilan di dalam amalan ketaatan terhadap pemimpin. Menurut sejarah, Bendahara Paduka Raja di zaman

¹³¹ *Ibid.*, h.103.

¹³² *Ibid.*

¹³³ *Ibid.*, h. 107.

¹³⁴ *Ibid.*, h. 154.

Kesultanan Melayu Melaka mengingkari arahan sultan untuk membunuh Hang Tuah kerana sedar bahawa arahan sultan tersebut bertentangan dengan keadilan Islam¹³⁵.

Selain itu, sejarah selepas kemerdekaan juga memperlihatkan beberapa peristiwa yang dianggap oleh kerajaan sebagai penentangan dan penderhakaan seperti peristiwa berdarah di Memali, Baling Kedah yang dipimpin oleh Ibrahim b. Mahmood pada tahun 1984. Peristiwa-peristiwa ini sedikit sebanyak dapat menggambarkan konsep ketaatan yang diamalkan di Malaysia dari perspektif sejarah sebagai kesinambungan kepada konsep ketaatan yang diamalkan pada hari ini

3.3. Konsep ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia: Perspektif Kontemporari

Sejak daripada penubuhannya hinggalah ke hari ini Malaysia diterajui oleh UMNO yang telah ditubuhkan pada 1946. UMNO yang dianggap mewakili masyarakat Melayu di Malaysia telah membentuk kerajaan dengan kerjasama beberapa parti lain seperti MCA dan MIC yang membentuk Barisan Nasional (BN). Hingga ke hari ini, pelbagai dasar yang telah dilaksanakan oleh BN selaku pemerintah dengan berasaskan kepada perlembagaan yang telah dibentuk sebelum merdeka.

Perdana Menteri Malaysia yang ke-5 iaitu Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi memperlihatkan kecenderungan beliau kepada modal insan dan Islam Hadhari. Ucapan beliau di dalam perhimpunan Agong UMNO yang ke-57 di PWTC antara lain menyatakan pendirian beliau untuk meneruskan kepimpinan negara berasaskan amalan demokrasi. Beliau menyatakan amalan demokrasi membenarkan rakyat atau wakil-wakil rakyat memberikan pendapat, teguran, kritikan dan seumpamanya terhadap kerajaan dalam ruang lingkup sistem demokrasi. Dalam ucapan ini ada nilai-nilai

¹³⁵ *Ibid.*, h. 168.

ketaatan kepada sistem demokrasi dan undang-undang yang dikuatkuasakan di bawah sistem ini.¹³⁶

Untuk memahami konsep ketaatan yang diamalkan di Malaysia, kajian ini cuba memperjelaskan tentang kepimpinan di Malaysia dan menganalisa peruntukan-peruntukan yang dikuatkuasakan di dalam perlembagaan, undang-undang dan akta-akta sebagai perintah-perintah yang dituntut ketaatannya daripada rakyat selain menilai atau mengkaji amalan-amalan di dalam penguatkuasaannya.

3.3.1. Kepimpinan dan Sistem Pemerintahan di Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan mempunyai seorang Raja Berperlembagaan. Perlembagaan Persekutuan memberikan kedudukan dan taraf yang paling tinggi kepada Yang di-Pertuan Agong yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja dalam tempoh lima tahun. Sebagai Ketua Utama Negara, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa-kuasa perundangan (legislatif), eksekutif dan kehakiman. Semua urusan kerajaan yang dibuat oleh baginda adalah atas nasihat Perdana Menteri atau Jemaah Menteri¹³⁷. Malaysia mengamalkan suatu bentuk pemerintahan berdasarkan perwakilan demokrasi di mana pendapat rakyat disalurkan melalui wakil rakyat yang dipilih dalam suatu pilihan raya bebas. Sebagai sebuah negara persekutuan, pentadbiran kerajaan Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Persekutuan, Negeri dan Tempatan¹³⁸. Persekutuan bermaksud sebuah sistem pemerintahan beberapa buah negeri yang disekutukan untuk kepentingan bersama. Pentadbiran dijalankan melalui suatu kuasa pusat yang dibahagikan kepada

¹³⁶ Ucapan Perasmian Perhimpunan Agong UMNO yang ke 57, (16/11/2006). Kuala Lumpur: Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

¹³⁷ Tengku Anuar Tengku Dalam (1991), *Pengetahuan Kenegeraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, h. 91.

¹³⁸ Mohamad Idris Saleh et al., *op.cit.*, h. 209.

beberapa peringkat iaitu Peringkat Pusat, Badan-Badan Berkanun dan Pertubuhan Sukarela¹³⁹.

Kepimpinan di dalam pentadbiran Malaysia secara umumnya boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu kepimpinan politik dan kepimpinan pentadbiran¹⁴⁰. Kepimpinan politik di dalam pentadbiran Malaysia terhasil melalui pemilihan oleh rakyat di mana rakyat yang memilih wakil atau pemimpin yang akan memimpin mereka. Pucuk kepimpinan politik negara adalah Perdana Menteri dan anggota-anggotanya adalah semua ahli kabinet yang mempunyai hak menentukan dasar dan perjalanan politik negara.

Dasar-dasar kerajaan yang telah digubal tersebut pula memerlukan pelaksanaan menggunakan jentera pentadbiran di peringkat pusat atau negeri. Pemimpin-pemimpin yang mengetuai jentera pentadbiran ini pula merupakan kepimpinan tadbiran yang memainkan peranan penting di dalam pelaksanaan pentadbiran di Malaysia. Pucuk kepimpinan tadbiran ini ialah Ketua Setiausaha Negara. Beliau dibantu oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Peringkat seterusnya merupakan Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Pengarah semua Jabatan Persekutuan dan Setiausaha Kerajaan Negeri¹⁴¹.

Perlembagaan Malaysia telah membahagikan kuasa persekutuan kepada tiga jenis iaitu kuasa Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman. Pembahagian ini berlaku di peringkat persekutuan dan negeri selaras dengan konsep persekutuan yang menjadi asas pentadbiran kerajaan¹⁴².

¹³⁹ *Ibid.*, h. 211.

¹⁴⁰ Abdullah Sanusi Ahmad (1980), *Kerajaan dan Pentadbiran Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 105.

¹⁴¹ *Ibid.*, h.107.

¹⁴² Sheela Abraham (1994), *Sejarah Perkembangan Negara*, c. 3. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 211.

i. Badan Perundangan

Badan Perundangan berfungsi untuk menggubal undang-undang negara dan polisi negara. Sistem perundangan di Malaysia adalah satu set peraturan yang sah yang telah dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa ke atas rakyat. Ianya wujud sama ada dalam bentuk bertulis atau tidak. Oleh yang demikian pada dasarnya undang-undang wujud melalui kuasa yang ada pada pemerintah di dalam sebuah negara yang berdaulat. Ini bermakna segala nasihat dan pendapat umumnya bukan undang-undang kecuali ianya dikuatkuasakan secara rasmi.

ii. Badan Eksekutif

Badan Eksekutif atau disebut juga sebagai Badan Pemerintah. Ia merupakan pihak yang melaksanakan pentadbiran negara melalui kuasa-kuasa eksekutif dengan berdasarkan perlembagaan dan undang-undang yang ada. Di Malaysia, Badan Eksekutif ialah jentera pentadbiran negara yang terdiri daripada Jemaah Menteri, Perkhidmatan Awam, Polis dan angkatan tentera¹⁴³.

Jemaah Menteri

Yang di Pertuan Agong mempunyai budi bicara untuk melantik kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri. Walaubagaimanapun kuasa budi bicara ini terhad. Baginda perlu patuh kepada keputusan Parlimen dan undang-undang negara. Baginda hanya boleh melantik ahli Dewan Rakyat yang mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat¹⁴⁴. Di Malaysia, Perdana Menteri hanya boleh dilantik di kalangan ahli Parlimen. Oleh itu Ketua Eksekutif dan ahli-ahli kabinet akan mengawal badan perundangan yang mengawal kewangan dan undang-undang yang diluluskan. Oleh itu,

¹⁴³ Abdul Monir Yaacob, Suzalie Mohamad (eds.), *op.cit.*, h. 112.

¹⁴⁴ Tun Mohamed Suffian (1990), *Pengenalan Sistem Undang-Undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 51.

hakikatnya tidak ada pemisahan kuasa antara badan perundangan dengan badan eksekutif. Yang ada hanyalah badan kehakiman yang mempunyai kuasa yang terpisah dengan eksekutif dan badan perundangan¹⁴⁵. Kabinet di Malaysia bertanggungjawab kepada wakil-wakil rakyat di Parlimen dan orang ramai. Para Menteri boleh berhujah mengikut pendapat masing-masing, tetapi apabila sesuatu dasar itu telah diputuskan oleh kabinet, tiap-tiap Menteri dikehendaki menyokong dasar itu dan tidak boleh mengkritik dasar itu dikhalayak ramai¹⁴⁶.

Perkhidmatan Awam

Prinsip utama Perlembagaan Malaysia ialah memisahkan pegawai berjawatan daripada politik kerana kedua-dua bidang ini tidak bersesuaian. Oleh yang demikian, Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa orang yang menjawat jawatan tetap dalam perkhidmatan awam seperti pegawai am, pegawai tadbir atau pegawai diplomat tidak dibenarkan menjadi ahli sebarang badan perundangan. Jika ada yang berhasrat untuk menjadi ahli politik, maka dia mestilah meletakkan jawatannya¹⁴⁷.

Kerajaan mempunyai pegawai perkhidmatan awam yang tetap. Angka tersebut berubah-ubah dari minggu ke minggu. Pegawai perkhidmatan awam yang berkedudukan tinggi terdiri daripada mereka dalam perkhidmatan pentadbiran dan diplomatik dan profesional seperti peguam, doktor, jurutera, akauntan dan sebagainya yang memberi maklumat, nasihat kepada menteri tentang sesuatu dasar dan memastikan bahawa dasar itu dilaksanakan dengan berkesan¹⁴⁸.

Konsep umum dalam undang-undang pekerjaan ialah, setiap pekerja perlulah sentiasa patuh kepada semua arahan yang sah dan munasabah dari majikannya. Arahan yang dikeluarkan oleh majikan itu tidak boleh menyalahi undang-undang dan bidang

¹⁴⁵ *Ibid.*, h. 52.

¹⁴⁶ *Ibid.*, h. 53.

¹⁴⁷ Tun Mohamed Suffian (1990), *op.cit.*, h. 54.

¹⁴⁸ *Ibid.*

kuasanya. Pematuhan dalam bentuk menjalankan setiap arahan dan larangan yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan kerajaan adalah mencerminkan kepada ketaatan. Walaubagaimanapun, bagi penjawat awam yang melakukan kesalahan mencuri tidaklah mencerminkan kepada ketidaktaatan walaupun kesalahan itu diisytiharkan oleh undang-undang negara. Apa yang dimaksudkan tidak taat oleh perintah ini ialah menderhaka atau belot kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan. Bentuk-bentuk kesalahannya ialah seperti berperang atau bersubahat untuk melawan Yang di-Pertuan Agong, Raja, atau Yang di-Pertuan Negeri, merancang untuk melucutkan jawatan, berperang melawan Yang di-Pertuan Agong, menyiarkan, menyampaikan maklumat kerajaan kepada negara asing atau mengedarkan surat rasmi kepada negara asing yang boleh memudaratkan bangsa dan negara.

Pasukan Keselamatan Negara

Pasukan keselamatan negara pada umumnya boleh ditinjau daripada dua bidang utama iaitu Keselamatan Dalam Negeri dan Pertahanan negara. Bidang keselamatan negara meliputi pelbagai persoalan seperti keadaan keselamatan dan ketenteraman awam, ancaman dan cabaran terhadap keselamatan, strategi dan langkah-langkah keselamatan dalam negeri. Manakala bidang Pertahanan pula meliputi soal-soal-soal pembentukan dasar, strategi dan pelaksanaan program-program pertahanan negara secara menyeluruh mengenai keselamatan dalam negara, pergolakan politik serta kestabilan serantau dan antarabangsa¹⁴⁹.

¹⁴⁹ Tengku Anuar Tengku Dalam, *op.cit.*, h. 295.

iii. Badan Kehakiman

Badan Kehakiman pula adalah badan yang membicarakan, memutuskan dan menjatuhkan hukuman bagi sebarang kesalahan undang-undang¹⁵⁰. Kuasa kehakiman tersebut terletak kepada dua jenis mahkamah iaitu Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah. Badan Kehakiman di Malaysia tidak seperti Badan Perundangan dan Badan Eksekutif kerana ia terpisah dari dua cabang pentadbiran tersebut. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kuasa secara eksklusif kepada Mahkamah Agung, dua Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah rendah, yang ditubuhkan oleh undang-undang persekutuan¹⁵¹. Ia melibatkan perselisihan yang berhubung yang berlaku antara kerajaan Persekutuan dan Negeri, kerajaan Negeri dan Negeri, antara warganegara dan Kerajaan Persekutuan atau negeri serta antara warganegara dan warganegara. Kuasa kehakiman juga bermakna kuasa untuk menentukan sama ada seseorang telah melakukan jenayah atau tidak dan hukuman yang wajar akan dikenakan ke atasnya¹⁵². Namun begitu, dari satu sudut yang lain Badan Kehakiman juga dipengaruhi oleh Badan Eksekutif kerana perlantikan hakim-hakim besar oleh Yang di-Pertuan Agong adalah atas nasihat Perdana Menteri. Ini juga disebabkan kuasa kehakiman juga tertakluk kepada perlembagaan, perundangan dan akta-akta yang telah ditetapkan.

3.3.2. Konsep Ketaatan di Malaysia Melalui Kuatkuasa Undang-Undang

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini¹⁵³, *ulu al-amr* bagi negara Malaysia yang dibahaskan di dalam kajian ini menumpukan kepada pucuk pimpinan tertinggi negara sahaja. Mereka terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan menteri-menteri kabinet. Mereka merupakan golongan yang

¹⁵⁰ *Ibid.*, h. 211-216.

¹⁵¹ *Ibid.*, h. 120.

¹⁵² *Ibid.*, h. 62.

¹⁵³ Lihat pecahan 2.3.2

bertanggungjawab ke atas dasar-dasar dan perundangan negara serta penguatkuasaannya. Secara tidak langsung dapat difahami bahawa pemerintahan mereka adalah segala peruntukan yang didokong dan dilaksanakan di dalam perlembagaan, perundangan, dasar-dasar dan sebagainya yang menuntut ketaatan rakyat.

Untuk mengkaji konsep ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia dari perspektif Islam, terlebih dahulu diperbahaskan tentang konsep ketaatan terhadap pemimpin yang diamalkan di Malaysia hari ini. Bagi memudahkan tujuan ini, kajian ini akan menilai konsep ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia hanya berdasarkan konsep ketaatan yang dituntut oleh pemimpin tanpa mengkaji konsep ketaatan yang diamalkan oleh rakyat pada hari ini. Ini kerana ia memerlukan kajian yang meluas dan persampelan yang ramai. Secara umumnya, konsep ketaatan yang dituntut oleh pemimpin di Malaysia dapat dilihat dari perintah, larangan dan kehendak pemimpin. Dari perbahasan sebelum ini dapat difahami bahawa perintah dan larangan pemimpin secara umumnya boleh dilihat melalui penguatkuasaan undang-undang. Undang-undang menggambarkan kehendak pemimpin dan undang-undang menuntut ketaatan rakyat.

Secara umumnya, undang-undang di Malaysia adalah berteraskan kepada perlembagaan Malaysia yang dibentuk asasnya oleh British khususnya Suruhanjaya Reid sesuai dengan kedudukan Malaysia sebagai bekas tanah jajahan British. Bagi menggambarkan konsep ketaatan rakyat yang dituntut oleh pemimpin di Malaysia, terdapat beberapa perkara telah dipilih dan dihuraikan di sini iaitu beberapa peruntukan yang menggariskan kaedah yang menuntut ketaatan rakyat.

i. Rukunegara

Perkara pertama yang boleh dirujuk di dalam melihat konsep ketaatan yang diamalkan di Malaysia ialah Rukunegara. Rukunegara merupakan prinsip-prinsip yang

dibentuk oleh kerajaan untuk diikuti dan dipegang oleh rakyat Malaysia. Ia bertujuan menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama serta membentuk satu identiti masyarakat Malaysia. Ia mengandungi lima prinsip iaitu¹⁵⁴:

1. Kepercayaan kepada Tuhan:
2. Kesetiaan kepada Raja dan Negara:
3. Keluhuran Perlembagaan:
4. Kedaulatan undang-undang:
5. Kesopanan dan Kesusilaan:

Berikut merupakan huraian terhadap prinsip-prinsip rukunegara di atas:

- Kepercayaan kepada Tuhan: Islam menjadi agama rasmi persekutuan manakala agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman.
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara: Malaysia merupakan sebuah negara beraja manakala Yang Dipertuan Agong, Raja-Raja dan Yang Dipertua Negeri adalah lambang perpaduan rakyat. Rakyat perlu mempunyai sikap jujur dan taat setia kepada Yang Dipertuan Agong dan negara dengan memberikan sepenuh kepatuhan dan bertanggungjawab mempertahankan negara daripada sebarang ancaman.
- Keluhuran Perlembagaan: Setiap warganegara wajib menghormati kandungan dan maksud Perlembagaan sebagai prinsip tertinggi negara.
- Kedaulatan undang-undang: Keadilan adalah berasaskan kepada undang-undang manakala setiap rakyat mempunyai taraf yang sama di sisi undang-undang.
- Kesopanan dan Kesusilaan: Setiap warganegara hendaklah menguruskan hal masing-masing tanpa melanggar tatasusila, atau mengganggu dan melanggar hak warganegara lain.

¹⁵⁴ Tengku Anuar Tengku Dalam, *op.cit.*, h. 188-192.

Perlembagaan 1957, telah memberi pengiktirafan kepada raja-raja sebagai raja berperlembagaan. Taat setia kepada raja juga merupakan taat setia kepada perlembagaan. Taat dalam ertikata setia kepada perlembagaan dan bukanlah diri raja berkenaan. Ianya juga bermaksud bahawa raja perlu juga bertaatsetia kepada perlembagaan. Ianya disebut sebagai konsep demokratik iaitu rakyat tidak perlu bertaatsetia buta kepada raja dan tingkah laku raja boleh dipersoalkan. Kerana itulah ia disebut sebagai raja berperlembagaan¹⁵⁵. Sebagai raja berperlembagaan dan pemerintah muslim, baginda tidak berhak mengharapkan ketaatan rakyat secara mutlak. Walaubagaimanapun, berdasarkan akta 1971 rakyat tidak dibenarkan mengkritik tentang kedudukan raja-raja atas alasan menjaga kepentingan negara serta sistem diraja itu sendiri¹⁵⁶. Jika dilihat dalam Rukunegara, kesetiaan kepada raja dan negara telah diletakkan sebagai prinsip kedua iaitu selepas kepercayaan kepada Tuhan. Ini menggambarkan konsep ketaatan di Malaysia di mana kesetiaan dan ketaatan terhadap pemimpin menjadi perkara terpenting dan asas utama yang perlu diamalkan oleh rakyat.

Selain itu, Rukunegara juga menekankan tentang kewajipan rakyat menghormati perlembagaan dan undang-undang. Ini jelas diletakkan di dalam rukun yang ketiga dan keempat. Ini sebenarnya merujuk kepada kewajipan rakyat mentaati perlembagaan dan undang-undang negara sebagai suatu peraturan tertinggi. Peraturan ini membataskan rakyat Malaysia kepada suatu bentuk cara hidup yang harus diikuti di dalam segenap aspek sama ada politik, sosial, ekonomi dan bahkan agama. Ini kerana Perlembagaan Malaysia diletakkan sebagai suatu yang tertinggi untuk ditegakkan manakala agama adalah sebahagian daripada kandungan perlembagaan.

¹⁵⁵ Chandra Muzaffar, *op.cit.*, h. 89.

¹⁵⁶ *Ibid.*, h. 91.

ii. Perlembagaan Malaysia

Secara umumnya perlembagaan merupakan satu dasar bagi sesebuah negara. Ia adalah pembahagian kuasa pemerintahan, pembuat undang-undang dan pentafsir undang-undang. Semuanya tertakluk kepada apa yang telah diperuntukkan oleh perlembagaan. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa undang-undang mempunyai kaitan yang rapat dengan keadilan. Tetapi bila kita melihat kepada suasana dunia, apa yang diluluskan oleh parlimen tidak semestinya mengandungi nilai-nilai murni semata-mata dan ianya hanya berasaskan kepada prosedur dan bukanlah keadilan mutlak¹⁵⁷. Perlembagaan berfungsi bagi menentukan pemikiran dan sistem negara. Perlembagaan mengawal sistem perjalanan politik dan pentadbiran negara. Manusia yang berperanan menjadikan suatu perlembagaan itu dipatuhi serta diamalkan. Sekiranya perlembagaan itu sudah ada dalam sesebuah negara, tetapi pihak pemerintah masih tidak mematuhi perlembagaan tersebut, maka rakyat berhak untuk mempersoalkannya¹⁵⁸. Perlembagaan juga merupakan suatu kumpulan undang-undang dasar yang menentukan bagaimana bentuk pemerintahan yang akan dijalankan di dalam sesebuah negara.

Di Malaysia, Perlembagaan Malaysia merupakan undang-undang tertinggi negara yang menerangkan hak-hak setiap warganegara sama ada pemerintah atau yang diperintah¹⁵⁹. Perlembagaan Persekutuan telah digubal oleh sebuah suruhanjaya yang dipengerusikan oleh seorang British yang bernama Lord Reid dan diluluskan pada 27 Ogos 1957. Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 telah membawa kepada pertambahan dan pengubahsuaian kepada perlembagaan persekutuan yang dibentuk pada 1957¹⁶⁰. Sifat Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi berbeza dengan British yang menganggap bahawa parlimen adalah yang tertinggi. Ketertinggian

¹⁵⁷ Abdul Azizi Bari (2001), *Perlembagaan Malaysia, Asas-Asas Dan Masalah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 114.

¹⁵⁸ Ustaz Abdul Basir Alias, *Ancaman Nasionalis Sekular Ekstrim Di Malaysia, Respon Pemikiran Cendekiawan Islam Terhadap Realiti Sejarah, Aliran dan Kemelut Politik*. Selangor: As-Syabab Media, h. 155.

¹⁵⁹ Mohamad Idris Saleh et al., *op.cit.*, h. 194.

¹⁶⁰ Kassim Thukiman, *op.cit.*, h. 170.

perlembagaan Malaysia dapat dilihat di dalam peruntukan Perkara 4(1) menyatakan bahawa perlembagaan Malaysia adalah undang-undang utama persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang berlawanan dengan perlembagaan adalah, setakat yang berlawanan itu, terbatal. Kuasa perundangan, kehakiman dan bahkan kuasa Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sebagai pemimpin utama negara, tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dikenakan oleh Perlembagaan¹⁶¹.

Konsep ketaatan di Malaysia dapat dilihat melalui pelbagai sekatan yang wujud dalam perlembagaan. Jika diperhatikan dalam perkara 5 hingga 13, pelbagai hak telah disebut bermula dengan kebebasan diri, larangan keabdian dan kerja paksa, perlindungan dari undang-undang jenayah yang berkuatkuasa kebelakangan, percabangan berulang dan sebagainya. Namun begitu, terdapat banyak sekatan terutamanya terhadap hak-hak asasi yang sering menjadi bahan kontroversi seperti kebebasan bercakap, berhimpun dan bersatu. Pihak polis diberi kuasa untuk mengawal perhimpunan awam. Ini kerana, perlembagaan ada menyatakan bahawa Parlimen boleh mengenakan apa-apa sekatan yang dirasakan perlu demi keselamatan persekutuan dan ketenteraman awam. Istilah keselamatan persekutuan dan ketenteraman awam yang tidak ditakrifkan menyebabkan kuasa Parlimen untuk membuat sekatan terhadap hak-hak ini hampir tidak terbatas¹⁶². Ini memberikan kuasa mutlak kerajaan untuk melulus atau menarik balik permit perhimpunan awam tanpa sebab. Hak-hak yang dijamin dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak. Setiap peruntukan dalam perlembagaan menyediakan pengecualian seperti hak-hak istimewa orang Melayu.

¹⁶¹ Tun Muhammad Suffian bin Hashim (1984), *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 25-27.

¹⁶² Muhammad Kamil Awang (2001), *Sultan & Perlembagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 192.

Dengan itu tiada siapa boleh mencabar kesahan peruntukan berkenaan. Kesannya, wujud sekatan-sekatan yang kadang-kala tidak menepati prinsip demokrasi¹⁶³.

Kesimpulannya, Perlembagaan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi negara telah meletakkan suatu konsep ketaatan tersendiri untuk rakyat Malaysia melalui penetapan pelbagai hak buat rakyat di samping wujudnya pelbagai sekatan. Hak dan ruang yang diberikan kepada pemimpin untuk memimpin dan membina sekatan agak luas sehingga apabila pelbagai sekatan diwujudkan, ruang untuk rakyat menggunakan prinsip demokrasi seperti kebebasan bersuara, berhimpun dan mengeluarkan pendapat agak sempit. Sekatan-sekatan ini diwujudkan dengan menggubal pelbagai akta dan menetapkan hukuman melalui Kanun Keseksaan. Ini semuanya tertakluk kepada pihak pemerintah ketika undang-undang itu dilaksanakan. Realiti keadaan di Malaysia hari ini, rakyat tidak dibenarkan banyak membantah terhadap segala dasar dan tindakan yang dibuat oleh kerajaan. Ini dapat dilihat melalui kewujudan pelbagai demonstrasi oleh rakyat khususnya oleh pihak pembangkang dianggap sebagai sesuatu yang menyalahi undang-undang dan dikenakan tindakan. Secara tidak langsung seolah-olah pemerintah, perlembagaan dan undang-undang menuntut ketaatan rakyat Malaysia sepenuhnya dan menolak sebarang bantangan di dalam setiap langkah kerajaan.

iii. Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)

Akta Keselamatan Dalam Negeri ini ditubuhkan pada tahun 1960 dengan matlamat untuk mengawal kegiatan komunis dan menggantikan undang-undang darurat 1948 yang diwujudkan oleh British. Ia merupakan suatu akta yang dikuasai secara mutlak oleh pihak eksekutif. Melalui akta ini, pihak eksekutif boleh menahan seseorang

¹⁶³ *Ibid.*, h. 184.

individu tanpa bicara jika dirasakan ia akan mengancam keselamatan negara atau menggugat kepentingan ekonomi¹⁶⁴.

Dibawah akta ISA ini, menteri boleh melarang percetakan, penerbitan, penjualan, pengeluaran, pengedaran atau pemilikan apa-apa dokumen atau penerbitan yang menurutnya mengandungi apa-apa unsur pengapian untuk melakukan keganasan, menggalakkan ketidakpatuhan terhadap undang-undang atau apa perintah yang sah, yang dianggap atau mungkin membawa kepada mengganggu keamanan, menggalakkan perasaan permusuhan antara ras atau kelas penduduk, atau memudaratkan kepentingan negara, ketenteraman awam atau keselamatan persekutuan. Menteri juga boleh menutup mana-mana tempat hiburan atau pameran jika dia berpuas hati bahawa tempat itu adalah atau mungkin memudaratkan kepentingan negara atau jika berlaku keengganan untuk memberikan terlebih dahulu sebagaimana yang dikehendaki butir-butir tentang hiburan atau pameran itu, atau keengganan untuk mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh menteri mengenainya¹⁶⁵. Akta Keselamatan Dalam Negeri juga menegah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dilatih atau dilengkapi bagi maksud membolehkan mereka ditugaskan merampas kuasa pasukan polis atau angkatan bersenjata, atau ditugaskan untuk menggunakan atau menunjukkan kekerasan fizikal dengan tujuan mencapai apa-apa matlamat politik atau objek lain atau dengan sedemikian cara hingga membangkitkan keraguan yang munasabah bahawa mereka ditubuhkan atau dilatih atau dilengkapi bagi maksud itu¹⁶⁶.

Jika dilihat dari aspek positif, akta ISA mungkin boleh mencegah berlakunya sesuatu yang tidak diinginkan lebih awal dan mengawal keamanan di dalam negara. Namun kesan buruk hasil daripada penguatkuasaan akta ISA ini, kebebasan dan hak

¹⁶⁴ Rujuk perkara 8. (1) Jika Menteri berpuas hati bahawa penahanan mana-mana orang perlu dengan tujuan untuk mencegahnya daripada bertindak dengan apa-apa cara yang memudaratkan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau penyenggaraan perkhidmatan perlu di dalamnya atau kedudukan ekonominya, Menteri boleh membuat suatu perintah (kemudian daripada ini disebut perintah tahanan) yang mengarahkan supaya orang itu ditahan bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun.

¹⁶⁵ Muhammad Kamil Awang, *op.cit.*, h. 113.

¹⁶⁶ *Ibid.*

asasi masyarakat Malaysia disekat dari pelbagai aspek seperti hak bersuara, mengeluarkan pendapat, mengkritik, berhimpun dan sebagainya yang sepatutnya diperolehi di dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi. Rakyat merasa takut untuk menegur atau menyinggung pihak pemerintah kerana tindakan yang mungkin bakal dikenakan terhadap mereka. Secara tidak langsung, rakyat dilatih supaya mentaati pemerintah di dalam setiap keputusan dan dasar-dasar yang dilaksanakan. Selain itu, akta ini juga boleh melemahkan badan kehakiman kerana tidak menitik beratkan prinsip keadilan seperti perbicaraan, bukti, saksi dan sebagainya sehingga tidak memberi ruang kepada seseorang untuk membuktikan mereka tidak bersalah. Oleh kerana itu, secara prinsipnya ia boleh dianggap zalim jika digunakan terhadap orang yang tidak bersalah, atau kesalahan kecil yang tidak setimpal. Selain itu, ia tidak mempunyai garis panduan yang jelas tentang perkara-perkara yang ditakrifkan sebagai mengancam keselamatan negara¹⁶⁷. Segalanya tertakluk kepada kehendak kuasa eksekutif dari sudut alasan atau tempoh masa seseorang individu tersebut ditahan. Disebabkan peruntukan akta ini yang bersifat umum, maka tidak mustahil ia boleh disalah gunakan untuk kepentingan politik pemerintah seperti musuh politik, pembangkang, pengkritik dan sebagainya¹⁶⁸. Disebabkan itu, ramai dari kalangan parti pembangkang dan juga individu yang menentang serta memperjuangkan penghapusan akta ini.

iv. Akta Rahsia Rasmi (OSA)

Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972 adalah berasaskan kepada akta OSA British 1911. Di zaman British, akta ini digunakan bagi tujuan menyekat penyebaran maklumat kepada bangsa asing yang boleh mengakibatkan ancaman kepada negara. Akta OSA

¹⁶⁷ V. Gayathri (2003), *Malaysia, Hak Asasi Dipertikaikan: Undang-Undang Mengongkong Kebebasan di Sebuah Negara Demokrasi Berparlimen*. United Kingdom: Amnesty International, h. 20.

¹⁶⁸ Syed Husin Ali (2004), "Demokrasi di Malaysia: Satu Pendidikan Asas Mengenainya", dalam Mohamed Anwar Omar Din (ed.), *Dinamika Bangsa Melayu: Menongkah Arus Globalisasi*. Selangor: Penerbit UKM, h.109.

merupakan suatu akta yang diberi kuasa kepada semua menteri serta ketua menteri dan juga ketua-ketua jabatan untuk mengkelaskan sesuatu dokumen itu sebagai rahsia rasmi atau sebaliknya mengikut budi bicara mereka. Antara kesalahan yang diletakkan dibawah akta OSA adalah menyimpan, mengawal dan menerima sebarang rahsia rasmi kerajaan. Ini secara tidak langsung menyekat sesuatu maklumat itu sampai kepada pengetahuan rakyat secara telus¹⁶⁹.

Kesimpulannya, akta OSA telah menyekat kebebasan bersuara serta mengawal tindak-tanduk rakyat supaya mematuhi pruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan. Sekatan-sekatan ini secara tidak langsung mempengaruhi pembentukan konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia.

v. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU)

Akta AUKU digubal pada tahun 1971 sebagai panduan pentadbiran mengenai penubuhan universiti-universiti baru. Walaubagaimanapun, pada tahun 1975, kerajaan telah membuat sekatan ke atas pelajar untuk berpersatuan dan mengeluarkan pendapat. Dalam akta ini terkandung sekatan bagi menyekat para pelajar berhimpun serta berpersatuan atau menyertai sebarang parti politik kecuali dengan keizinan Timbalan Canselor. Pelajar Universiti juga dilarang memberi sokongan, simpati atau bantahan dalam sebarang parti politik, kesatuan pekerja atau memberi sokongan mana-mana individu, organisasi serta kumpulan yang dianggap haram.

Terdapat beberapa contoh AUKU digunakan untuk membataskan kegiatan golongan para pelajar pengajian tinggi. Pada 15 April 1999, sekumpulan pelajar telah membuat reformasi. Mereka yang menamakan kumpulan mereka sebagai Majlis Pelajar Kebangsaan telah menghantar satu memorandum kepada Ketua Hakim Negara kerana bimbang tentang keadilan serta kebebasan dalam mahkamah dan mencadangkan agar

¹⁶⁹ V. Gayathri, *op.cit.* h. 64.

pembaharuan dapat dilaksanakan di dalam perundangan. Pihak berkuasa telah menyekat aktiviti berkenaan kerana menganggap ia boleh merosakkan imej negara. Pelajar juga dinasihatkan memberi penumpuan pada pelajaran dan berterima kasih dengan penerimaan biasiswa yang telah diberikan¹⁷⁰. Apabila makin ramai pelajar menyertai reformasi di Kuala Lumpur, Menteri Pendidikan mengugut akan menggunakan AUKU menggantung pendidikan pelajar atau menyingkir pelajar, pensyarah atau kakitangan sekiranya terlibat dalam reformasi¹⁷¹. Kementerian Pendidikan meminta pelajar untuk menunjukkan surat “tunjuk sebab” untuk menjelaskan kelakuan mereka. Pada 17 April 1999, 36 orang pelajar dan para akademik ditahan, termasuk pensyarah dan lima orang pelajar dari institut Teknologi Mara (ITM), tujuh orang pelajar dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA), 11 pelajar dari kolej swasta, lima dari sekolah kebangsaan dan lima dari sekolah agama. Pada 27 Mei 1999, Menteri Pendidikan ketika itu menyatakan bahawa dua pelajar, seorang dari St. John’s Institute dan seorang dari ITM disingkir kerana memberontak. Tujuh pelajar dari UIA diberi amaran keras oleh pihak universiti.

Pada bulan Mei 1999, Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan bahawa kumpulan pelajar telah dijadikan alat oleh pihak pembangkang untuk mengguling kerajaan. Abu Hassan Omar yang menjadi Menteri Besar Selangor ketika itu menyatakan bahawa kerajaan tidak mahu pelajar dipengaruhi oleh sesiapa yang anti kerajaan. Pelajar telah dinasihatkan dengan menyediakan beberapa dialog untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pelajar tentang peranan pelajar dalam membina masyarakat dan negara¹⁷². Secara ringkasnya dapat dirumuskan bahawa AUKU membentuk konsep ketaatan di kalangan para pelajar pengajian tinggi terhadap pemimpin dan kerajaan.

¹⁷⁰ *Ibid.*, h. 75.

¹⁷¹ New Straits Time, 29/9/1998.

¹⁷² New Straits Time, 16/6/1999.

vi. Akta Hasutan (1948)

Akta hasutan diwujudkan dengan tujuan untuk menyekat kebebasan bersuara dari kata-kata yang dianggap sensitif. Akta ini telah diwarisi dari kerajaan kolonial pada tahun 1948 bagi kesalahan menyemarakkan kebencian kepada kerajaan, menentang pentadbiran dan juga menghasut ketidakpuasan hati di kalangan rakyat. Walaubagaimanapun akta ini dipinda melalui Ordinan Darurat setelah berlakunya rusuhan kaum 1969. Dalam Ordinan Darurat, perkara yang disentuh adalah meliputi tajuk-tajuk yang berkemungkinan akan menimbulkan masalah pertelingkahan antara kaum dan penduduk Malaysia¹⁷³, serta menghalang seseorang menyoyal sebarang perkara mengenai hak, status, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan, atau keputusan yang dilindungi oleh bahagian 3 Perlembagaan Malaysia yang membincangkan isu kewarganegaraan¹⁷⁴.

Seksyen 3(1) di dalam bahagian 3 Perlembagaan mendefinisikan maksud ayat “berkemungkinan menghasut” termasuk:

- a) Untuk menanam kebencian atau perasaan tidak menghormati atau menyemarakkan perasaan tidak suka terhadap mana-mana Raja atau kerajaan.
- b) Untuk menanam kebencian atau perasaan tidak menghormati atau menyemarakkan perasaan tidak suka terhadap pentadbiran keadilan atau sebarang negeri.
- c) Untuk menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat jelata terhadap Yang Dipertuan Agong atau di kalangan penduduk Malaysia di seberang negeri.
- d) Untuk menggalakkan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau kelas-kelas berlainan di kalangan penduduk Malaysia.¹⁷⁵

¹⁷³ Seksyen 3(1) E.

¹⁷⁴ V.Gayathry, *op.cit.*, h. 53.

¹⁷⁵ *Ibid.*, h. 55.

Secara umumnya, peruntukan sebegini sememangnya perlu bagi mengelakkan perbuatan hasutan yang boleh menjejaskan keamanan negara. Namun begitu dalam masa yang sama, penjelasan dalam seksyen ini telah menyempitkan lagi ruang lingkup kebebasan bersuara di Malaysia. Ini kerana, peruntukan-peruntukan di dalam akta ini menakutkan rakyat terutamanya golongan pembangkang untuk mengkritik dan menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap tindakan pemerintah. Akta hasutan 1948 boleh menyebabkan seseorang dikenakan hukuman penjara dan denda bagi sesuatu perbuatan, ucapan, perkataan atau penerbitan, atau perbuatan lain yang mempunyai unsur hasutan. Beberapa sekatan terhadap kebebasan bercakap terdapat di dalam Ordinan Fitnah 1957 yang mengkanunkan *common law* mengenai libel dan slander¹⁷⁶.

Contoh kes yang berlaku di bawah akta hasutan ialah yang dibuat pada tahun 1995 iaitu apabila Lim Guan Eng, seorang ahli Parlimen yang juga timbalan ketua setiausaha Parti Tindakan Demokratik (DAP) telah didakwa atas kesalahan mengkritik keadilan mahkamah. Ini disebabkan beliau mempertikaikan cara Peguam Negara mengendalikan kes bekas Menteri Besar Melaka ketika itu, Abdul Rahim Tamby Chik yang dituduh merogol seorang gadis di bawah umur pada tahun 1994. Selain itu, Lim Guan Eng juga didakwa di bawah akta Mesin Cetak dan Penerbitan (PPPA)¹⁷⁷ atas tuduhan mengedarkan berita palsu dengan niat buruk, apabila risalah diterbitkan oleh DAP yang menyatakan rasa tidak puas hati berkaitan kes tersebut. Dari contoh kes ini dapat dilihat bahawa akta hasutan juga memainkan peranan membentuk konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia.

¹⁷⁶ Muhammad Kamil Awang, *op.cit.*, h. 113.

¹⁷⁷ *Ibid.*, h. 57.

vii. Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958

Satu lagi akta yang membentuk konsep ketaatan rakyat Malaysia kepada pemerintah ialah Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958. Antara fungsi akta ini ialah, ia membenarkan menteri memberikan kuasa kepada pihak berkuasa telekomunikasi untuk menarik balik keseluruhan atau sebahagian daripada penggunaan mana-mana kemudahan telekomunikasi daripada mana-mana pihak. Begitu juga ia boleh digunakan bagi mana-mana kawasan yang diisytihar oleh menteri sebagai wujudnya bahaya kepada ketenteraman awam. Melalui akta ini, kebebasan berhimpun juga terhad kerana menteri boleh mengisytiharkan wujudnya bahaya kepada ketenteraman awam di mana-mana kawasan. Melalui perintah, Pegawai Polis Pemerintah Daerah boleh melarang sama sekali apa-apa perarakan, perjumpaan, atau perhimpunan seramai lima orang atau lebih di mana-mana tempat atau bangunan. Pihak berkuasa juga boleh meletakkan apa-apa sekatan yang difikirkannya patut¹⁷⁸. Selain itu, akta ketenteraman awam juga menetapkan bahawa seseorang itu dipertanggungjawabkan terhadap sesuatu jenayah dengan bersubahat atau didapati berada dalam kumpulan atau pihak tertentu yang melakukan atau cuba melakukan atau pernah melakukan sesuatu perbuatan yang ditegah oleh akta berkenaan¹⁷⁹.

Kebebasan berpersatuan juga dibataskan oleh Akta Ketenteraman Awam selain dari Akta Pertubuhan 1949, Akta Pencegahan Jenayah dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Akta Pertubuhan menghendaki bahawa mana-mana kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan seramai 10 orang atau lebih tanpa mengira sifat atau objektifnya didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan kecuali bagi yang dikecualikan¹⁸⁰.

¹⁷⁸ Ordinan Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958.

¹⁷⁹ Muhammad Kamil Awang, *op.cit.*, h. 112.

¹⁸⁰ *Ibid.*

viii. Kanun Keseksaan

Salah satu akta yang memainkan peranan penting di dalam pembentukan konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia ialah Kanun Keseksaan. Kanun Keseksaan ini menerangkan kesalahan-kesalahan serta hukuman-hukuman yang dikuatkuasakan di Malaysia sebagai peraturan yang perlu dipatuhi. Hukuman-hukuman yang diperuntukkan di dalam kanun keseksaan ini menjadi batas dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh rakyat Malaysia. Peraturan-peraturan ini secara tidak langsung merupakan elemen penting di dalam pembentukan konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia. Ini kerana ia menuntut ketaatan rakyat dengan menetapkan hukuman bagi setiap peraturan yang tidak dipatuhi oleh rakyat. Malah, terdapat seksyen di dalam enakmen ini menyatakan secara khusus mengenai kesalahan menentang pemimpin sebagaimana dapat dilihat dengan jelas di dalam seksyen 120 hingga 130 yang membincangkan “Darihal Kesalahan Terhadap Negara”. Contohnya, seksyen 121 menyatakan kesalahan, ‘mencetuskan atau membuat percubaan mencetuskan perang atau bersubahat dengan rancangan untuk mencetuskan perang menentang yang di-Pertuan Agong, Raja dan Yang Dipertua Negeri’¹⁸¹. Menurut seksyen ini, tertuduh tidak boleh ditangkap tanpa waran oleh pihak berkuasa menurut peruntukan undang-undang. Undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan ini tidak membolehkan tertuduh dijamin sementara menunggu perbicaraan. Jika sabit kesalahannya tertuduh akan dihukum mati atau dipenjara seumur hidup dan sekiranya hukuman mati tidak dikenakan, tertuduh juga akan didenda¹⁸².

¹⁸¹ Mohd. Fuzi Harun, Roseli Ahmad (1993), *Intisari Kanun Keseksaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 40.

¹⁸² *Ibid.*

ix. Kawalan Media

Bagi memperkukuhkan konsep ketaatan di Malaysia, terdapat pula undang-undang yang mengawal akhbar dan filem dalam negeri¹⁸³. Melalui undang-undang ini, kerajaan boleh melarang pengimportan apa-apa penerbitan yang dianggap bertentangan dengan kepentingan awam. Perintah larangan tersebut mungkin meliputi majalah berkala yang dikendalikan tanpa perlu memeriksa tulisan sebenar. Kerajaan juga boleh melarang semua penerbitan masa depan yang akan diterbitkan oleh gedung penerbitan agensi atau sumber lain yang tertentu¹⁸⁴. Kerajaan memiliki kuasa untuk memberikan permit dan lesen untuk mengendalikan akhbar, percetakan atau penerbitan surat khabar. Begitu juga, kerajaan mempunyai kuasa untuk menarik balik permit dan lesen tersebut. Undang-undang ini meliputi apa-apa penerbitan yang mempunyai kepentingan awam sama ada diterbitkan secara tetap atau berkala tanpa mengira formatnya¹⁸⁵. Kadang-kala kebebasan bersuara turut disekat seperti isi-isi ceramah yang mengkritik, membangkang serta memperlekehkan dasar kerajaan yang dibuat di masjid, surau atau di tempat-tempat awam¹⁸⁶.

3.4. Kesimpulan:

Sebagai sebuah negara yang berdaulat, Malaysia berdiri di atas sebuah organisasi yang terdiri daripada pemimpin dan rakyat. Pembentukan negara Malaysia ini sebenarnya tidak hanya dimulakan semenjak merdeka, tetapi asas-asasnya telah dibina semenjak zaman kesultanan Melayu lagi. Lantaran itu, konsep ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia hari ini sebenarnya mempunyai perkaitan dengan konsep ketaatan yang diamalkan di dalam masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Selain itu,

¹⁸³ Ordinan Filem Wayang Gambar 1952 seperti yang dipinda oleh Ordinan (Pindaan) Filem Wayang Gambar 1958; Ordinan Mesin Cetak 1948 seperti yang dipinda.

¹⁸⁴ Ordinan Kawalan Penerbitan Import 1958.

¹⁸⁵ Muhammad Kamil Awang, *op.cit.*, h. 110.

¹⁸⁶ SUARAM (1999), *Laporan Khas, Hak Sivil & Politik Malaysia 1995-1999*.

konsep ini terus dipengaruhi oleh banyak faktor dan antaranya yang utama ialah agama, adat, kehadiran pendatang asing dan penjajahan.

Dari sudut sejarah masyarakat Melayu, pemimpin dianggap sebagai pelindung dan simbol ketuanan. Tanggapan ini menjadikan masyarakat Melayu sangat taat dan setia kepada pemimpin. Penjajahan British pula memainkan peranan penting di dalam pembentukan sistem dan kerajaan di Tanah Melayu. Contohnya, Perlembagaan Persekutuan yang digubal pada tahun 1948 dijadikan sebagai dasar dan asas pembentukan atau pentadbiran kerajaan Malaysia. Sistem dan amalan pentadbiran di Malaysia hari secara tidak langsung juga adalah hasil penerusan warisan British sebelum merdeka.

Konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia hari ini dapat dilihat melalui peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan Malaysia, undang-undang dan akta-akta. Rukunegara dibentuk sebagai suatu bentuk ideologi ketaatan dan kesetiaan rakyat terhadap negara, agama dan bangsa. Akta-akta dan sekatan-sekatan secara tidak langsung membentuk konsep ketaatan rakyat terhadap pemerintah.

BAB IV

KONSEP KETAATAN RAKYAT MALAYSIA TERHADAP PEMIMPIN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

4.1. Pengenalan

Ketaatan merupakan aspek yang sangat penting di dalam pemerintahan sesebuah negara. Ini kerana, sesebuah negara memerlukan seorang pemimpin yang akan memimpin negara mencapai kemajuan dan kesejahteraan. Tanpa pemimpin, negara akan menjadi kucar-kacir, lemah dan tidak mempunyai kedaulatan. Sebagaimana pentingnya kepimpinan di dalam sesebuah pemerintahan, begitulah juga pentingnya ketaatan rakyat terhadap kepimpinan negara tersebut. Tanpa ketaatan dari rakyat, kepimpinan tidak memberi sebarang makna. Ringkasnya, kesatuan ummah merupakan asas yang teguh untuk membina kesejahteraan ummah, selain merupakan keselamatan dari kehancuran dan mengekalkan kedaulatannya¹⁸⁷. Kepimpinan adalah syarat utama di dalam mewujudkan kesatuan ummah manakala ketaatan merupakan tunjang utama kepada tertegaknya kepimpinan.

Allah telah menciptakan manusia di muka bumi ini sebagai khalifah yang bermaksud pengganti¹⁸⁸. Manusia dipertanggungjawabkan untuk memakmurkan dunia dengan syari'at atau peraturan Allah¹⁸⁹. Lantaran itu, Allah mengutuskan para rasul untuk membawa syari'at Islam kepada semua manusia. Firman Allah s.w.t:

يٰۤاٰدٰمُ اِنَّا جَعَلْنٰكَ خَلِيْفَةً فِى الْاَرْضِ فَاٰمُرُكَ بِالنَّاسِ
بِالْحَقِّ وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوٰى فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيْلِ اللّٰهِ ۗ اِنَّ الَّذِيْنَ

¹⁸⁷ Hind Hussain Asad, *op.cit.*, h. 57.

¹⁸⁸ Surah al-Baqarah 2: 30.

¹⁸⁹ Surah al-Jathiyah 45: 18.

يَضِلُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا يَوْمَ

الْحِسَابِ ﴿٣٨﴾

Maksudnya: “Hai Daud, Sesungguhnya kami menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka berilah keputusan (perkara) di antara manusia dengan adil dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan mendapat azab yang berat, Karena mereka melupakan hari perhitungan”.

Surah Sād (38): 26

Agama Islam sebagai *al-dīn* atau cara hidup yang ditetapkan oleh Allah untuk umat manusia diturunkan sebagai sebuah sistem yang lengkap, sesuai dengan fitrah dan menyeluruh sebagaimana firman Allah:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ

الْإِسْلَامَ دِينًا

Yang bermaksud: “Pada hari ini orang-orang kafir Telah putus asa untuk (mengalahkan) agamamu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. pada hari Ini Telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan Telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan Telah Ku-ridhai Islam itu jadi agama bagimu”.

Surah al-Māidah (5): 3.

Kesempurnaan syari’at Islam merangkumi seluruh kehidupan manusia termasuklah politik dan pemerintahan. Bahkan, politik dan pemerintahan berlandaskan syari’at Islam adalah sangat penting demi kesejahteraan dan kemajuan ummah. Ini kerana hukum dan undang-undang yang ditetapkan Allah adalah yang terbaik buat umat manusia sebagaimana firmanNya:

أَفْحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ ۚ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ

يُوقِنُونَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya: “Apakah hukum Jahiliyah yang mereka kehendaki, dan (hukum) siapakah yang lebih baik daripada (hukum) Allah bagi orang-orang yang yakin?”

Surah Al-Māidah (5): 50

Islam tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa sebuah pemerintahan Islam yang benar kerana hukum dan undang-undang Islam hanya dapat dilaksanakan oleh seorang pemerintah Islam yang beriman dan adil. Di dalam menyempurnakan politik Islam, pemimpin dan rakyat masing-masing mempunyai hak dan tanggungjawab. Hubungan di antara pemimpin dan rakyat adalah berdasarkan akad yang dipersetujui antara pemerintah dan umat semasa perlantikan iaitu akad perwakilan yang terikat dengan beberapa syarat. Di dalam akad ini, pemimpin bertanggungjawab melaksanakan kewajipan-kewajibannya sebagai ketua negara seperti mentadbir urusan dalaman dan luaran negara, memelihara kebajikan rakyat, melaksanakan hukum dan syari‘at Islam dan sebagainya. Pemimpin yang telah menunaikan tanggungjawab amanah dan hak rakyat mempunyai hak untuk ditaati oleh rakyat. Lantaran itu, rakyat bertanggungjawab untuk mentaati pemimpin di dalam perkara yang bukan maksiat dengan ciri-ciri dan syarat-syarat tertentu¹⁹⁰.

Demi menunaikan tanggungjawab kita sebagai seorang muslim, ketaatan terhadap pemimpin atau *ulu al-amr* juga perlulah berlandaskan konsep yang dibawa oleh Islam. Ini kerana Allah tidak menerima amalan yang selain dari amalan Islam yang menjadi syarat untuk memperolehi kejayaan di akhirat.

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ

الْخٰسِرِيْنَ ﴿٨٥﴾

Barangsiapa mencari agama selain agama islam, Maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu)daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.

Surah Āli ‘Imrān (3): 85

¹⁹⁰ Muhammad Abdul Qadir Abu Faris (2000), *Sistem Politik Islam*. Jakarta: Robbani Press, h. 63.

Ulama' telah menghuraikan konsep ketaatan ini di dalam tafsiran dan kajian mereka berdasarkan pelbagai situasi. Ini kerana Islam adalah agama yang praktikal, mudah dan tidak membebani manusia melainkan apa yang termampu oleh mereka.

Di dalam al-Quran Allah S.W.T berfirman:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ

Maksudnya: “Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. ia mendapat pahala (dari kebajikan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya.”

Surah al-Baqarah (2): 286

Hasil perbincangan sebelum ini menunjukkan bahawa untuk menilai konsep ketaatan terhadap pemimpin menurut Islam, terdapat beberapa elemen yang perlu diambil kira. Elemen-elemen tersebut ialah:

- i. Sifat-sifat pemimpin tersebut menurut Islam.
- ii. Jenis perintah dan larangan sama ada selari dengan Islam atau tidak.
- iii. Menimbang kesan dari pemberian ketaatan tersebut dari sudut bahaya dan manfaat.
- iv. Kaedah Fiqh al-Aulawiyyāt untuk membuat pertimbangan antara manfaat dan bahaya.
- v. Memberi keutamaan terhadap perkara yang lebih banyak memberi manfaat dan kurang mendatangkan bahaya.

Disebabkan sifat-sifat dan kategori pemimpin mempengaruhi konsep ketaatan terhadap pemimpin menurut Islam, maka di dalam bab ini terlebih dahulu dibincangkan mengenai Malaysia dari perspektif Islam sebelum membahaskan dengan lebih terperinci tentang konsep ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia dari beberapa aspek.

4.2. Kedudukan Malaysia Pada Pandangan Islam

Ketaatan rakyat terhadap pemimpin bergantung kepada jenis pemimpin dan kepimpinannya. Syaikh Dr. °Umar °Abd al-Raḥmān di dalam bukunya yang berjudul *Aṣnāf al-Ḥukkām Wa Aḥkāmuhum* telah menjelaskan tentang kepelbagaian jenis pemerintah dan hukum mentaatinya. Secara umumnya, pemerintah yang disepakati ulama' sebagai wajib ditaati sepenuhnya adalah pemerintah muslim yang adil dan melaksanakan segala hak serta tanggungjawabnya dengan sempurna. Begitu juga ulama' bersepakat bahawa tidak wajib mentaati pemerintah yang kafir. Bagi pemerintah-pemerintah yang lain, terdapat pelbagai pendapat ulama tentang hukum mentaatinya dan kedudukannya sebagai khalifah. Semua ini bergantung kepada perincian sifat-sifatnya pada pandangan Islam¹⁹¹. Ringkasnya, perbezaan keadaan sesebuah negara dan pemerintahannya turut mempengaruhi konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpinnya¹⁹².

4.2.1. Sistem Demokrasi Dan Pemerintahan

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini¹⁹³. Demokrasi berparlimen membezakan antara ketua negara dan ketua kerajaan di mana ketua negara adalah raja manakala kerajaan pula diketuai oleh Perdana Menteri¹⁹⁴. Di dalam sistem demokrasi berparlimen, kabinet secara tidak langsung menganggotai Dewan Parlimen sebagai Badan Perundangan. Sistem ini agak berbeza dengan sistem demokrasi yang digunakan di Amerika Syarikat kerana di Malaysia, badan perundangan memberi kuasa kepada badan pemerintah untuk membuat

¹⁹¹ °Umar °Abd al-Raḥmān, *op.cit.*

¹⁹² °Āṣim Aḥmad °Ajīlah, *op.cit.* h. 161. Lihat juga Dr. °Umar °Abd al-Raḥmān, *op.cit.*, h. 31.

¹⁹³ Sila rujuk bab 3 pada pecahan 3.3.1.

¹⁹⁴ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2001), *Demokrasi dan Kepimpinan Islam: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 5.

undang-undang melalui sistem yang disebut juga sebagai undang-undang perwakilan¹⁹⁵. Mereka bertanggungjawab menentukan undang-undang, dasar dan halatuju negara serta melaksanakannya.

Walaupun sistem demokrasi bukan berasal dari Islam, namun terdapat persamaan antara nilai-nilai yang terkandung di dalam sistem demokrasi dengan nilai-nilai Islam. Ini kerana, intipati demokrasi sebenarnya ialah manusia memilih pemerintah yang mentadbir urusan mereka¹⁹⁶ dan ini sebenarnya adalah sebahagian dari nilai-nilai Islam¹⁹⁷. Selain itu, asas-asas penting di dalam pembentukan sistem demokrasi iaitu persamaan, kebebasan dan pemerintahan rakyat¹⁹⁸ adalah sebahagian dari nilai-nilai Islam. Tetapi, Islam meletakkan kaedah tersendiri di dalam menerapkan nilai-nilai tersebut. Demokrasi barat, sesuai dengan statusnya sebagai sistem ciptaan manusia, dapat dilihat banyak kelemahan padanya. Antaranya ialah¹⁹⁹:

1. Sebahagian daripada asas demokrasi yang penting tidak diamalkan seperti kebebasan bercakap, kebebasan berhimpun, kebebasan akhbar, dan kebebasan mengeluarkan pendapat. Demokrasi hanya kelihatan dengan wujudnya sistem pilihan raya.
2. Berlakunya perebutan kuasa antara parti yang terdapat di dalam negara. Bahkan perebutan kuasa turut berlaku di dalam sesebuah parti. Sistem ini menyebabkan lahirnya manusia yang gila kuasa, pangkat, jawatan dan pengaruh.
3. Menggalakkan berlakunya rasuah dan politik wang.
4. Berlaku banyak maksiat, jenayah atau gejala sosial di dalam masyarakat kerana mengamalkan undang-undang ciptaan manusia yang memiliki banyak kelemahan.

¹⁹⁵ *Ibid.*, h. 12.

¹⁹⁶ Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini, op.cit.*, jld. 7&8, h. 556.

¹⁹⁷ *Ibid.*, h. 557.

¹⁹⁸ Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, *op.cit.*, h. 13.

¹⁹⁹ *Ibid.*, h. 17.

5. Berlakunya perlantikan pemimpin bukan dari kalangan orang yang layak, kerana diangkat berdasarkan pengaruh yang kuat di dalam pilihan raya.
6. Mengamalkan sistem majoriti sebagai asas kebenaran.

Islam berbeza dengan demokrasi yang diamalkan oleh barat. Antaranya, Islam memiliki konsep dosa dan pahala di mana selain seseorang manusia bertanggungjawab untuk mematuhi undang-undang, mereka juga dalam masa yang sama berusaha melaksanakan tanggungjawab agama iaitu taat kepada Allah. Ini kerana ketaatan kepada pemimpin sebenarnya adalah untuk mentaati Allah yang memerintahkan untuk taat kepada pemimpin²⁰⁰ di dalam perkara-perkara yang bukan maksiat²⁰¹. Oleh kerana itu, Islam dapat menghindarkan berlakunya gejala sosial kerana adanya undang-undang yang berasaskan hukum Allah yang mengawal manusia selain kawalan dalaman seseorang muslim dari sudut keimanan dan ketaqwaan. Ini kerana, Islam sentiasa memelihara fitrah manusia yang bersih dan sangat menekankan pelaksanaan tanggungjawab diri serta wujudnya konsep *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar*. Pengamalan undang-undang Islam juga bersifat keagamaan di mana kesan darinya ia bukan sahaja dipatuhi kerana mentaati pemerintah, tetapi juga kerana mentaati agama. Ini menyebabkan ketaatan kepada undang-undang berlaku secara ikhlas²⁰².

Berkenaan dengan persamaan taraf manusia, Islam mengajar umatnya bahawa semua manusia adalah sama tidak kira jantina, keturunan atau bangsa. Yang membezakan taraf manusia hanyalah dari sudut ketaqwaan atau kepatuhannya kepada Allah. Islam mengajar bahawa nilai kemuliaan seseorang manusia bergantung kepada kemuliaannya di sisi Allah. Firman Allah di dalam Al-Quran:

²⁰⁰ Surah al-Nisā' 4: 59.

²⁰¹ Muḥammad Salām Madkūr (1965), *Al-Ḥukmu al-Takhyīrī au Naẓriyyatu al-Ibāḥati 'inda al-Uṣūliyyīn Wa al-Fuqahā'*, h. 328.

²⁰² Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1997), *op.cit.*, h. 29.

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ

خَبِيرٌ ﴿٤٩﴾

Maksudnya: “*Hai manusia, Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.*”

Surah al-Hujurat (49): 13

Ini kerana matlamat kehidupan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini adalah untuk beribadah kepadaNya dan memperolehi keredhaanNya.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Maksudnya: “*Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan kepada-Ku.*”

Surah al-Dhāriyāt (51): 56

Pemerintahan rakyat pula di dalam Islam dapat dilihat melalui perintah Allah supaya mengamalkan amalan *musyawarah* atau *syura* di dalam sebarang urusan. Syura memainkan peranan penting di dalam menentukan ketua negara Islam. Walaupun tidak ada nas yang jelas mengenai cara perlantikan khalifah, namun contoh-contoh yang ditunjukkan oleh para sahabat di dalam melantik pemimpin setelah kewafatan Rasulullah s.a.w mampu memberikan gambaran kepada kita tentang kaedah yang dikehendaki oleh Islam²⁰³. Contohnya, adalah perlantikan Saiyidina Abu Bakar sebagai khalifah Islam pertama. Setelah Rasulullah s.a.w wafat, orang-orang Islam telah berkumpul di Thaqifah Bani Saidah. Setelah itu, setiap puak atau kabilah memberikan pendapat masing-masing tentang khalifah yang terdiri dari kalangan Muhajirin dan

²⁰³ Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, *op.cit.*, h. 77.

Ansar. Akhirnya mereka bersetuju melantik Saidina Abu Bakar²⁰⁴. Allah berfirman di dalam al-Quran:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣٨﴾

Dan (bagi) orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan shalat, sedang urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarat antara mereka; dan mereka menafkahkan sebagian dari rezki yang kami berikan kepada mereka.

Surah Al-Syura (42): 38

Amalan syura dapat dilihat dengan jelas di dalam sejarah di mana Rasulullah dan para sahabat sering berbincang di dalam membuat keputusan. Begitu juga yang berlaku semasa zaman Khulafa' al-Rasyidin. Namun begitu, amalan syura di dalam Islam mempunyai syarat tertentu. Antaranya syura dilakukan di dalam menetapkan urusan yang tidak terdapat ketetapan nas di dalam al-Quran ataupun al-Hadith. Ketetapan syura tidak boleh menyalahi al-Quran dan al-Hadith serta hukum yang telah jelas ditetapkan oleh Islam. Ahli syura yang membuat keputusan adalah dari kalangan ulama' dan mereka yang pakar di dalam bidang yang diperbincangkan²⁰⁵.

Kewujudan Badan Eksekutif, Badan Perundangan dan Badan Kehakiman di Malaysia sememangnya bersesuaian dengan kehendak Islam. Ketika zaman Rasulullah s.a.w, ketiga-tiga badan ini dipegang oleh baginda²⁰⁶. Baginda mentadbir negara Islam Madinah dengan penuh keadilan berlandaskan wahyu. Lantaran itu, pentadbiran ketiga-tiga badan ini perlulah juga berasaskan wahyu iaitu syari'at. Sebarang perkara yang menyalahi syari'at adalah terbatal. Syura dan ijtihad hanya dilaksanakan di dalam

²⁰⁴ Dr. Abu al-Maati Abu al-Futuh (1990), *Islam, Politik dan Pemerintahan*. Mohd Akhir Ya'acub (terj.). Selangor: Penerbitan Hizbi, h. 169.

²⁰⁵ Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, *op.cit.*, h. 77. Lihat juga Abdul Monir Yaacob, Suzalie Mohamad, *op.cit.*, h. 150.

²⁰⁶ Abdul Monir Yaacob, Suzalie Mohamad (eds.), *op.cit.*, h. 20.

urusan yang tidak terdapat wahyu mengenainya²⁰⁷. Contohnya di dalam perundangan, hukum Allah yang jelas dinyatakan di dalam al-Quran perlu ditegakkan terlebih dahulu seperti *hudūd* dan *qiṣās*, manakala undang-undang lain hanya boleh dibentuk sekiranya tidak dinyatakan oleh syari'at dan ia dinamakan sebagai *ta'zīr*. Hukuman *ta'zīr* yang dibentuk oleh pemerintah ini tidak boleh menyalahi syari'at. Oleh itu, mereka yang bertanggungjawab menggubal undang-undang Islam di dalam negara serta melaksanakannya perlulah dari kalangan umat Islam yang ahli dan bertaqwa. Begitu juga dengan Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman. Melantik mereka yang bukan ahli seperti golongan yang fasiq memegang jawatan penting seperti ini akan menyebabkan kerosakan dan kehancuran kepada negara.

Dr. Yūsuf al-Qaradhawi di dalam fatwanya²⁰⁸ jelas menyatakan bahawa demokrasi adalah selari dengan ajaran Islam jika dilihat dari sudut konsep dan teorinya. Melalui sistem ini menurut beliau, manusia telah menemui suatu cara yang praktikal seperti pilihan raya, pungutan suara, hak memerintah untuk golongan majoriti, berbilang parti politik, hak golongan minoriti untuk membangkang, kebebasan media massa, pengasingan sistem kehakiman dan sebagainya²⁰⁹. Cuma beliau turut mencadangkan beberapa perkara yang sepatutnya dimuatkan di dalam perlembagaan berasaskan demokrasi iaitu antaranya adalah menetapkan agama negara adalah agama Islam manakala perundangan Islam menjadi sumber undang-undang negara. Beliau juga mencadangkan peruntukan bahawa setiap peraturan yang bercanggah dengan syarak adalah batil²¹⁰. Ini bertujuan untuk memastikan amalan demokrasi tersebut lebih bertepatan dengan kehendak Islam. Imam Hassan al-Banna juga turut mengiktiraf

²⁰⁷ *Ibid.*, h. 21.

²⁰⁸ Sila rujuk Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini*, *op.cit.*, j. 8, h. 554-584.

²⁰⁹ *Ibid.*, h. 557.

²¹⁰ *Ibid.*, h. 575.

perlaksanaan sistem pilihan raya sebagai satu langkah untuk meluaskan konsep syura di dalam skop yang lebih besar²¹¹.

Namun begitu, demokrasi dan pilihan raya yang dilaksanakan hari ini khususnya di Malaysia adalah kurang menepati kehendak Islam. Ini kerana, pertamanya, konsep kedaulatan menurut Islam bukanlah milik rakyat seperti yang diperjuangkan oleh demokrasi hari ini, tetapi adalah milik Allah²¹². Manusia hanyalah makhluk yang diciptakan oleh Allah untuk beribadah kepadaNya dan menjadikan seluruh kehidupan keranaNya²¹³. Allah juga menyatakan bahawa manusia diciptakan di dunia adalah sebagai khalifah²¹⁴, iaitu pengganti yang bertanggungjawab menguruskan bumi Allah ini dengan syari'atNya yang disampaikan melalui para rasul²¹⁵. Rasulullah s.a.w diutuskan kepada seluruh umat manusia dengan membawa syari'at yang sempurna dari segenap aspek termasuklah politik dan kenegaraan di mana Allah mewajibkan kita berhukum dengannya tanpa meninggalkan sebahagian darinya²¹⁶. Lantaran itu, pemimpin pada asasnya hanyalah seorang hamba Allah yang bertanggungjawab melaksanakan perintahNya dan meninggalkan laranganNya di dalam kepimpinannya. Ini ditunaikan dengan melaksanakan keadilan, undang-undang Allah serta memerintah dengan adil²¹⁷ berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Rakyat juga mempunyai tanggungjawab yang sama di dalam menegakkan kedaulatan Allah di dalam negara dengan mentaati dan membantu pemimpin di dalam perkara yang baik²¹⁸ serta meninggalkan ketaatan di dalam perkara maksiat selain memberi nasihat iaitu *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar*²¹⁹ dengan cara yang bijaksana²²⁰.

²¹¹ Muhammad Abdul Qadir Abu Faris, *op.cit.*, h. 82.

²¹² Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, *op.cit.*, h. 16.

²¹³ Surah al-An'ām 6: 162.

²¹⁴ Surah al-Baqārah 2: 30, Surah Şād 38: 26.

²¹⁵ Terdapat banyak tafsiran ulama' mengenai perkataan khalifah di dalam ayat 30 surah al-Baqarah ini. Antaranya khalifah bermaksud sesuatu kaum yang menggantikan kaum yang lain di dalam memerintah dengan keadilan dan ketaatan kepada Allah. Lihat Ismā'īl bin Kathīr, *op.cit.*, j. 1, h. 86.

²¹⁶ Surah al-Baqārah 2: 208.

²¹⁷ Surah al-Nisā' 4: 58.

²¹⁸ Surah al-Mā'idah 5: 2.

²¹⁹ Surah 'Āli-'Imrān 3: 104.

Selain itu, Islam juga melarang umatnya melantik atau mencadangkan diri sendiri sebagai pemimpin, bahkan melarang untuk melantik orang yang mencadangkan diri sendiri sebagai pemimpin²²¹. Di dalam sebuah hadith, Rasulullah diriwayatkan menyebut²²²:

"إنا والله لا نولي على هذا العمل أحدا سألته، ولا أحدا حرص عليه"

Maksudnya: "Sesungguhnya kami tidak melantik untuk pekerjaan ini seseorang yang memintanya, dan tidak juga sesorang yang berusaha untuknya."

Ini dapat mengelakkan perebutan kuasa daripada berlaku. Sebaliknya, amalan demokrasi di Malaysia hari ini membenarkan seseorang melantik diri sendiri sebagai calon untuk menjadi pemimpin di mana sesiapa juga yang telah cukup syarat-syarat yang ditentukan boleh bertanding setelah membayar sejumlah wang tertentu. Selain itu, Islam juga menekankan ciri-ciri pemimpin yang harus dilantik contohnya Islam melarang melantik pemimpin dari kalangan orang yang munafiq, zalim dan kafir²²³, sedangkan sifat-sifat ini tidak disyaratkan di dalam pilihan raya kerana pemilihan calon adalah lebih berdasarkan pengaruh individu dan sokongan yang diterimanya dari orang ramai.

Mengikut Dr. Yusof al-Qaradhawi, pemilihan pemimpin mengikut konsep demokrasi perlulah memenuhi beberapa syarat tertentu bagi memastikannya bersesuaian dengan syari'at. Antaranya parti politik yang boleh diwujudkan dan ingin bertanding perlulah²²⁴:

- 1) Meletakkan Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah sebagai dasar dengan tidak memusuhinya atau mengingkarinya.

²²⁰ Surah al-Nahl 16: 125.

²²¹ Fu'ād 'Abd al-Mun'im Aḥmad, *Shaikh al-Islām Ibn Taimiyyah wa al-Wilāyah al-Siyāsiyyah al-Kubra fi al-Islām*. Riyādh: Dār al-Waṭan, h. 113. Lihat juga Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus, *op.cit.*, h. 76. Lihat juga maksud Surah al-Najm 53: 32.

²²² Al-Imām Maḥyuddin al-Nawāwi, *op.cit.*, h. 163, hadith 1733.

²²³ Sila rujuk bab 2 pecahan 2.4.2.

²²⁴ Yusof al-Qaradhawi (1995), *op.cit.*, j. 8, h. 588.

- 2) Tidak bekerja untuk pihak yang memusuhi Islam.

Namun begitu, jika dilihat di dalam sistem perlantikan pemimpin di Malaysia melalui pilihan raya hari ini adalah tidak menepati dengan apa yang digariskan oleh Dr. Yūsuf al-Qaradhawi tersebut. Antaranya, parti yang bertanding tidak disyaratkan untuk meletakkan Islam sebagai dasar. Selain itu, pelaksanaan sistem demokrasi dan pilihan raya yang kurang telus seperti politik wang serta penggunaan media dan jentera kerajaan²²⁵, adalah sesuatu yang menghalang keadilan dan perlantikan pemimpin yang benar-benar layak menurut kehendak Islam.

4.2.2. Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia

Sebagai sebuah negara yang telah dijajah selama beberapa abad oleh penjajah barat, dan sebagai sebuah negara *common law*²²⁶, Malaysia banyak dipengaruhi oleh fahaman sekularisme²²⁷ yang memisahkan antara pemerintahan dan agama serta fahaman nasionalisme sebagaimana kebanyakan negara moden hari ini²²⁸. Ini jelas dinyatakan di dalam Kertas Putih ketika usaha untuk membentuk Perlembagaan Persekutuan bahawa peruntukan mengenai Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan tidak menjejaskan sifat sekular persekutuan²²⁹. Ini juga dapat dilihat di dalam isi kandungan Perlembagaan Malaysia apabila Agama Islam hanya memiliki peranan yang kecil dalam perlembagaan. Peruntukan bahawa “Agama Islam adalah agama bagi

²²⁵ Ghazali Mayudin (2006), “Demokrasi dan Pilihan raya di Malaysia”, dalam Ghazali Mayudin et al. (eds.), *Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 55.

²²⁶ Merujuk kepada negara-negara yang sistem dan undang-undangnya dibentuk dan ditadbirkan mengikut cara England.

²²⁷ Suatu fahaman yang mahu memiliki kebebasan mutlak dalam merencana, menyusun dan melaksanakan dasar-dasar hidup manusia yang bebas dari sebarang pengaruh agama. Lihat Ustaz Abdul Basir Alias (2002), *Ancaman Nasionalis Sekular Ekstrim di Malaysia*. As-Syabab Media: Selangor, h. 15.

²²⁸ *Ibid.*

²²⁹ Abdul Aziz Bari (2005), *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Selangor: Intel Multimedia and Publication, h. 9.

persekutuan”²³⁰ tidak bermaksud untuk menyatakan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, tetapi hanyalah penerimaan Agama Islam sebagai agama rasmi dalam bentuk sebuah negara yang sekular²³¹. Ia hanya membolehkan upacara-upacara rasmi diadakan mengikut adat-istiadat Islam sebagaimana yang dihuraikan oleh Tun Mohamed Suffian Hashim, bekas ketua hakim negara²³². Lantaran itu, ia tidak melibatkan pemakaian undang-undang Islam di peringkat persekutuan²³³. Ini menyebabkan bidang kuasa undang-undang Islam di Malaysia sangat terhad²³⁴. Bahkan, bagi mengukuhkan perlembagaan yang digubal tersebut, ia secara jelas memperuntukkan bahawa perlembagaan ini adalah undang-undang yang tertinggi mengatasi undang-undang lain²³⁵, manakala segala undang-undang, dasar dan pentadbiran yang baru digubal perlulah berlandaskan atau tidak menyalahi perlembagaan ini.

Namun begitu, sifat sekularisme yang terkandung di dalam perlembagaan Malaysia ini tidak juga bermaksud bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular, terutama di dalam pengertiannya yang sebenar. Ini kerana negara sekular dalam pengertiannya yang sebenar ialah sebuah negara yang tidak memberikan tempat dan pengiktirafan langsung kepada agama di dalam pemerintahan²³⁶ sebagaimana negara Amerika Syarikat. Para pemimpin di Malaysia juga tidak pernah mengumumkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara sekular sebagaimana yang dilakukan oleh kerajaan India²³⁷. Bahkan, parti UMNO sebagai komponen utama di dalam kerajaan yang memerintah semenjak merdeka sering melaung-laungkan bahawa mereka berjuang untuk memartabatkan bangsa Melayu dan Agama Islam serta melaksanakan Islam

²³⁰ Perlembagaan Malaysia: Perkara 3(1).

²³¹ Mahmood Zuhi Abd. Majid (1997), *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 100.

²³² *Ibid.*, h. 101.

²³³ *Ibid.*

²³⁴ *Ibid.*, h. 112.

²³⁵ Perlembagaan Malaysia, Perkara 4(1).

²³⁶ Abdul Aziz Bari (2001), *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 250.

²³⁷ *Ibid.*

dengan sebenar-benarnya²³⁸. Walaupun perlaksanaannya mungkin sedikit berbeza, namun sekurang-kurangnya Islam memiliki kedudukan yang lebih istimewa²³⁹ berbanding dengan agama-agama lain di dalam perlembagaan dan pemerintahan. Ini menafikan bahawa negara ini adalah sebuah negara sekular walaupun terdapat sifat sekular di dalam perlembagaan.

Sesetengah orang melihat bahawa jalan penyelesaian untuk pelaksanaan Islam di Malaysia adalah dengan menukar sistem yang ada. Namun ini sebenarnya agak sukar kerana selain melihat kepada komposisi kaum dan agama yang ada di Malaysia, umat Islam juga tidak semua memahami dan bersedia untuk melaksanakannya. Sebenarnya terdapat satu lagi pilihan di dalam merealisasikan pelaksanaan Islam di Malaysia, iaitu dengan menggunakan kerangka sistem yang ada dan memanfaatkannya dengan cara yang bijaksana dan berkesan²⁴⁰. Bahkan, kemungkinan ini adalah lebih baik dan lebih berkesan iaitu dengan cara menerima Perlembagaan Malaysia secara positif, melaksanakannya dan menegakkan sistem Islam di dalamnya²⁴¹.

Secara zahirnya, terdapat beberapa peruntukan di dalam Perlembagaan Malaysia yang memberikan hak dan keistimewaan kepada Agama Islam. Antaranya adalah peruntukan di dalam Perkara 3(1) yang mengisytiharkan Islam sebagai agama rasmi persekutuan, Perkara 11 yang menyatakan hak kebebasan beragama, Perkara 12(2) yang membenarkan penggunaan wang-wang awam untuk tujuan-tujuan Islam, Perkara 150(6A) yang mengecualikan undang-undang Islam daripada undang-undang darurat dan Perkara 121(1A) yang menyatakan kedudukan Mahkamah Syariah di dalam sistem perundangan. Peruntukan-peruntukan ini sebenarnya memberi ruang kepada pemerintah

²³⁸ Ghazi Ramli dan Aidit Ghazali (2001), *Pemimpin Politik Berwibawa Pada Alaf Baru: Cabaran dan Panduan*, Kuala Lumpur: Akademi Iqra', h. 277-292.

²³⁹ Ahmad bin Mohamed Ibrahim (1999), "Prinsip-Prinsip Perlembagaan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia", dalam Abdul Monir Yaacob (eds.), *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*, *op.cit.*, h. 165.

²⁴⁰ Abdul Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*, *op.cit.*, h. 78.

²⁴¹ Ahmad bin Mohamed Ibrahim (1999), "Prinsip-Prinsip Perlembagaan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia", dalam Abdul Monir Yaacob (eds.), *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*, *op.cit.*, h. 164.

untuk melaksanakan Islam secara lebih meluas²⁴². Ini kerana selain menggunakan peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam perlembagaan sebaik mungkin²⁴³, pindaan-pindaan juga boleh dilakukan dalam usaha perlaksanaan Islam ini²⁴⁴. Ini disebabkan perlembagaan Malaysia sebenarnya bukanlah terlalu *rigid*, tetapi bersifat fleksibel²⁴⁵. Bahkan, selain boleh dilakukan pindaan, perlembagaan juga boleh menerima banyak tafsiran sama ada berdasarkan niat pihak yang membuat perlembagaan ataupun berdasarkan konteks dan kandungan peruntukan tersebut²⁴⁶. Cuma peranan yang dimainkan oleh hakim-hakim di dalam banyak kes di mahkamah sebelum ini tidak banyak membantu dan memberi kelebihan kepada Islam²⁴⁷ walaupun kebanyakan hakim adalah dari kalangan umat Islam²⁴⁸. Begitu juga para pemimpin negara setakat ini tidak banyak membantu di dalam usaha memartabatkan Islam di dalam konteks perundangan dan perlembagaan sedangkan terdapat banyak ruang dan peluang yang membolehkan martabat Islam dipertingkatkan²⁴⁹.

Walaupun begitu, dengan wujudnya peruntukan-peruntukan tersebut di dalam perlembagaan yang memberikan hak dan keistimewaan kepada Agama Islam sebagai agama rasmi, kerajaan telah mewujudkan beberapa institusi Islam. Antaranya adalah majlis-majlis Agama dan dan jabatan-jabatan Agama Islam Negeri selain beberapa jawatan khusus seperti Mufti dan Hakim Syar'ī. Dalam sistem perundangan terdapat mahkamah khusus bagi umat Islam di dalam mengadili sebahagian kes-kes dengan

²⁴² Sila rujuk Abdul Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, op.cit.*, h. 12-16.

²⁴³ *Ibid.*, h. 82.

²⁴⁴ *Ibid.*, h. 24.

²⁴⁵ Perlembagaan yang *rigid* merujuk kepada perlembagaan yang hanya boleh diubah setelah peraturan dan syarat tertentu dipatuhi. Perlembagaan yang fleksibel pula merujuk kepada perlembagaan yang boleh diubah dengan mudah tanpa mematuhi peraturan dan syarat-syarat tertentu. Lihat Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah, op.cit.*, h. 5. Lihat juga Abdul Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, op.cit.*, h. 88.

²⁴⁶ Abdul Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, op.cit.*, h. 17.

²⁴⁷ *Ibid.*, h. 132.

²⁴⁸ *Ibid.*, h. 88.

²⁴⁹ *Ibid.*, h. 141-144.

berlandaskan syari'at Islam iaitu Mahkamah Syari'ah²⁵⁰. Bidang kuasa jenayah Mahkamah Syari'ah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan.²⁵¹ Bidang kuasa ini dibuat semenjak tahun lima puluhan iaitu ketika Mahkamah Syari'ah telah ditubuhkan. Walaubagaimanapun penggunaan Mahkamah Syari'ah hanya terbatas bagi orang Islam sahaja dengan bidang kuasa yang sempit dan ia tidak mempunyai apa-apa kesan terhadap orang bukan Islam. Contohnya kes *hadānah* atau penjagaan anak yang telah melibatkan salah seorang ibu atau bapa yang bukan Islam di mana ia tidak boleh dibicarakan dalam Mahkamah Syari'ah. Sehingga kini beberapa perubahan telah berlaku dari masa ke semasa serta penyesuaian dibuat mengikut kehendak perlembagaan. Sekiranya terdapat yang bertentangan dengan perlembagaan, maka ia akan terbatal setakat mana berlakunya pertentangan tersebut²⁵².

Selain itu, raja-raja dibenarkan bertindak mengikut budi bicara sendiri dalam menjalankan kuasa serta peranan sebagai ketua agama. Jika dilihat dari sudut hubungan Raja dengan kerajaan yang memerintah pula, dalam beberapa peruntukan, akta parlimen dan enakmen negeri, sultan dikehendaki menjalankan tugas mengikut nasihat Menteri atau Menteri Besar²⁵³.

Ringkasnya, walaupun Malaysia tidak meletakkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai perlembagaan tertinggi, sebenarnya syari'at Islam masih boleh dimartabatkan menggunakan sistem yang ada pada hari ini dengan melakukan sedikit pengubahsuaian di dalam Perlembagaan Malaysia yang menjadi undang-undang tertinggi negara. Mahkamah Syari'ah pula perlu dimartabatkan mengatasi Mahkamah Sivil yang ketika ini memiliki bidang kuasa yang jauh lebih besar. Inilah peranan yang harus dimainkan

²⁵⁰ Abdul Hamid Hj. Mohamad (2005), "Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia: Kesannya Kepada Pembangunan Negara", dalam *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 200.

²⁵¹ Tun Muhamad Suffian bin Hashim (1976), *An Introduction of Malaysia*. Kuala Lumpur: Government Printer, h. 57.

²⁵² Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997, h. 173.

²⁵³ *Ibid.*, h. 59.

oleh para pemimpin Malaysia pada hari ini khususnya dalam usaha melaksanakan tanggungjawab terhadap agama dan umat Islam serta mendapatkan hak untuk ditaati oleh rakyat.

4.2.3. Konsep Islam Hadhari

Salah satu usaha yang dilakukan di Malaysia bagi memartabatkan Islam adalah dengan pelaksanaan gagasan Islam Hadhari. Gagasan ini sedikit sebanyak mencorakkan imej Malaysia khususnya pada kaca mata dunia Islam. Konsep Islam Hadhari merupakan perancangan kerajaan di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang ke-5.

Islam Hadhari mengikut teorinya adalah memberi penekanan kepada Islam sebagai satu cara hidup yang menjunjung tinggi peradaban Islam. Islam Hadhari bertujuan bagi menjana sebuah pembangunan spritual dan meterial yang seimbang. Ianya bersumberkan kepada Al-Quran dan Hadith mengikut fahaman Ahli Sunnah Wal-Jama'ah yang berasaskan tauhid dengan berteraskan rukun iman, rukun Islam dan ihsan²⁵⁴.

Selain dari itu juga, Konsep Islam Hadhari menekankan kepada prinsip-prinsip kemasyarakatan seperti bertolak ansur, musyawarah, menegakkan keadilan dan kesederhanaan. Menegakkan keadilan sejagat merupakan asas dalam hubungan kemasyarakatan dan ia merupakan tanggungjawab pemerintah dan pemerintah wajib melindungi rakyatnya²⁵⁵. Kesederhanaan dalam Islam Hadhari merangkumi kesederhanaan dalam perkara aqidah, dalam amalan ibadah, dalam pergaulan seharian dan dalam penentuan halal haram. Apa yang dapat difahami adalah prinsip-prinsip

²⁵⁴ Dr. Hj Syarifuddin Muhammad, *Manhaj Islam Hadhari*. Desa Pandan: Pusat Kajian 7 Pembangunan Manhaj Islam Hadhari, h. 62.

²⁵⁵ *Ibid.*, h. 110.

masyarakat Islam hadhari ini bertujuan menjamin keharmonian masyarakat yang terdiri dari berbilang kaum dan kemaslahatan bagi seluruh umat manusia²⁵⁶.

Islam hadhari juga mempunyai beberapa pendekatan dalam memahami al-Quran serta menitikberatkan aspek sosiologi dan kontekstual dalam memahami nas secara universal dengan merujuk kepada Al-Quran dan hadith sebagai pegangan.²⁵⁷ Pendekatan lain yang digunakan adalah berkonsepkan kepada Maqāsid al-Syari‘ah yang dibina di atas teori ‘*illat* dan *maṣlahah*²⁵⁸.

Dari segi politik, Islam Hadhari yang telah dilhamkan oleh Perdana Menteri menganggap bahawa agama yang bersumber dari wahyu harus dijauhkan dari politik. Ini adalah bertujuan agar agama tidak dijadikan alat dalam politik. Hadirnya Islam Hadhari adalah untuk memberikan pemahaman agar masyarakat dapat mengamalkan ajaran dan nilai Islam secara beradab²⁵⁹. Tetapi, Islam Hadhari sangat mementingkan kepatuhan pada undang-undang Islam. Ini adalah kerana ia dapat mendidik jiwa manusia berbanding dengan undang-undang ciptaan manusia yang dikatakan tidak mampu mengurangkan kes-kes jenayah, bahkan kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja yang amat besar untuk menanggung para penjenayah²⁶⁰.

Pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam Hadhari merangkumi tiga perkara iaitu, tauhid, keseimbangan dan tanggungjawab. Pembangunan yang berteraskan Islam tidak akan terpisah daripada kehidupan manusia. Keseimbangan yang dimaksudkan adalah merangkumi aspek kewangan dan pengagihan kekayaan di kalangan masyarakat. Kerajaan mempunyai jentera dalam membangunkan perekonomian umat seperti institusi zakat dan wakaf²⁶¹. Penekanan turut diberikan kepada perlaksanaan ekonomi Islam yang bertujuan menghindar terjadinya penipuan

²⁵⁶ *Ibid.*, h. 121.

²⁵⁷ *Ibid.*, h. 126.

²⁵⁸ *Ibid.*, h. 134.

²⁵⁹ *Ibid.*, h. 251.

²⁶⁰ *Ibid.*, h. 281.

²⁶¹ *Ibid.*, h. 338.

dan spekulatif . Konsep ekonomi Islam juga sebagai satu alternatif membentaras kemiskinan di samping memelihara kesejahteraan umat²⁶².

Secara umumnya, konsep Islam Hadhari yang sedang diusahakan perlaksanaannya pada hari ini adalah sebuah konsep yang sangat bertepatan dengan kehendak Islam dan sangat bermakna di dalam memartabatkan Islam di Malaysia kerana ia bermatlamat untuk melaksanakan Islam secara sempurna. Cuma, terdapat beberapa perkara yang jika diteliti sebenarnya kurang bertepatan dengan kehendak Islam sebenar. Istilah Islam Hadhari itu sendiri adalah tidak sesuai dengan pengertian Islam jika ditinjau dari perspektif bahasa Arab. Ini kerana, “Islam” yang merupakan suatu cara hidup yang lengkap dan bertamadun disandarkan kepada “*ḥaḍārī*” yang bermaksud ketamadunan sedangkan Islam adalah nama bagi cara hidup tersebut manakala “ketamadunan” dan kemajuan hanyalah pecahan sifat dari pelbagai sifat yang terkandung di dalam ajaran Islam. Sepatutnya suatu sifat itu yang disandarkan kepada yang disifatkan dan bukan sebaliknya. Sekiranya “Islam” disandarkan kepada “hadhari” sebenarnya akan terbentuk suatu makna yang berbeza dan berbahaya, di mana istilah “Islam Hadhari” akan membawa maksud suatu fahaman yang berbeza dari ajaran Islam yang diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Muhammad. Ini akan menyebabkan berlakunya salah faham terhadap Islam di kalangan orang-orang yang kurang memahami Islam. Dr. Yūsuf al-Qaradhawi sendiri apabila ditanya tentang istilah Islam Politik, beliau menolak istilah tersebut. Beliau menyatakan bahawa Islam tidak boleh disandarkan atau dinamakan mengikut sifat-sifat tertentu kerana ia akan membentuk agama yang berbeza dengan Islam yang *syumul*²⁶³.

Namun begitu, Dr. Sa‘id Ramadhan al-Bouty ketika diwawancara oleh wakil Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Majlis Belia Malaysia (MBM) apabila ditanya pendapat beliau mengenai Islam Hadhari telah menyatakan bahawa, apa sahaja

²⁶² *Ibid.*, h. 350.

²⁶³ Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini, op.cit.*, j. 8, h. 529-553.

perkataan yang disandarkan kepada Islam maka ianya boleh dianggap sebagai suatu kata tambahan atau sandaran (*idāfah*). Jika menggunakan kata sandaran ini sebagai satu cara untuk menggerakkan usaha dakwah Islam maka ianya tidak mengapa. Tetapi jika ia tidak memberikan apa-apa manfaat untuk usaha mempertingkatkan dakwah Islam, maka lebih baik istilah tersebut digugurkan sahaja²⁶⁴.

Selain itu, terdapat suatu kejanggalan pada konsep pelaksanaan Islam Hadhari apabila terdapatnya suatu konsep yang menuntut agar Islam dijauhkan daripada politik²⁶⁵ sedangkan dalam masa yang sama ia bermatlamat untuk melaksanakan Islam secara menyeluruh serta menuntut ketaatan terhadap undang-undang Islam. Ini kerana konsep sedemikian adalah konsep sekular dan bukan sebahagian dari konsep Islam. Menurut Islam, politik adalah sebahagian daripada Islam yang wajib dilaksanakan dalam usaha pelaksanaan Islam secara menyeluruh. Islam adalah tidak lengkap tanpa politik²⁶⁶. Bahkan di dalam sesuatu pandangan, gerak kerja atau kempen politik juga, Islam sebagai suatu cara hidup harus diutamakan dan diambil kira di dalam setiap urusan dan perencanaan.

Secara keseluruhannya, Islam Hadhari mempunyai skop yang amat luas meliputi akidah, akhlak, ekonomi, politik, ibadah, sosial dan hubungan kemasyarakatan selaras dengan kehendak Islam. Lahirnya Islam Hadhari adalah bertujuan menjamin kemajuan ummah dan menjadikan masyarakat yang bertamadun berteraskan Islam. Oleh kerana itu, ia adalah sebuah gagasan yang sangat baik di dalam usaha pelaksanaan Islam di Malaysia. Cuma pelaksanaannya haruslah dimantapkan manakala pembaikan harus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan konsep Islam Hadhari dan pengamalan Islam di Malaysia lebih bertepatan dengan kehendak Islam.

²⁶⁴ Angkatan Belia Islam Malaysia, http://www.abim.org.my/minda_madani/Minda_Madani_Online-Wawancara_bersama_Dr_Said_Ramadhan_Al_Bouty-Isu_Semasa-Artikel_Pilihan.htm, 23 Disember 2007.

²⁶⁵ Hj Syarifuddin Muhammad, *op.cit.*, h. 251.

²⁶⁶ *Ibid.*, h. 532.

4.3. Kedudukan Kepimpinan di Malaysia Pada Pandangan Islam

4.3.1. Perlantikan Pemimpin di Malaysia Menurut Islam

Selaku sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, pemerintahan di Malaysia dilaksanakan oleh kerajaan yang memerintah yang mana pada hakikatnya adalah merujuk kepada kabinet yang dilantik atau dilucutkan melalui pilihan raya²⁶⁷. Yang di-Pertuan Agong menurut Perlembagaan Malaysia merupakan pemimpin tertinggi. Walaupun secara rasminya, badan eksekutif yang memerintah Malaysia merangkumi Yang di-Pertuan Agong, namun beliau hanyalah sebagai lambang buat autoriti pemerintahan²⁶⁸. Perkhidmatan Awam, tentera dan polis pula, walaupun boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada badan eksekutif, tetapi mereka tidak dipilih melalui pilihan raya²⁶⁹ dan hanya melaksanakan kehendak Kabinet.

Oleh kerana itu, boleh dikatakan bahawa pemimpin atau *ulu al-amr* bagi negara Malaysia ialah Jemaah Menteri yang berada di Kabinet dan diketuai oleh Perdana Menteri. Mereka dilantik melalui sistem pilihan raya yang diadakan pada prinsipnya sekali dalam tempoh lima tahun. Disebabkan wujudnya pengasingan kuasa antara pemerintahan dan kehakiman, maka wujud juga *ulu al-amr* dalam bidang perundangan dan kehakiman. Di dalam sistem perundangan negara, Parlimen adalah badan perundangan tertinggi dalam Persekutuan di mana hak kedaulatan terletak pada Yang di-Pertuan Agong dan Parlimen. Parlimen terdiri dari Dewan Negara dan Dewan Rakyat²⁷⁰. Walaupun dari segi teorinya, kuasa perundangan diasingkan daripada kuasa eksekutif, namun secara amalnya pengasingan ini tidak berlaku²⁷¹. Dalam sistem politik *Westminister* kuasa eksekutif dan perundangan mempunyai hubungan di mana kerajaan

²⁶⁷ Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*, *op.cit.*, h. 35.

²⁶⁸ *Ibid.*

²⁶⁹ *Ibid.*, h. 36.

²⁷⁰ Muhammad Kamil Awang (2001), *op.cit.*, h. 228.

²⁷¹ Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*, *op.cit.*, h. 121.

dibentuk di Parlimen. Ini dapat dilihat di mana Perdana Menteri dan menteri-menteri adalah dari kalangan ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri²⁷². *Ulu al-amr* dalam bidang kehakiman pula adalah Ketua Hakim Negara di Mahkamah Agung dan hakim-hakim bagi Mahkamah Tinggi serta mahkamah-mahkamah bawahan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan termasuklah Mahkamah Syariah²⁷³. Namun begitu, kuasa mereka di dalam penghakiman telahpun diikat oleh perlembagaan, undang-undang dan akta-akta yang telah ditetapkan. Selain itu, perlantikan mereka dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri setelah berunding dengan Hakim Besar Mahkamah Agung dan Majlis Raja-Raja²⁷⁴. Oleh kerana itu, sebenarnya secara tidak langsung kepimpinan di Malaysia adalah Badan Eksekutif yang didominasi oleh Kabinet dan diketuai oleh Perdana Menteri.

Proses pilihan raya secara teorinya merupakan proses perlantikan pemimpin yang dilakukan secara adil dan telus di mana rakyat memilih pemimpin yang akan mewakili mereka mentadbir negara melalui proses undian. Di Malaysia, proses ini dilaksanakan oleh sebuah suruhanjaya bebas yang dinamakan sebagai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Ahli-ahli suruhanjaya ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong supaya suruhanjaya ini tidak dipertikaikan²⁷⁵. Calon boleh mewakili sesebuah parti atau secara berseorangan tanpa mewakili mana-mana parti. Oleh kerana itu, undang-undang membenarkan penubuhan parti-parti politik serta membuka peluang kepada mana-mana individu untuk bertanding semasa pilihan raya sebagai mewakili parti atau calon bebas²⁷⁶.

²⁷² *Ibid.*, h. 122.

²⁷³ Muhammad Kamil Awang (2001), *op.cit.*, h. 279.

²⁷⁴ *Ibid.*, h. 144.

²⁷⁵ Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*, *op.cit.*, h. 35.

²⁷⁶ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2001), *op.cit.*, h. 12.

Pilihan raya adalah suatu yang amat penting di dalam sistem demokrasi sebagai wadah untuk memilih pemimpin dan kerajaan yang memerintah²⁷⁷. Dr. Yūsuf al-Qaradhawi mengiktiraf demokrasi dan pilihan raya sebagai suatu sistem yang tidak bercanggah dengan Islam di dalam urusan perlantikan pemimpin. Pilihan raya menurut beliau ibarat persaksian saksi terhadap kelayakan calon. Oleh kerana itu, pengundi sepatutnya memenuhi syarat-syarat kelayakan yang perlu ada pada seorang saksi²⁷⁸. Namun begitu, ia perlu memenuhi syarat-syarat tertentu bagi memastikan ianya selari dengan kehendak Islam, bersifat adil dan berfungsi dengan berkesan. Antaranya sebagaimana yang dinyatakan oleh Profesor Dr. Abdul Aziz Bari, pilihan raya yang demokratik menuntut pelbagai aspek kebebasan asasi seperti bercakap, berhimpun dan bersatu²⁷⁹. Namun ini telah nyata dibataskan oleh akta-akta dan perlembagaan. Selain itu, menurut Tun Mohamed Salleh Abas yang merupakan bekas Ketua Hakim negara, pilihan raya yang bersih dan bebas hendaklah dijalankan oleh satu badan yang bebas dan dipercayai oleh rakyat. Undang-undang pilihan raya hendaklah berasaskan keadilan, manakala segala pertelingkahan mestilah diselesaikan segera oleh sebuah mahkamah keadilan yang khusus untuk kes-kes sedemikian²⁸⁰.

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan raya yang adil ialah suruhanjaya pilihan raya, kerajaan yang memerintah, agensi-agensinya, media massa, parti-parti politik, keprihatinan rakyat dan persempadanan kawasan pilihan raya²⁸¹. Namun, sebagai kerajaan yang memerintah dan memiliki kuasa, mereka sudah tentu tidak dapat mengetepikan kepentingan politik mereka seratus-peratus²⁸². Kita dapat melihat dengan jelas di dalam senario pilihan raya hari ini, media-media massa kerajaan digunakan dengan meluas untuk kepentingan parti pemerintah sama ada secara langsung

²⁷⁷ Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*, *op.cit.*, h. 213.

²⁷⁸ Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini*, *op.cit.*, j. 8, h. 570.

²⁷⁹ Abdul Aziz Bari, *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*, *op.cit.*, h. 213.

²⁸⁰ *Ibid.*, h. 214.

²⁸¹ *Ibid.*, h. 215-217.

²⁸² *Ibid.*, h. 215.

atau tidak sedangkan media massa pihak pembangkang sangat terbatas dan perlu mematuhi banyak peraturan. Dalam masa yang sama wujud pelbagai bentuk rasuah atau lebih dikenali sebagai politik wang. Semua ini sangat menjejaskan kredibiliti sistem pilihan raya di Malaysia untuk bertindak sebagai wahana kepercayaan rakyat terhadap pemimpin yang dilantik. Ini menyebabkan berlaku rasa tidak puas hati dan pemberontakan oleh rakyat sebagaimana yang berlaku di dalam Perhimpunan Aman Bersih pada 10 November, 2007. Di dalam perhimpunan tersebut, sebahagian rakyat telah berkumpul dan mengemukakan memorandum kepada Yang di-Pertuan Agong demi menuntut beberapa perubahan di dalam peraturan pilihan raya iaitu²⁸³:

1. Penyemakan semula daftar pemilih yang lengkap demi memastikan segala kesalahan dan ketimpangan yang sedia ada dapat dihapuskan;
2. Penggunaan dakwat kekal untuk menghalang pengundian berganda;
3. Pemansuhan sistem pengundian pos kecuali untuk para diplomat dan pengundi lain di luar negara;
4. Akses media yang adil kepada semua pihak dalam pilihan raya supaya semua pihak politik boleh jelaskan dasar mereka kepada rakyat Malaysia.

Perlembagaan tidak membataskan individu yang bertanding di dalam pilihan raya untuk menyertai kabinet sama ada dari sudut kaum atau jantina. Kabinet yang boleh dianggap sebagai *ulu al-amr* bagi rakyat Malaysia ini boleh terdiri dari kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain sama ada dari kalangan lelaki atau wanita menurut undang-undang Malaysia. Namun begitu, menurut syari'at Islam terdapat perincian yang lebih terperinci berkenaan dengan perlantikan pemimpin dari kalangan wanita dan bukan muslim.

²⁸³ Wikipedia, http://ms.wikipedia.org/wiki/Perhimpunan_Bersih_2007.htm, 23 Disember 2007.

Golongan bukan muslim yang menjadi rakyat di negara Islam dinamakan sebagai *ahl al-dhimmah*²⁸⁴. Sebenarnya, *ahl al-dhimmah* mendapat layanan yang istimewa di sisi Islam. Ini boleh dilihat daripada kandungan al-Quran dan al-Sunnah dan dibuktikan oleh sejarah baik di zaman Rasulullah ataupun zaman-zaman selepasnya. Islam telah memperuntukkan hak-hak tertentu kepada mereka di samping meletakkan tanggungjawab tertentu yang wajib mereka penuhi untuk membolehkan mereka mendapat hak tersebut. Di antara hak-hak tersebut ialah²⁸⁵ hak perlindungan diri, perlindungan harta benda, perlindungan maruah, perlindungan tempat tinggal, perlindungan ketika tua dan lemah, perlindungan ketika tiada harta, kebebasan beragama, kebebasan berpindah, kebebasan berkumpul, kebebasan mengeluarkan pendapat, hak bekerja dan mencari rezeki, hak pendidikan, hak dalam politik, hak terhadap kemudahan awam dan kehakiman negara dan hak-hak khusus lain yang menjadi keperluan dari masa ke semasa. Untuk itu, sebagai menzahirkan ketaatan mereka terhadap pemerintahan Islam dan di atas hak-hak yang mereka perolehi, mereka ditetapkan dengan beberapa tanggungjawab. Antaranya ialah membayar cukai jizyah, membayar cukai kharaj, membayar cukai perniagaan, mematuhi undang-undang negara, mempertahankan kedaulatan negara, memberikan kerjasama di dalam apa jua keperluan negara, memelihara perasaan orang-orang Islam, menghormati agama Islam dan lain-lain tanggungjawab yang boleh ditentukan dari masa ke semasa oleh pemerintah bergantung kepada keperluan dan masalah²⁸⁶.

Pada zaman Rasulullah s.a.w, disebabkan negara Islam Madinah masih baru, tidak banyak contoh yang menunjukkan baginda melibatkan *ahl al-dhimmah* di dalam pentadbiran negara melainkan kerjasama kaum musyrikin yang menjadi tawanan di dalam memberikan pendidikan, pengutusan ‘Uyainah al-Khuza‘i semasa peristiwa

²⁸⁴ Mat Saad Abdul Rahman (1999), “Kedudukan Bukan Islam Di Dalam Sejarah Pemerintahan Islam”, dalam Abdul Monir Yaacob, *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*, *op.cit.*, h. 84.

²⁸⁵ *Ibid.*, h. 86.

²⁸⁶ *Ibid.*, h. 87.

Hudaibiyah dan peminjaman perisai Safwan bin Umayyah semasa peperangan Hunain²⁸⁷. Pada zaman pemerintahan Saiyidina ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, banyak jabatan kerajaan telah diserahkan kepada orang-orang tempatan untuk menguruskannya berdasarkan bahasa masing-masing²⁸⁸. Banyak kadi-kadi bukan Islam juga dilantik untuk menguruskan urusan kontrak harta benda dan menyelesaikan persengketaan²⁸⁹. Begitu juga pada zaman-zaman pemerintahan Islam berikutnya, didapati golongan bukan Islam diberi peluang secara meluas untuk melibatkan diri di dalam pentadbiran negara.

Menurut al-Mawardi, menteri boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu menteri *tafwīḍ* yang bermaksud penyerahan, dan menteri *tanfīdh* yang bermaksud pelaksana. Menteri *tafwīḍ* adalah menteri yang dilantik oleh ketua negara untuk mentadbir sesuatu kawasan mengikut pendapat sendiri manakala menteri *tanfīdh* hanyalah menteri yang mentadbir mengikut arahan ketua negara. Al-Mawardi tidak mengharuskan melantik menteri *tafwīḍ* dari kalangan bukan Islam, tetapi mengharuskan melantik bukan Islam sebagai menteri *tanfīdh*. Di Malaysia hari ini, menteri sebagai mana menteri tafwid tidak wujud. Yang ada hanyalah menteri-menteri yang melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan di dalam mesyuarat kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri yang merupakan seorang muslim. Oleh kerana itu, perlantikan bukan muslim di dalam kepimpinan di Malaysia hari ini jika diukur berdasarkan pandangan al-Mawardi tersebut adalah diharuskan. Sebahagian ulama’ pula seperti Dr. Namar Khalil tidak mengharuskan ahli zimmah menjadi menteri walaupun menteri tanfidh. Namun begitu, ini semua hanyalah ijtihad mereka berdasarkan situasi zaman tersebut. Ustaz Mohd Rumaizuddin Ghazali, Exco Dakwah ABIM berpendapat bahawa dalam konteks Malaysia hari ini, golongan bukan muslim boleh menjadi jemaah menteri dan

²⁸⁷ *Ibid.*, h. 89.

²⁸⁸ *Ibid.*, h. 93.

²⁸⁹ *Ibid.*, h. 94.

sebagainya. Ini kerana, mereka bukan lagi *ahl al-dzimmah* yang berlindung di dalam negara Islam, tetapi rakan kongsi yang sama-sama mengasaskan negara Malaysia²⁹⁰. Begitu juga pendapat yang dikemukakan oleh Dr. Abdul Hamid Ismail al-Ansari yang mengatakan harus hukumnya melantik bukan muslim menganggotai Parlimen dan Dewan Undangan Negeri²⁹¹.

Berkenaan dengan perlantikan wanita di dalam pemerintahan pula, Dr. Yūsusuf al-Qaradhawi berpendapat bahawa harus melantik wanita menganggotai dewan rakyat dan parlimen berdasarkan beberapa hujah yang antaranya²⁹²:

1. Kewajipan wanita adalah seperti lelaki melainkan pada perkara yang terdapat pengecualiannya²⁹³.
2. Wanita-wanita pada zaman Rasulullah s.a.w dan zaman Khulafa' al-Rashidin turut bersuara, memberi pendapat dan berjihad. Saiyidatina 'Aisyah adalah salah seorang mujtahid di kalangan para sahabat dan pemberi fatwa di kalangan wanita. Seorang wanita pernah menegur Saiyidina 'Umar tentang mahar dan tegurannya diterima oleh beliau.
3. Tidak ada nas yang jelas mengharamkan wanita terlibat di dalam politik.
4. Keperluan menuntut wanita Islam yang beriltizam dengan agama untuk berhadapan dengan wanita-wanita bebas dan sekular di dalam politik, pilihan raya dan sebagainya.
5. Anggota wanita di dalam dewan hanyalah sebahagian kecil dari anggota lelaki dan ini tidak bermaksud bahawa wanita menjadi pemimpin bagi lelaki.
6. Tiada dalil yang melarang kepimpinan sebahagian wanita ke atas sebahagian lelaki. Yang dilarang adalah kepimpinan umum bagi wanita ke atas keseluruhan lelaki.

²⁹⁰ Angkatan Belia Islam Malaysia, http://www.abim.org.my/minda_madani/, 23 Disember 2007.

²⁹¹ Wan Zahidi Wan The (2005), "Ciri-Ciri Sebuah Negara Islam", dalam *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, *op.cit.*, h. 104.

²⁹² Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini*, *op.cit.*, j. 8, h. 81-100.

²⁹³ Sila lihat dalil dari Surah al-Taubah 9: 71

Selain itu, kaum wanita juga melakukan *bai'ah* bersama-sama Nabi Muhammad s.a.w sebagaimana kaum lelaki²⁹⁴. Dr. Mohd. Nasran Mohamad yang membincangkan tajuk ini akhirnya membuat rumusan bahawa wanita tidak dibenarkan menjawat jawatan ketua negara, tetapi dibenarkan menjadi wakil rakyat, menteri serta mengundi di dalam pilihan raya²⁹⁵.

Secara keseluruhannya, kaedah perlantikan *ulu al-amr* di Malaysia berdasarkan prinsip demokrasi dan kaedah pilihan raya adalah tidak menyalahi kehendak Islam. Cuma, perlaksanaannya perlu bersifat adil dan menepati syarat-syarat yang membolehkan ia berlaku secara adil serta mengikut syari'at.

4.3.2. Pengurusan dan Kepimpinan Di Malaysia Menurut Islam

Asal kepada kaedah di dalam mentaati pemimpin ialah kewajipan mentaati di dalam perkara yang *ma'ruf* dan larangan mentaati di dalam perkara maksiat. Untuk itu, perlu dipertimbangkan tentang pengurusan pemimpin ke atas rakyat sama ada ia merupakan perkara *ma'ruf* atau maksiat.

Islam sangat mengambil berat soal pengurusan dan kepimpinan serta telah meletakkan asas-asas yang perlu dipatuhi oleh para pemimpin. Asas utama yang dinyatakan di dalam al-Quran ialah menjadikan kepimpinan sebagai suatu amanah dari rakyat terhadap pemimpin. Pemimpin bertanggungjawab untuk menunaikan amanah ini terhadap rakyat dengan memberikan hak-hak kepada para pemiliknya dan menegakkan keadilan di dalam pemerintahannya. Asas dan perintah ini jelas termaktub di dalam firman Allah s.w.t sebelum memerintahkan rakyat memberikan ketaatan terhadap pemimpin:

²⁹⁴ Abdul Monir Yaacob, Suzalie Mohamad (2004), *op.cit.*, h. 68.

²⁹⁵ Dr. Mohd. Nasran Mohamad (2003), "Kedudukan Wanita Dalam Politik Dan Pemerintahan", dalam Shofian Ahmad et al. (eds), *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003, Menghadapi Cabaran Globalisasi*. Kuala Lumpur: Mashi Publication, h. 433.

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ
النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۚ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ
كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menunaikan amanah kepada yang berhak dan apabila kamu mengeluarkan hukuman, hukumlah dengan adil.*”

Surah al-Nisā’ (4): 58

Lantaran itu, kepimpinan merupakan suatu amanah ke atas pemimpin dan ia merupakan suatu tanggungjawab agama yang akan dipersoalkan mengenainya di akhirat nanti. Nabi s.a.w bersabda:

كلكم راع وكلكم مسئول عن رعيته

Maksudnya, “*Setiap kamu adalah penjaga dan setiap kamu akan ditanya tentang jagaannya*”.

Di dalam menjelaskan tentang kaedah pengurusan dan kepimpinan menurut Islam, ulama’ menjelaskan bahawa ianya haruslah bergantung kepada kemaslahatan. Ini terkandung di dalam kaedah-kaedah fiqh yang telah digariskan oleh para ulama’ sebagai asas kepada hukum-hukum yang berkaitan dengannya. Kaedah fiqh ini menyatakan bahawa asas bagi pemerintahan dan kepimpinan ialah mendapatkan kemaslahatan. Kaedah ini menurut Imam al-Suyūṭi berasal dari fatwa Imam al-Syāfi’i yang menyatakan bahawa²⁹⁶:

منزلة الإمام من الرعية منزلة الوالي من اليتيم

Maksudnya: *Kedudukan imam terhadap rakyat adalah seperti kedudukan wali terhadap anak yatim.*

Kaedah ini menjelaskan bahawa setiap tindakan pemimpin yang berkaitan dengan urusan rakyat sepatutnya dilaksanakan bagi memelihara kemaslahatan rakyat iaitu dengan tujuan untuk mendatangkan kebaikan dan kesejahteraan hidup di dunia dan

²⁹⁶ Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin, *op.cit*, h. 317.

akhirat. Oleh itu, sebarang tindakan yang dilakukan untuk tujuan peribadi atau khusus untuk golongan tertentu atau tindakan-tindakan yang membawa kerosakan adalah dilarang oleh syari'at. Untuk itu, pemimpin tidak boleh membelanjakan wang negara yang diamanahkan oleh rakyat melainkan untuk kepentingan dan kemaslahatan rakyat serta selari dengan batas-batas syari'at²⁹⁷.

Begitu juga di dalam hal menguruskan ekonomi rakyat, syari'at mengharuskan pemimpin menetapkan peraturan demi menjaga kepentingan rakyat secara keseluruhan. Dr. Yūsuf al-Qaradhawi di dalam membincangkan masalah ini membuat kesimpulan bahawa syari'at mengalu-alukan campurtangan kerajaan Islam dalam hal menetapkan upah pekerja iaitu apabila tujuannya untuk keperluan dan masalah, di samping menegakkan keadilan dan mengelakkan kezaliman²⁹⁸. Pemerintah boleh mengambil alih sesuatu kawasan dari milik rakyat untuk kemaslahatan umum yang lebih besar seperti membina masjid, hospital atau sekolah²⁹⁹. Ini kerana Khalifah 'Umar al-Khaṭṭab pernah bertindak meruntuhkan rumah-rumah serta membayar pampasan yang adil terhadap beberapa orang yang enggan bekerjasama di dalam usaha memperluaskan halaman tawaf. Mereka enggan menjualkan rumah mereka kepada kerajaan, walaupun telah ditawarkan dengan harga yang munasabah lagi adil. Namun begitu, hak ini bukanlah hak mutlak pemerintah, tetapi setelah memenuhi syarat-syarat tertentu antaranya³⁰⁰:

- 1) Mestilah dilakukan permohonan kepada pemilik terlebih dahulu.
- 2) Rayuan dan rundingan bersama pemilik.
- 3) Memberikan harga pampasan yang adil lagi saksama.
- 4) Rampasan benar-benar dilakukan hanya untuk tujuan dan masalah umum, tiada kaitan dengan kepentingan peribadi.

²⁹⁷ *Ibid.*, h. 318.

²⁹⁸ Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini*, *op.cit.*, j. 3&4, h. 250.

²⁹⁹ Ab. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin, *op.cit.*, h. 319.

³⁰⁰ <http://www.zaharuddin.net/>

Selain itu, Islam sangat mengambil berat urusan mencegah segala bencana dan kerosakan daripada berlaku di samping berusaha menghapuskannya setelah berlaku. Ini selari dengan hadith Nabi s.a.w yang menyebut³⁰¹:

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya: *Tidak ada kemudaratan dan tidak ada memudaratkan.*

Mengelakkan kemudaratan ini juga merupakan salah satu kaedah asas di dalam kaedah-kaedah fiqh sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Untuk itu, pemerintah dibolehkan menguatkuasakan apa-apa bentuk perundangan yang boleh mengelakkan bencana dari menimpa rakyat seperti undang-undang jalan raya dan sebagainya. Secara umumnya, siasah syar'iyah merupakan suatu saluran dan ruang yang luas untuk mengadakan pembaikan dan menjauhkan kerosakan terhadap rakyat iaitu selagi ia tidak bertentangan dengan nas-nas syari'at³⁰².

Oleh itu dasar-dasar, akta-akta, peraturan-peraturan, protokol-protokol dan segala penguatkuasaan yang dilakukan oleh para pemimpin khususnya di Malaysia adalah harus selagi ia mengandungi kemaslahatan rakyat dan tidak menyanggahi syari'at. Sekiranya pemerintah melaksanakan dasar yang bercanggah dengan syari'at, maka rakyat sudah tidak dipertanggungjawabkan lagi untuk memberikan ketaatan. Di Malaysia, pelbagai dasar dilaksanakan oleh pemimpin untuk pembangunan negara. Dasar-dasar ini dibentuk bertujuan sebagai panduan untuk meningkatkan kecekapan, meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos pengurusan, mengatasi masalah, meletakkan asas pentadbiran negara dan organisasi, panduan bagi mencapai objektif dan untuk menyedarkan orang ramai perlunya sesuatu amalan baik dipraktikkan. Selain itu, dasar-dasar ini dibuat bertujuan untuk memenuhi objektif-objektif sosio-ekonomi negara seperti pembangunan ekonomi, pengagihan pendapatan, perkhidmatan awam,

³⁰¹ Ibn Majah, Kitab: al-Ahkam, Bab: Man Bana Fi Haqqihi, Bil 2332. Malik, Kitab: al-Aqdiyah, bil. 1234. Ahmad, Wa Min Musnad Bani Hasyim, bil. 2719.

³⁰² Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini, op.cit.*, j. 3&4, h. 242.

kestabilan atau keselamatan negara dan juga kebajikan masyarakat. Ini adalah bertujuan agar negara berjaya mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara yang makmur lagi bersatu padu berasaskan sistem demokrasi di dalam suasana pembangunan yang aman dan stabil.

Terdapat tiga jenis dasar-dasar utama kerajaan iaitu Dasar-Dasar Ekonomi, Dasar-Dasar Sosial dan Etika Kerja serta Dasar-Dasar Luar. Di dalam membangunkan ekonomi negara, dasar-dasar yang telah dilaksanakan ialah Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara, Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3), Dasar Kependudukan Malaysia Ke Arah 70 Juta Penduduk, Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam, Dasar Halacara Baru Dalam Pembangunan Kampung Dan Luar Bandar, Dasar Penswastaaan, Dasar Pensyarikatan Malaysia, Dasar Perindustrian Negara dan Dasar Pembangunan Nasional. Dasar-dasar Sosial dan Etika Kerja yang dilaksanakan pula ialah Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pentadbiran, Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah serta Kepimpinan Melalui Teladan. Dasar-dasar luar yang dilaksanakan pula ialah Konsep Kawasan Aman, Bebas Dan Berkecuali (ZOPFAN), Antartika serta Rancangan Kerjasama Teknik Malaysia (MTCP).

Selain itu pula, beratus-ratus akta yang telah digubal di Parlimen dari semasa ke semasa untuk menangani pelbagai masalah, menjaga keselamatan dan memudahkan pengurusan. Penguatkuasaan, penyemakan dan pemansuhan juga dilakukan dari semasa ke semasa bagi mencari jalan penyelesaian yang lebih baik. Begitu juga wujudnya perlembagaan dan perundangan sebagai peraturan untuk rakyat hidup dengan lebih sistematik. Namun begitu, terdapat juga akta dan peruntukan yang menjadi pertikaian tentang keadilan dan keharusannya menurut Islam. Antara akta yang sering dipertikaikan ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang memberikan kuasa kepada pihak polis menahan selama 60 hari berturut-turut tanpa perbicaraan untuk

tindak-tanduk yang dijangkakan mengancam keselamatan negara atau mana-mana bahagian daripadanya. Selepas 60 hari, seseorang tahanan itu boleh ditahan lagi selama tempoh dua tahun jika diluluskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, dan sekaligus membolehkan penahanan terus tanpa perbicaraan. Di sini jelas kelihatan bahawa akta ini mengandungi kezaliman dan penganiyaan terhadap hak individu kerana dihukum sebelum dipastikan bersalah. Lantaran itu, adalah menjadi hak individu untuk mengelakkan dari kezaliman atau tidak mentaati akta dan undang-undang yang mengandungi kezaliman seperti ini, melainkan sekiranya dikhuatiri akan menyebabkan fitnah yang lebih besar.

4.4. Konsep Ketaatan Terhadap *Ulu al-Amr* di Malaysia Menurut Islam

Sebelum membincangkan tentang konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin *ulu al-amr* di Malaysia menurut pandangan Islam, perlu diperjelaskan bahawa perbincangan tentang konsep ini adalah dengan tujuan untuk mengkaji bagaimana kedudukan dan kaedah pemberian ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia pada pandangan Islam. Ketaatan atau penderhakaan ini terzahir dari kepatuhan atau pengingkaran kepada perintah dan larangan pemimpin.

Pada asasnya, perintah dan larangan pemimpin dapat dilihat dari wujudnya hukuman ketika diingkari. Hukuman yang kecil menunjukkan penderhakaan yang kecil manakala hukuman yang lebih besar menggambarkan penderhakaan yang lebih besar. Ini boleh dilihat di dalam ajaran Islam di mana besarnya ketaatan dan penderhakaan kepada Allah dinilai berdasarkan besarnya pahala dan dosa yang diperuntukkan dan dijanjikan. Besar atau kecil pelanggaran undang-undang tersebut tidak boleh dibezakan untuk menjelaskan maksud derhaka di dalam perbahasan ini kerana sekecil mana pun perbuatan manusia tetap mempunyai kedudukan dan hukumnya di dalam Islam, sedangkan perbahasan ini bertujuan untuk menjelaskan hukum perbuatan tersebut

menurut Islam. Dalam konteks negara Malaysia, hukuman wujud melalui penguatkuasaan undang-undang. Secara tidak langsung ketaatan dan penderhakaan terhadap pemimpin di Malaysia adalah bergantung kepada ketaatan dan penderhakaan terhadap undang-undang di Malaysia walau apa jua bentuk undang-undang yang digubal di dalam apa jua bidang samaada ianya kategori perbuatan jenayah, politik, ekonomi, sosial, dan keagamaan.

Namun begitu, kadang-kala undang-undang tidak boleh menjadi neraca sebenar bagi menilai perintah dan larangan pemimpin kerana berkemungkinan juga wujud perintah dan larangan pemimpin yang menyalahi undang-undang. Dalam situasi ini ketaatan dan penderhakaan tidak bergantung penuh kepada mematuhi undang-undang, tetapi sebaliknya bergantung kepada kehendak pemimpin. Oleh itu, pengertian ketaatan rakyat Malaysia terhadap pemimpin ialah kepatuhan rakyat terhadap perintah dan larangan pemimpin yang kebiasaannya adalah dengan mentaati undang-undang yang didokong dan dilaksanakan oleh pemimpin tersebut. Ringkasnya, ketaatan dan penderhakaan terhadap pemimpin di Malaysia di sini adalah kepatuhan atau pengingkaran terhadap perlembagaan, undang-undang, akta-akta, dasar-dasar dan sebagainya yang dikuatkuasakan oleh pemimpin di Malaysia. Apakah hukum mentaati perkara-perkara ini menurut Islam?

Hari ini banyak pemerintah ditimpa dengan sifat fasiq kerana perlaksanaan Islam yang tidak sepenuhnya. Namun begitu, pemerintah yang fasiq masih perlu ditaati di dalam perkara-perkara yang bukan maksiat dengan syarat mereka tidak menunjukkan tanda-tanda kekufuran yang jelas. Terdapat hadith yang mengkhabarkan kepada kita tentang kewajipan mentaati pemerintah di dalam perkara-perkara yang bukan maksiat, sama ada perkara tersebut disukai atau tidak. Oleh kerana itu, ketaatan terhadap pemerintah ini di dalam perkara-perkara yang dituntut syari'at, atau diharuskan syari'at, atau yang terdapat *maslahah* padanya dan tidak bertentangan dengan syari'at sudah

tentunya lebih perlu ditaati. Kesimpulan dari perbahasan tentang konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* yang lepas ialah keperluan membuat pertimbangan mengenai kesan ketaatan atau penderhakaan yang diberikan iaitu yang mana paling kurang mendatangkan kerosakan atau menarik lebih banyak manfaat. Pertimbangan ini boleh dilakukan menggunakan prinsip-prinsip *fiqh al-aulawiyyāt* yang telah dihuraikan oleh Dr. Yūsuf al-Qaradhawī³⁰³.

4.4.1. Ketaatan Dari Aspek Perundangan

Konsep ketaatan terhadap pemimpin menurut teori *ulu al-amr* dalam aspek perundangan ini haruslah diukur sejauh mana kesesuaiannya dengan hukum Islam. Kesesuaian inilah yang menentukan sama ada perundangan tersebut wajib ditaati atau tidak. Undang-undang yang sesuai dengan hukum Islam ini dinamakan sebagai undang-undang Islam. Undang-undang Islam adalah hukum-hukum Islam yang dikuatkuasakan oleh negara menurut prosedur dan tatacara tertentu³⁰⁴. Ia bermaksud hukum syari‘at yang telah diijtihadkan untuk pemakaian sesebuah negara bersesuaian dengan keperluan tempatan dan dikuatkuasakan dalam bentuk undang-undang.

Perundangan Islam sebenarnya tidak terbatas kepada hukum *hudūd*, *qiṣāṣ* dan *ta‘zīr* sahaja³⁰⁵ kerana ia hanyalah sebahagian dari undang-undang Islam iaitu yang berkaitan dengan undang-undang jenayah. Tetapi, perundangan Islam juga meliputi bidang-bidang lain seperti ibadat, mua‘malat, *munākahaḥāt*, jihad, halal dan haram, perjanjian, perwarisan dan adab. Semua bidang ini wajib dilaksanakan oleh pemerintah dan seluruh umat Islam tanpa meninggalkan sebahagian darinya. Ini kerana konsep khalifah adalah tanggungjawab untuk memelihara agama dan mentadbir dunia dengan agama.

³⁰³ Rujuk bab 2 pecahan 2.5.3.

³⁰⁴ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *op.cit.*, h. 3.

³⁰⁵ Yusuf al-Qaradhawī, *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan. Op.cit.*, h. 252.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, perundangan Malaysia adalah berasaskan undang-undang British yang juga disebut sebagai *Common Law*. Perlembagaan Malaysia yang telah digubal oleh Suruhanjaya Reid menjadi undang-undang tertinggi negara dan mana-mana peruntukan undang-undang yang menyalahi perlembagaan tersebut adalah terbatal³⁰⁶. Secara asasnya, penetapan perlembagaan ini sebagai sesuatu yang tertinggi di dalam perundangan adalah bercanggah dengan syaria't. Namun begitu, dari sudut perlaksanaannya, ini tidak bermaksud undang-undang Islam tidak dapat dilaksanakan di Malaysia. Beberapa peruntukan di dalam perlembagaan sebenarnya boleh digunakan untuk melaksanakan undang-undang Islam di Malaysia³⁰⁷. Ini terbukti dengan wujudnya Mahkamah Syariah di Malaysia.

Oleh kerana itu, wujud dua jenis mahkamah di Malaysia iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Berdasarkan konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr*, jelas bahawa Mahkamah Syariah yang melaksanakan undang-undang Islam wajib ditaati oleh rakyat kerana ia sebahagian daripada tuntutan Islam. Mahkamah sivil yang berasal dari undang-undang British pula perlu dilihat kepada keserasian atau percanggahan undang-undang yang dipraktikkannya dengan roh dan aturan syari'at. Rakyat harus mentaati peruntukan yang selari dengan syari'at tetapi haram mentaati peruntukan yang mengandungi kezaliman atau bercanggah dengan syari'at kerana tiada ketaatan di dalam perkara maksiat. Islam memerintahkan supaya melaksanakan hukuman dengan adil dan mengharamkan perbuatan tolong-menolong di dalam perkara kejahatan. Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran:

³⁰⁶ Perlembagaan Malaysia, Perkara 4(1).

³⁰⁷ Rujuk pecahan 4.2.2

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ
النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ

سَمِيعًا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*”

Surah al-Nisā’ (4): 58

وَتَعَاوَنُوا عَلَىٰ الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَىٰ الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “*dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. dan bertakwalah kamu kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.*”

Surah Al-Māidah (5): 2

Undang-undang yang menyalahi syari’at hanya boleh ditaati jika mengingkarinya akan mendatangkan kemudharatan yang lebih besar. Ketaatan terhadap undang-undang sivil ini boleh dipertimbangkan menggunakan *fiqh al-awlawiyyāt* yang telah dihuraikan sebelum ini³⁰⁸.

Dalam kes-kes yang membantu kepada perlakuan maksiat, Islam melarang pemberian ketaatan. Kes murtad contohnya, seorang hakim yang muslim sepatutnya berjuang menggunakan segenap peruntukan yang ada dalam perlembagaan supaya kes murtad dapat diadili menurut kaedah Islam. Begitu juga dengan pihak berkuasa sama ada negeri atau persekutuan. Kalaupun benar tafsiran mengenai hak kebebasan agama dalam perlembagaan sebagaimana yang ditafsirkan, umat Islam sepatutnya tidak boleh

³⁰⁸ Rujuk pecahan 2.5.3

mentaati kehendak peruntukan tersebut. Usaha wajib dilakukan untuk melaksanakan undang-undang sesuai dengan kehendak Islam sama ada melalui pembetulan terhadap tafsiran tersebut atau meminda perlembagaan atau menambah peruntukan. Setiap umat Islam wajib berusaha berdasarkan hak dan kuasa yang ada supaya undang-undang murtad menurut Islam dapat dilaksanakan³⁰⁹.

Contohnya, suatu ketika dahulu pernah berlaku kes di mana seorang gadis bernama Natrah yang dibesarkan sebagai seorang yang beragama Islam lalu dipaksa oleh ibu bapanya untuk murtad dan dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Ini disebabkan dia dianggap tidak layak untuk memilih agama sendiri kerana masih di bawah umur menurut pentakrifan undang-undang. Umat Islam yang memerhatikan kes ini hanya mampu melihat. Jika dilihat di dalam kes ini berlakunya pertembungan antara mentaati pemimpin dan perintah agama. Menurut Islam, adalah wajib mempertahankan akidah umat Islam yang lain kerana agama dan akidah adalah aspek utama yang ingin dipelihara oleh syari'at. Oleh itu, menjaganya perlu menjadi keutamaan oleh umat Islam. Sejarah Islam membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w dan para sahabat berjuang bermati-matian di dalam dakwah dan peperangan demi mempertahankan akidah mereka dan menyelamatkan agama Allah. Bahkan mempertahankan agama menurut Islam adalah lebih utama berbanding mempertahankan jiwa manusia. Cuma di dalam masalah ancaman terhadap nyawa menurut Islam, dibenarkan sekadar membuat pengakuan keluar agama, dengan syarat lafaz itu hanya keluar dari lidah sedangkan hati tetap menyatakan keimanan.

Bahaya yang timbul dari membiarkan undang-undang merosakkan akidah umat Islam adalah sangat besar. Kes ini berakhir dengan kegagalan umat Islam

³⁰⁹ Salah satu punca yang mengakibatkan masalah murtad berleluasa ialah, kebanyakan pihak berkuasa negeri tidak bersungguh-bersungguh menggunakan peruntukan yang ada dalam perlembagaan sedangkan undang-undang Islam tertakluk di bawah kuasa kerajaan negeri. Keputusan-keputusan Mahkamah juga bukan sahaja gagal memartabatkan Islam, malah banyak memberikan keputusan yang merugikan Islam sekaligus meletakkan Islam setaraf dengan agama-agama lain di Malaysia walaupun Islam menjadi agama rasmi. Lihat *Minister Of Home Affairs v Jamaluddin bin Othman* (1988) 1 MLJ 369 7 418. Lihat juga *Halimatussaadiah v Publics Services Commission* (1992) 1 MLJ 513.

mempertahankan akidah Natrah serta undang-undang menjadi senjata rosaknya akidahnya. Besarnya kesan dan fitnah yang timbul dari kes ini terhadap umat Islam boleh dilihat pada hari ini dengan berlakunya gejala murtad secara meluas sedangkan undang-undang yang ada gagal membela malah menjadi senjata kepada musuh Islam bergerak di dalam negara untuk merosakkan akidah umat Islam. Sementara itu pula, bahaya sekiranya umat Islam bersikap menentang terhadap apa yang diputuskan oleh undang-undang belum kelihatan dan sudah tentunya lebih ringan dari bahaya kerosakan akidah umat Islam yang merupakan perkara yang paling penting untuk dipelihara.

Dalam situasi ini wajib bagi umat Islam mempertahankan akidah saudaranya dengan mengabaikan aspek ketaatan terhadap undang-undang. Ini kerana, ketaatan terhadap pemimpin atau undang-undang pula hanyalah diberi sekiranya tidak bercanggah dengan syari'at. Jika dipertimbangkan pula antara kerosakan dan kemaslahatan yang timbul dari kes ini dengan pertimbangan *fiqh al-aulawiyyāt*, nyata bahawa kerosakan yang berlaku kerana mematuhi perintah undang-undang di sini adalah lebih besar berbanding dari kerosakan kerana mengingkarinya. Oleh kerana itu, ketaatan tidak sepatutnya diberikan kepada undang-undang tersebut, atau kepada hakim yang mengeluarkan hukuman, atau kepada pemerintah yang menguatkuasakan hukuman. Individu tersebut serta umat Islam yang lain perlu berusaha sedaya upaya menyelamatkan akidah saudaranya walaupun terpaksa melanggar undang-undang. Akibat gagal mempertahankan akidah Natrah di dalam peristiwa ini, umat Islam semakin lalai dan kurang sensitif terhadap kepentingan memelihara umat Islam dari serangan gejala murtad dan musuh Islam. Akibatnya pada hari ini gejala murtad semakin berleluasa dan makin meruncing. Kisah ini menggambarkan peri pentingnya mengamalkan syari'at Islam sepenuhnya termasuklah di dalam aspek pemberian ketaatan terhadap pemimpin. Oleh itu, bagi undang-undang yang menyalahi syari'at

sebagaimana kes murtad yang disebutkan tadi maka ia haram ditaati, ataupun boleh ditaati sekiranya penderhakaan boleh mengakibatkan kerosakan yang lebih besar.

Begitu juga bagi undang-undang, akta-akta dan perintah-perintah yang mengandungi kezaliman. Sekiranya seseorang muslim dizalimi seperti ingin ditangkap atau disiksa hanya kerana menyuarakan pendapat yang benar atau menasihati pemerintah, dia tidak wajib taat kepada arahan pemerintah dan berhak melarikan diri dari ditangkap. Contohnya juga adalah seperti pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang sering mengakibatkan kezaliman kepada rakyat kerana menghukum seseorang tanpa dibuktikan bersalah terlebih dahulu. Kezaliman seperti ini dilarang oleh Islam untuk ditaati dan dibantu pelaksanaannya. Para ulama' dan ilmuan wajib menasihati pemerintah tentang pelaksanaan yang menepati syari'at. Seluruh umat Islam juga wajib menyokong pelaksanaan Islam dan menentang perkara yang menyalahi syari'at menurut kemampuan. Ia cuma boleh ditaati bagi mengelakkan bahaya atau kezaliman yang lebih besar. Contohnya, sekiranya penentangan terhadap undang-undang negara tersebut akan menyebabkan bahaya dan huru-hara terhadap keselamatan negara, pertumpahan darah atau memberi peluang kepada musuh untuk merosakkan negara. Ini merupakan aplikasi daripada kaedah *sadd al-zarāi'* iaitu menutup lubang-lubang yang boleh membawa kepada keburukan.

Di Malaysia, perkembangan pelaksanaan perundangan Islam masih agak mengecewakan. Ini kerana, kita hanya melaksanakan undang-undang yang berkaitan dengan kekeluargaan dan sebahagian kecil undang-undang berkaitan dengan kehartaan. Walaupun terdapat peruntukan berkaitan undang-undang jenayah, namun ia tidak menepati kehendak syari'at kerana ia bukanlah *hudūd* ataupun *qiṣās*, walaupun sebahagiannya mungkin boleh dimasukkan di bawah kategori *ta'zīr*³¹⁰. Undang-undang Islam memiliki ruang lingkup yang sangat terbatas di Malaysia kerana berlakunya

³¹⁰ Abd Aziz Bari, *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia, op.cit.*, h. 142.

penyingkiran undang-undang Islam daripada kedudukannya yang asal sebagai undang-undang negara kepada undang-undang khas bagi hal ehwal diri dan keagamaan orang-orang Islam³¹¹. Perkembangan ini sangat merugikan Islam dan umat Islam kerana kegagalan melaksanakan syari'at Islam akan mendatangkan banyak kesan buruk³¹².

4.4.2. Ketaatan Dari Aspek Ekonomi

Islam sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini merupakan suatu agama yang syumul iaitu melengkapinya segenap aspek kehidupan manusia termasuklah bidang ekonomi. Sebagaimana perundangan, ketaatan di dalam aspek ekonomi juga perlulah diukur dengan sistem ekonomi yang dibenarkan oleh Islam iaitu sistem ekonomi Islam. Ekonomi Islam boleh ditakrifkan sebagai himpunan kaedah-kaedah dan hukum-hukum syarak yang menerangkan cara-cara pembahagian kekayaan, memiliki dan menguruskan kekayaan serta menyusun hubungan ekonomi antara individu muslim sesama mereka, dengan kerajaan dan dengan masyarakat-masyarakat lain³¹³. Oleh kerana itu, asas pembentukan ekonomi Islam adalah al-Quran dan al-Sunnah³¹⁴.

Antara asas-asas yang dinyatakan oleh al-Quran berkaitan dengan ekonomi ialah keharusan mencari sumber rezaki sebagai suatu keperluan hidup tanpa mengabaikan ketaatan kepadaNya, di samping menyedari bahawa segalanya adalah dari Allah³¹⁵. Islam juga mengajar bahawa akhirat adalah lebih penting berbanding dengan dunia. Ini

³¹¹ Mahmood Zuhdi Abd. Majid, *op.cit.*, h. 112.

³¹² Akibat daripada kegagalan melaksanakan perundangan Islam sepenuhnya, banyak kerosakan yang berlaku di kalangan umat Islam kerana undang-undang British gagal mengawal cara hidup manusia mengikut kehendak Islam. Di Malaysia, didapati gejala murtad semakin berleluasa. Terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa sehingga tahun 1999 ada sebanyak 5,000 *dead poll* (*Dead poll* adalah pengakuan yang dibuat sendiri oleh individu terbabit melalui surat akuan berkanun. Bagaimanapun ini tidak semestinya mengikut Mahkamah, yang boleh memanggil individu berkenaan untuk memastikan kebenaran akuannya) affidavit, notis dan iklan yang telah mengishtiharkan niat mahu meninggalkan agama Islam. Lihat Mohd Sayuti Omar (1998), "Rang Undang-Undang Persendirian Pas Murtad- Pintu Belum Tertutup Rapat", dalam *Tamadun*, h. 46.

³¹³ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 39.

³¹⁴ *Ibid.*

³¹⁵ Surah al-Jumū'ah 62: 9-11

bermakna, usaha mencari rezeki dan meningkatkan ekonomi sepatutnya berlandaskan syari'at³¹⁶. Untuk itu, Allah mewajibkan orang-orang yang beriman supaya makan dari rezeki yang baik dan halal³¹⁷, sedangkan untuk memperolehi makanan yang halal perlulah diusahakan dengan cara yang halal. Antara ketetapan syari'at lagi berkaitan dengan ekonomi ialah halal melakukan jual beli tetapi haram melakukan riba³¹⁸. Umat Islam juga dilarang mencari harta dengan cara yang salah seperti mengambil wang rasuah³¹⁹. Bagi membersihkan harta dari sesuatu yang merupakan hak orang lain di samping mengukuhkan ekonomi umat Islam, Islam menuntut dikeluarkan zakat bagi golongan miskin³²⁰ dan menggalakkan umat Islam bersedekah³²¹.

Di Malaysia, sebagai sebuah negara yang menjadi warisan penjajah, sistem ekonomi negara juga telah dicorakkan oleh penjajah sesuai dengan keinginan dan kepentingan mereka³²². Lantaran itu, sistem ekonomi di Malaysia banyak terlibat dengan riba dan perkara-perkara yang tidak bersesuaian dengan syari'at. Setelah merdeka, pemerintah berjaya membangunkan ekonomi di Malaysia melalui pelbagai strategi, dasar dan rancangan yang dibentuk oleh kerajaan. Antaranya strategi kepelbagaian kegiatan ekonomi, Rangka Rancangan Jangka Panjang, Dasar Ekonomi Baru, Pelan Induk Perindustrian, pelancaran Akta Galakan Pelaburan dan sebagainya³²³. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan sumber alam, pelbagai jenis kegiatan ekonomi yang dijalankan di Malaysia seperti pertanian, perindustrian, pelancongan, perniagaan, perikanan, pembalakan dan lain-lain. Secara asasnya, kesemua jenis kegiatan ekonomi seperti ini adalah halal pada pandangan Islam. Perkara yang halal adalah harus untuk ditaati dan dilaksanakan. Perlaksanaan ekonomi Islam di Malaysia tidak sepatutnya

³¹⁶ Surah Al-Qaṣaṣ 28: 77. Lihat juga Surah al-A'la 87: 17

³¹⁷ Surah al-Mā'idah 5: 88

³¹⁸ Surah al-Baqarah 2: 275, 278, 279

³¹⁹ Al-Baqarah 2: 188

³²⁰ Surah al-Dzāriyāt 51: 19, Surah Al-Ma'ārij 70: 24-25

³²¹ Surah Al-Baqarah 2: 3

³²² Anuwar Ali, Raja Rasiah (1996), *Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia*. Ampang: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1.

³²³ *Ibid.*, h. 3-16.

hanya merujuk kepada institusi-institusi ekonomi yang terdapat nama Islam atau imej Islam seperti Pusat Zakat, Lembaga Tabung Haji dan Bank Islam. Yang penting adalah amalan ekonominya tidak menyalahi kehendak syari'at³²⁴.

Namun begitu, apabila sesuatu kegiatan ekonomi tersebut dijalankan dengan cara yang tidak menepati kehendak syari'at atau melibatkan sesuatu yang diharamkan oleh syari'at, ia telah bertukar status menjadi haram di sisi Islam. Secara tidak langsung, mentaati perintah bagi mengusahakan perkara yang haram ini juga hukumnya adalah haram. Apabila telah jelas sesuatu pekerjaan itu haram dilakukan, maka jelaslah hukum haram untuk mentaatinya.

Jika dilihat di dalam konteks amalan ekonomi di Malaysia pada hari ini, sememangnya terdapat banyak perkara yang melibatkan perkara yang haram terutamanya wang riba. Di dalam masalah riba bank contohnya, wajib bagi umat Islam berusaha menghapuskan sistem riba menurut kemampuan. Ini kerana riba merupakan antara dosa besar yang dilarang keras oleh Allah di dalam al-Quran. Firman Allah s.w.t:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَذَرُوْا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَاۤ اِنَّ

كُنْتُمْ مُّؤْمِنِيْنَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan tinggalkanlah riba sekiranya kamu beriman”.

Surah al-Baqarah (2): 278

Sekiranya umat Islam tidak mampu menghapuskan sistem riba ini, wajib bagi umat Islam untuk tidak menggunakannya. Tetapi, untuk menentang dan menghapuskan sistem riba di Malaysia bukanlah suatu perkara yang mudah kerana ia telah lama bertapak dan berakar umbi di dalam sistem ekonomi Malaysia. Namun begitu, umat Islam di Malaysia masih memiliki alternatif lain yang lebih menepati kehendak Islam seperti Bank Islam untuk menggantikan bank konvensional dan takaful untuk

³²⁴ *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam, op.cit.*, h. 660.

menggantikan sistem insuran. Oleh kerana itu, di dalam situasi ini wajib bagi umat Islam memilih sistem yang tidak melibatkan riba dan menggunakan sistem Islam. Selain itu, ramai umat Islam di Malaysia pada hari ini yang menghadapi masalah di dalam mengelakkan riba kerana banyak wang gaji yang dimasukkan melalui bank-bank yang mengamalkan riba. Oleh kerana itu, bagi mereka yang telah terlibat dengan sistem riba ini secara terpaksa, wajib bagi mereka bertaubat dan berusaha meninggalkan sistem ini. Allah berfirman:

فَإِنْ لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَإِنْ تُبْتُمْ
 فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

Maksudnya: “Sekiranya kamu tidak melakukan demikian maka isytiharkanlah perang terhadap Allah dan RasulNya, dan sekiranya kamu bertaubat maka kamu berhak memiliki wang”.

Surah al-Baqarah (2): 279

Sekiranya seseorang itu bertaubat, dia hanya berhak untuk memiliki jumlah wang simpanannya yang asal sahaja dan tidak mengambil wang riba. Wang riba yang terhasil dari simpanan bank ini bukanlah milik bank ataupun penyimpan, tetapi menjadi milik kepada kepentingan awam. Wang riba juga tidak sah jika dikeluarkan dengan niat wang zakat kerana ia adalah wang haram sedangkan zakat dikeluarkan dari wang yang bersih. Oleh itu ia hanya boleh dikeluarkan untuk manfaat orang ramai³²⁵.

Antara perlaksanaan kerajaan yang menjadi perbincangan dari sudut hukum syari‘at ialah tabung pinjaman PTPTN untuk pembiayaan pelajaran bagi para pelajar di Institut Pengajian Tinggi. Ini kerana terdapatnya faedah beberapa peratus ke atas para peminjam di dalam pembayaran semula pinjaman ini. Dari sudut syari‘at, peratus nilai faedah yang diletakkan sebagai kos perkhidmatan itu adalah dianggap sebagai riba’. Ini kerana kos perkhidmatan yang dimaksudkan dikira berdasarkan peratus dari jumlah pinjaman, sedangkan kos perkhidmatan yang diharuskan menurut pendapat Majlis

³²⁵ Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini*, op.cit., j. 3&4, h. 267.

Shariah AAOIFI dan hasil Keputusan Kesatuan Fiqh Islam Sedunia (dalam sidangnyanya yang ketiga pada 1986 M) adalah kos perkhidmatan yang sebenar. Dalam situasi berhadapan dengan perkara yang haram seperti riba' ini, maka haramlah juga hukumnya bagi umat Islam melibatkan diri dengannya. Umat Islam khususnya kepada golongan pelajar yang memerlukan pembiayaan untuk pembelajaran adalah wajib berusaha untuk mengelakkannya dan mencari alternatif lain yang diharuskan oleh syari'at. Di Malaysia sememangnya terdapat pelbagai lagi alternatif untuk mendapatkan pembiayaan pelajaran sama ada dalam bentuk pinjaman atau pemberian yang dinamakan sebagai biasiswa. Antara jenis pinjaman yang tidak mensyaratkan pembayaran wang faedah atas pinjaman ialah seperti pinjaman-pinjaman yang disediakan oleh yayasan negeri. Bahkan, lebih dari itu pelajar boleh berusaha untuk mendapatkan pinjaman peribadi seperti dari anggota keluarga yang berkemampuan dan sebagainya demi mengelakkan terlibat dari riba' yang diletakkan oleh syari'at sebagai dosa yang besar. Namun begitu, bagi mereka yang telah terlanjur melibatkan diri di dalam pinjaman ini maka sewajarnya mereka memohon keampunan dan bertaubat kerana terlibat di dalam urusan riba' yang diharamkan. Dari satu sudut, mereka telah terikat dengan syarat dan peraturan yang telah mereka persetujui. Seandainya terdapat jalan untuk mengelakkan riba' dari pinjaman yang telah dibuat tersebut mereka hendaklah berusaha ke arahnya. Antaranya seperti membuat rayuan untuk menghapuskan kadar faedah yang dikenakan pada pinjaman tersebut. Begitu juga sekiranya pinjaman tersebut merupakan pinjaman boleh ubah yang mengurangkan jumlah bayaran semula pinjaman disebabkan peminjam memperolehi tahap pencapaian tertentu, maka mereka wajib berusaha mencapainya sebagaimana kewajipan mereka untuk meninggalkan riba',³²⁶.

Rakyat Malaysia beruntung kerana wujudnya usaha kerajaan untuk mewujudkan institusi-institusi dan sistem-sistem kewangan yang berlandaskan syari'at seperti Bank

³²⁶ <http://www.zaharuddin.net/>

Islam, Bank Rakyat, Takaful, Baitulmal, Pusat Zakat dan lain-lain. Ini menjadi alternatif buat umat Islam mentaati pemimpin di dalam aspek ekonomi iaitu dengan memilih sistem Islam di dalam urusan ekonomi dan kewangan. Kewujudan institusi-institusi dan sistem-sistem berlandaskan syari'at ini merupakan alternatif kepada umat Islam untuk tidak melakukan perkara yang haram.

Berkenaan dengan zakat pula, ia merupakan suatu kewajipan ke atas seorang muslim. Kewajipan ini jelas dinyatakan di dalam al-Quran³²⁷ dan sunnah sebagai salah satu rukun Islam yang lima³²⁸. Saidina Abu Bakar sendiri pernah memerangi kaum yang tidak membayar zakat semasa zaman pemerintahannya. Namun begitu, ulama' berselisih pendapat tentang keharusan mengeluarkan zakat melalui pemerintah yang zalim atau fasik. Sebahagian dari mereka melarang secara mutlak dan sebahagian lagi mengharuskan. Satu lagi pendapat memperincikan bahawa sekiranya pemerintah tersebut memberikan zakat yang diambil kepada orang yang berhak, maka diharuskan mengeluarkan zakat melaluinya. Tetapi sekiranya pemerintah tidak menyerahkan zakat kepada orang yang berhak, maka haram menyerahkan zakat kepadanya dan wajib menyembunyikannya³²⁹. Dr. Yūsuf Qaradhawi memilih pendapat yang ketiga dan menjelaskan bahawa sekiranya mereka mengambilnya sesuai dengan pensyaratan zakat iaitu atas nama zakat, maka muslim yang mengeluarkan zakat tersebut tidak perlu mengeluarkannya lagi. Menurut beliau zakat tidak boleh diserahkan kepada pemerintah yang zalim jika mereka tidak menyerahkannya kepada orang yang berhak melainkan jika diminta oleh pemerintah tersebut³³⁰. Ini bersesuaian dengan pendapat mazhab syafi'i³³¹.

³²⁷ Yusuf al-Qaradhawi (1996), *Hukum Zakat*, Salman Harun et al. (terj.). Bogor: Pustaka Litera AntarNusa, h. 62.

³²⁸ Lihat hadith riwayat Ibn 'Umar dalam Muḥammad ibn Ismā'īl Al-Bukhāri, *op.cit.*, h. 27.

³²⁹ Yusuf al-Qaradhawi (1996), *Hukum Zakat*, *op.cit.*, h. 774.

³³⁰ *Ibid.*, h. 777.

³³¹ Dr. Mustafa al-Khin et al. (1999), *Al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie*, j. 2. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., h. 316.

4.4.3. Ketaatan Dari Aspek Sosial & Keagamaan

Sosial dan keagamaan merupakan dua lagi aspek penting yang perlu diperhatikan oleh masyarakat Islam berkaitan dengan pemberian ketaatan ini. Ini kerana ia juga sebahagian daripada pengurusan pemerintah yang terkandung di dalam *Fiqh al-Siyāsah*³³². *Fiqh al-Siyāsah* merujuk kepada kaedah kepimpinan dan pentadbiran negara dengan mengambil kira *maṣlaḥah* atau kepentingan masyarakat selagi tidak bercanggah dengan syari'at³³³. Menurut *Fiqh al-Siyāsah*, pemimpin bertanggungjawab mentadbir urusan negara dengan segala kebijaksanannya dengan memelihara batas-batas syari'at.

Sebagaimana aspek-aspek lain, pemerintah juga bertanggungjawab memelihara batas-batas yang ditetapkan oleh syari'at Islam di dalam pengurusan yang berkaitan dengan aspek sosial dan keagamaan. Ini termasuk di dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar, program-program, perayaan, adat dan budaya, majlis dan upacara, penggunaan media massa dan sebagainya. Pengurusan, keputusan dan pelaksanaan yang dibuat oleh pemimpin pula perlulah dengan matlamat untuk kemaslahatan dan kebaikan umat Islam dan rakyat secara umum. Ini sebagaimana asas yang diletakkan oleh Islam di dalam kaedah fiqh yang telah dibincangkan sebelum ini iaitu pengurusan pemimpin terhadap rakyat tergantung kepada masalah. Oleh itu, ketaatan rakyat di dalam aspek-aspek ini adalah bergantung kepada pertimbangan terhadap masalah dan kerosakan selain melihat kepada kesesuaiannya dengan syari'at.

Secara umumnya, setiap dasar dan pengurusan yang dilakukan oleh pemerintah Malaysia yang tidak bercanggah dengan ketetapan syari'at sepatutnya disokong dan dibantu perlaksanaannya oleh rakyat terutamanya jika ia dapat memartabatkan Islam atau nilai-nilai di dalam Islam seperti Islam Hadhari, Penerapan Nilai-Nilai Murni, Dasar Pandang ke Timur, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Dasar Kepimpinan Melalui

³³² *Fiqh al-Siyāsah* bermaksud pengendalian urusan negara daripada pelbagai aspek termasuklah urusan-urusan yang berada di bawah kuasa eksekutif, judisiari dan legislatif berdasarkan prinsip-prinsip yang telah diwahyukan oleh Allah s.w.t. Rujuk Shofian Ahmad et al. (eds), *op.cit.*, h. 466.

³³³ *Ibid.*

Teladan dan sebagainya. Selagi mana sesuatu dasar itu tidak bertentangan dengan syari'at dan tidak membawa kemudharatan dan kezaliman, rakyat sepatutnya memberikan ketaatan di dalam perlaksanaannya. Begitu juga, ketaatan terhadap pemimpin wajib diberikan terhadap perintah dan pelaksanaan yang tidak melanggar kehendak syari'at seperti pengumuman tarikh hari raya, peraturan-peraturan, perlantikan, pemecatan dan sebagainya³³⁴.

Namun begitu, apabila terdapat di dalam pentadbiran kerajaan ini yang bercanggah dengan kehendak syari'at, ia merupakan bahagian yang dilarang ditaati oleh seorang muslim. Bahkan umat Islam bertanggungjawab menentang dan menghalang sama ada dengan menggunakan sebarang kekuatan selagi tidak mendatangkan kemudharatan yang lebih besar, atau melaksanakan *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar*, atau sekurang-kurangnya membenci dengan hati sekiranya tidak berkemampuan.

Antara permasalahan yang pernah timbul yang menjadi pertikaian dari sudut syari'at adalah isu sambutan kongsi raya. Isu ini timbul berikutan komposisi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Dari situasi ini maka sering berlaku pertembungan di antara perayaan-perayaan agama dan kaum hingga akhirnya pihak kerajaan mencadangkan supaya dilakukan sambutan perayaan-perayaan yang bertembung ini secara bersama. Ia kemudiannya telah diterima pakai di peringkat badan-badan berkanun dan agensi-agensi kerajaan³³⁵ hinggalah akhirnya pada 22hb Oktober 2004, Jabatan Mufti Negeri Perak mengeluarkan fatwa bahawa hukum mencampuradukkan perayaan Islam dengan perayaan kafir adalah haram³³⁶. Jika dilihat dari sudut syara', sambutan seperti ini diharamkan kerana menunjukkan sifat redha terhadap agama lain sedangkan umat Islam dilarang meredhai selain dari agama Islam

³³⁴ Wan Zahidi Wan The (2005), "Ciri-Ciri Sebuah Negara Islam", dalam *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, *op.cit.*, h. 109.

³³⁵ <http://www.mykhilafah.com/>

³³⁶ <http://mufti.perak.gov.my/>

sebagai agama yang benar. Dari sini dapat difahami bahawa faktor pengharamannya adalah jelas. Ini kerana kebanyakan perayaan diadakan berkaitan dengan meraikan sesebuah agama atau kepercayaan. Lantaran itu, apabila seseorang muslim merayakan perayaan lain secara tidak langsung sebenarnya dia telah meraikan dan mengiktiraf agama tersebut sedangkan agama yang diakui di sisi Allah hanyalah agama Islam. Haram bagi umat Islam bersekutu di dalam sebarang amalan yang bukan dari Islam lebih-lebih lagi jika melibatkan akidah dan kepercayaan. Di dalam al-Quran Allah berfirman:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ
الْخَسِرِينَ

Maksudnya: “*dan sesiapa yang mencari selain dari Islam sebagai agama, maka tidak akan sekali-kali diterima darinya dan dia di akhirat termasuk dari kalangan orang-orang yang rugi*”.

Surah Āli ‘Imrān (3): 85

Kesan dari sambutan kongsi raya ini boleh menyebabkan rosaknya akidah umat Islam yang merupakan bahaya yang sangat besar. Namun begitu, fatwa sebegini diabaikan manakala amalan kongsi raya masih diteruskan. Namun begitu jika dilihat anjuran ini tidak mendatangkan bahaya terhadap umat Islam jika tidak mengamalkannya. Jika dinilai dari aspek keutamaan iaitu pertimbangan dari sudut kemudaran dan kemaslahatan jelas bahawa mengamalkannya hanya mengundang kerosakan yang besar sedangkan meninggalkannya tidak membawa apa-apa bahaya yang besar. Di dalam kes ini, haram bagi umat Islam di Malaysia mengamalkannya walaupun ianya dianjurkan oleh pihak kerajaan. Selain itu, wajib juga bagi umat Islam untuk menasihati dan berusaha menghapuskannya selagi bahaya yang mungkin terjadi disebabkan usaha ini tidak mengatasi bahaya yang ditimbulkan oleh amalan ini.

4.4.4. Ketaatan Dari Aspek Politik

Dari perbincangan lepas, demokrasi di Malaysia pada hari ini kurang bertepatan dengan kehendak Islam dalam beberapa aspek³³⁷. Ini memberi kesan kepada berlakunya proses perlantikan pemimpin secara tidak adil, tidak mengikut kehendak Islam serta pemimpin terlantik dari kalangan mereka yang tidak layak pada pandangan Islam. Akibatnya, ia akan memberi kesan kepada pelaksanaan pemerintahan negara yang tidak mengikut kehendak Islam dan wujudnya tuntutan-tuntutan Islam yang tidak terlaksana di dalam negara. Kepincangan di dalam sistem demokrasi di Malaysia menurut pandangan Islam ini merupakan suatu bentuk kemungkaran yang perlu diubah sebagai suatu menifestasi ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia dengan melaksanakan konsep *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar*.

Berdasarkan kaedah *fiqh al-aulawiyāt*, kerosakan dan kemaslahatan harus dipertimbangkan dan langkah terbaik perlu dipilih iaitu yang paling banyak menarik kemaslahatan dan paling kurang mendatangkan kerosakan. Di dalam suasana politik di Malaysia, untuk mengubah sistem yang telah sedia dipakai ini kepada sistem yang lebih menepati kehendak Islam bukanlah sesuatu yang mudah dan murah, lebih-lebih lagi di dalam suasana masyarakat yang majmuk³³⁸. Ini kerana ia dilaksanakan oleh pemerintah sedangkan antara syarat untuk mengubah kemungkaran ialah benar-benar mampu untuk melakukannya³³⁹. Dr. Yūsuf al-Qaradhawi menyatakan tiga cara memperolehi kekuatan bagi mengubah kemungkaran yang dilakukan oleh pihak pemerintah bagi negara yang mengamalkan sistem demokrasi pada hari ini iaitu:

- 1) Kekuatan ketenteraan.
- 2) Kekuatan melalui kuasa perundangan.
- 3) Kesatuan rakyat jelata.

³³⁷ Rujuk pecahan 4.2.1.

³³⁸ Abdul Aziz Bari, *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, op.cit., h. 78.

³³⁹ Yusuf al-Qaradhawi, *Fatwa Masa Kini*, op.cit., j. 7&8, h. 654. Rujuk juga bab 2 pada pecahan 2.5.

Dalam situasi politik di Malaysia, kerajaan yang memerintah merupakan kerajaan yang stabil dan kuat. Untuk mengubah sesuatu kemungkaran menggunakan kekuatan ketenteraan merupakan kaedah yang tidak sesuai kerana ia juga akan membawa kepada kerosakan dan fitnah yang lebih besar. Setelah itu, kaedah yang tinggal untuk mengubah kemungkaran yang dilakukan oleh pemerintah di Malaysia ialah melalui kuasa perundangan dan kesatuan rakyat jelata. Menurut Dr. Abdul Aziz Bari, cara terbaik di dalam mengubah politik di Malaysia adalah dengan memanfaatkan sistem yang sedia³⁴⁰ ada sama ada mengubahnya melalui saluran perundangan, atau mendapatkan kuasa pemerintahan melalui sistem pilihan raya dan melaksanakan Islam dengannya. Di samping itu, umat Islam hendaklah berusaha agar sistem Islam dapat dilaksanakan melalui pemberian nasihat kepada pemerintah dan dakwah kepada masyarakat. Dalam situasi sebegini, ketaatan terhadap sistem politik dibenarkan di samping berusaha melaksanakan Islam serta mengelakkan maksiat setakat yang termampu atau tidak mendatangkan kemudharatan yang lebih besar. Sekiranya berlaku kezaliman di dalam amalan politik dan ia boleh dielakkan tanpa mengakibatkan kemudharatan yang lebih besar, maka umat Islam ketika itu wajib mengelakkannya dan mengabaikan aspek ketaatan.

³⁴⁰ Abdul Aziz Bari, *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, *op.cit.*, h. 78.

4. 5. Kesimpulan

Konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin yang dituntut di Malaysia boleh dilihat daripada peruntukan-peruntukan di dalam perlembagaan dan undang-undang negara. Ini kerana undang-undang mengawal perlakuan dan membataskan tindakan rakyat. Namun begitu, Islam meletakkan kaedah tersendiri kepada umat Islam di dalam aspek pemberian ketaatan terhadap pemimpin. Konsep ketaatan berlandaskan Islam ini boleh dijelaskan berdasarkan teori *ulu al-amr* yang telah dihuraikan di dalam bab kedua.

Asas utama bagi konsep ketaatan berdasarkan teori *ulu al-amr* adalah kewajipan mentaati *ulu al-amr* di dalam mentaati Allah dan tiada ketaatan di dalam perkara-perkara maksiat. Namun begitu, usaha mentaati pemimpin ini tidaklah semudah asas yang diletakkan kerana selain dari asas tersebut terdapat pula impak atau kesan dari pemberian ketaatan atau penderhakaan yang juga perlu difikirkan dan dijaga kerana ia juga diraikan oleh syari'at. Impak dan kesan ini boleh dinilai dengan mempertimbangkan kemaslahatan dan kemudaran yang timbul dari ketaatan atau penderhakaan tersebut. Kaedah mempertimbangkan kemaslahatan dan kemudaran ini telahpun dihuraikan oleh Dr. Yūsof al-Qaradhawi yang dinamakan beliau sebagai *Fiqh al-Aulawiyāt*.

Pengamalan konsep ketaatan ini berlaku dalam semua aspek meliputi aspek-aspek perundangan, ekonomi, sosial, keagamaan, dan politik. Pengamalan konsep ketaatan ini dapat memelihara agama, maruah, akhlak, akidah, iman dan menjana kekuatan umat Islam. Ini kerana kekuatan umat Islam adalah bergantung kepada sejauh mana mereka mengamalkan Islam di dalam kehidupan.

BAB V

RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1. Pengenalan

Terdahulu sebelum ini penulis telah membahaskan mengenai beberapa tajuk bagi mencapai objektif-objektif yang telah digariskan. Di dalam bab kedua, telah dibahaskan mengenai konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* menurut Islam manakala di dalam bab ketiga perbincangan diteruskan dengan mengkaji konsep ketaatan yang diamalkan di Malaysia. Bab keempat pula merupakan hasil analisa mengenai konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia menurut perspektif Islam. Selanjutnya di dalam bab kelima ini, penulis ingin merumuskan tentang beberapa dapatan hasil kajian sebelum ini serta memberikan beberapa saranan agar lebih mudah dimanfaatkan oleh para pengkaji di masa akan datang.

5.2. Rumusan

Hasil dari kajian dan perbahasan yang telah dilakukan, terdapat beberapa yang perkara yang boleh dirumuskan oleh penulis di dalam mengaplikasikan konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* menurut Islam iaitu:

5.2.1. Kewajiban Mentaati Di Dalam Perkara Yang *Ma'rūf* dan Meninggalkan

Ketaatan Di Dalam Perkara Maksiat:

Asas utama yang perlu diikuti ketika berada di dalam situasi yang aman dan tidak terdapat sebarang fitnah ialah mentaati pemimpin di dalam perkara yang *ma'rūf* dan meninggalkan ketaatan di dalam perkara maksiat. Ini merupakan maksud zahir dari

ayat 59 surah al-Nisā' yang menjadi fokus utama di dalam kajian ini iaitu sebagaimana berikut:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِيْ الْاَمْرِ
مِنْكُمْ ۗ فَاِنْ تَخَرَقْتُمْ فِيْ شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ اِنْ كُنْتُمْ
تُوْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ۗ ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ تَاْوِيْلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ulu al-amr (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Surah al-Nisā' (4): 59

Daripada tafsiran yang telah dilakukan di dalam bab kedua, jelas bahawa ketaatan terhadap *ulu al-amr* datang setelah wujudnya ketaatan terhadap Allah dan Rasul. Ini bermakna ketaatan kepada Allah dan Rasul menjadi syarat kepada pemberian ketaatan terhadap *ulu al-amr*. Selain itu, mentaati pemimpin di dalam perkara yang *ma'ruf* bahkan merupakan perkara yang diwajibkan sama ada mudah ataupun sukar, melainkan terdapat tanda-tanda kekufuran pada pemimpin tersebut. Ini dapat difahami daripada hadith berikut³⁴¹:

دعانا رسول الله صلى الله عليه وسلم، فبايعناه، فكان فيما أخذ علينا أن
بايعنا على السمع والطاعة في منشطنا ومكرهنا، وعسرنا ويسرنا، وأثرة
علينا، وأن لا ننازع الأمر أهله، قال: إلا أن تروا كفرا بواحا عندكم من الله
فيه برهان.

Maksudnya: “Rasulullah menyeru kami dan kami pun memberi bai'ah kepada baginda, lalu baginda berpesan supaya kami memberikan taat setia untuk mendengar dan taat pada perkara yang kami suka dan yang kami benci, yang sukar dan yang mudah, dan yang mengenai kesannya atas kami, dan supaya kami tidak mencabut pemerintahan itu dari ahlinya, dan

³⁴¹ Al-Imām Maḥyuddin al-Nawāwī, *op.cit.*, h. 181, hadith 1709.

baginda berkata lagi: melainkan kamu melihat kekufuran yang nyata yang dengannya kamu memiliki bukti di hadapan Allah”.

Di dalam al-Quran pula Allah s.w.t memerintahkan kepada orang yang beriman supaya saling membantu di dalam urusan kebaikan serta melarang daripada saling membantu di dalam perkara dosa dan permusuhan sebagaimana yang terkandung di dalam ayat berikut:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

“...bertolong-tolonglah kamu dalam melakukan perkara-perkara kebaikan dan ketaqwaan, dan janganlah kamu saling membantu di dalam perkara dosa dan permusuhan...”.

Surah al-Ma'idah (5): 2

Allah s.w.t juga berfirman di dalam ayat yang lain:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ إِلَّا تَفْعَلُوهُ تَكُن فِتْنَةً فِي

الْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ

Maksudnya: *“Dan orang-orang yang kafir, setengahnya menjadi penyokong dan pembela bagi setengah yang lain. Jika kamu (wahai umat Islam) tidak menjalankan (dasar bantu-membantu sesama kamu yang diperintahkan oleh Allah) itu, nescaya akan berlakulah fitnah (kekacauan) di muka bumi dan kerosakan yang besar.”*

Surah Al-Anfāl (8): 73

Ayat ini menggambarkan kewajipan mentaati *ulu al-amr* di dalam perkara kebaikan di mana Allah s.w.t memberikan ancaman tentang bahaya kerosakan sekiranya umat Islam tidak mengamalkan sikap saling membantu di dalam mengerjakan kebaikan.

5.2.2. Membuat Pertimbangan Di Dalam Mentaati Sesuatu Perkara Yang

Mengandungi Fitnah Menggunakan Kaedah *Fiqh Al-Aulawiyā*

Seterusnya yang dapat dirumuskan dari kajian ini ialah perlunya membuat penilaian di dalam mentaati sesuatu perkara yang mengandungi fitnah atau bahaya

kerosakan dengan menggunakan kaedah *Fiqh al-Awlawiyyāt*. *Fiqh al-Awlawiyyāt* merupakan suatu kaedah untuk menilai berdasarkan kehendak syari'at, di mana terdapat perkara yang lebih utama dilaksanakan di antara beberapa perkara. Ini berasaskan pemahaman bahawa syari'at yang diturunkan mengandungi tujuan dan matlamat tertentu. Untuk itu, ulama' telah menetapkan bahawa terdapat perkara yang lebih utama dilaksanakan jika berlakunya pertembungan di antara pelbagai perkara yang mengandungi kemaslahatan dan kemudharatan. Kaedah yang digariskan oleh *Fiqh al-Awlawiyyāt* ini dapat membantu di dalam menilai keharusan pemberian ketaatan terhadap pemimpin di dalam sesuatu urusan yang mengandungi fitnah kerosakan.

Terdapat tiga asas di dalam *Fiqh al-Awlawiyyāt* iaitu melakukan perbandingan di antara pelbagai kemaslahatan, melakukan perbandingan di antara pelbagai kemudharatan dan melakukan perbandingan di antara pelbagai kemaslahatan dan kemudharatan. Perbandingan-perbandingan ini boleh dilakukan dengan mematuhi beberapa prinsip yang telah digariskan oleh Dr. Yūsuf al-Qaradhawi³⁴². Antaranya sebagai contoh ialah:

- i. Mengutamakan perkara-perkara darurat ke atas perkara-perkara yang bersifat keperluan dan yang bersifat pelengkap.
- ii. Mengutamakan kemaslahatan yang besar ke atas kemaslahatan yang kecil.
- iii. Mengutamakan kemaslahatan orang ramai ke atas kemaslahatan individu.
- iv. Menghalang berlakunya kerosakan sekadar kemampuan.
- v. Tidak menghalangi kemudharatan dengan kemudharatan yang seumpama dengannya atau yang lebih besar darinya.
- vi. Mengutamakan mengelak kerosakan daripada mencari kemaslahatan.
- vii. Melakukan kerosakan yang kecil diharuskan bagi mendapatkan kemaslahatan yang besar.

³⁴² Rujuk pecahan 2.5.3.

Berikut dikemukakan beberapa contoh secara ringkas tentang konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* dalam konteks Malaysia dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip *Fiqh al-Awlawiyyāt*:

- i. Di dalam aspek perundangan, undang-undang yang wajib ditaati adalah undang-undang Islam. Dalam konteks Malaysia, rakyat wajib mentaati pemimpin jika pemimpin menguatkuasakan undang-undang Islam di mana di Malaysia ini adalah undang-undang yang berada di bawah kuasa Mahkamah Syariah. Undang-undang yang bukan berasal dari hukum Islam atau juga dinamakan sebagai undang-undang sivil adalah tidak wajib ditaati, tetapi boleh ditaati jika terdapat *maṣlahah* yang dapat diperolehi atau terdapat mudarat yang mungkin timbul, sedangkan rakyat dalam masa yang sama tidak dapat memilih pelaksanaan undang-undang Islam kerana tidak dikuat kuasakan. Namun begitu, undang-undang yang mengandungi unsur-unsur kezaliman adalah dilarang ditaati dan perlu dielakkan sekiranya mampu.
- ii. Di dalam aspek ekonomi, ketaatan diwajibkan sekiranya ekonomi tersebut adalah merupakan ekonomi yang berteraskan Islam, iaitu yang tidak bercanggah dengan tuntutan dan larangan syari'at. Ketaatan di dalam masalah ekonomi yang bercanggah dengan kehendak syari'at adalah dilarang seperti ekonomi yang berkaitan dengan riba, judi dan lain-lain kegiatan ekonomi yang diharamkan. Sekiranya terdapat pilihan lain yang menghindarkan umat Islam daripada terlibat dengan perkara yang diharamkan, maka pilihan tersebut wajib diambil bagi menghindarkan perkara yang haram. Contohnya dengan memilih institusi-institusi yang menggunakan kaedah-kaedah Islam seperti Bank Islam, Bank Rakyat, Takaful dan sebagainya. Di dalam masalah zakat pula, Dr. Yusof al-Qaradhawi menjelaskan bahawa, sekiranya pemerintah tidak menyerahkan harta zakat tersebut kepada orang yang berhak, maka haram mengeluarkan zakat

melaluinya dan wajib menyembunyikannya. Namun begitu, jika pemerintah menuntutnya dan zakat tersebut telah dikeluarkan sesuai dengan persyaratan zakat, maka muslim tersebut tidak perlu mengeluarkannya lagi³⁴³.

- iii. Di dalam aspek sosial dan keagamaan pula, segala pembentukan dan pelaksanaan dasar, program-program, perayaan, adat dan budaya, majlis dan upacara, penggunaan media massa dan sebagainya juga perlu dilihat kesesuaiannya dengan syari'at di dalam masalah pemberian ketaatan. Program-program dan dasar-dasar yang menepati kehendak Islam, yang memberi manfaat serta tidak mendatangkan kemudaratan kepada umat Islam perlulah ditaati dan disokong seperti Islam Hadhari, penerapan nilai-nilai murni dan sebagainya. Begitu juga dengan perintah-perintah yang menepati syari'at seperti pengumuman tarikh hari raya dan sebagainya. Sebaliknya, program-program yang mengandungi unsur-unsur maksiat adalah dilarang ditaati dan wajib dihindari sekiranya mampu. Contohnya, seperti program kongsi raya yang boleh mencemarkan akidah, ia perlulah dihindari dan ditegah menurut kemampuan³⁴⁴.
- iv. Di dalam aspek politik, sistem pilihan raya dan demokrasi yang diamalkan di Malaysia sebenarnya adalah tidak menyalahi kehendak syari'at sekiranya memenuhi syarat-syarat dan ciri-ciri tertentu. Walaupun terdapat perkara yang tidak menepati kehendak syari'at di dalam politik di Malaysia, namun untuk mengubahnya bukanlah suatu perkara yang mudah. Umat Islam wajib mengubah kemungkaran sekadar yang termampu. Di dalam situasi seperti ini, prinsip melakukan pertimbangan antara *maṣlahah* dan kerosakan yang ditimbulkan adalah perlu. Atas dasar ini, umat Islam di Malaysia boleh terlibat di dalam aktiviti politik selain berusaha untuk mengelakkan sebarang bentuk kezaliman.

³⁴³ Yusuf al-Qaradhawi (1996), *Hukum Zakat, op.cit.*, h. 774-777.

³⁴⁴ Lihat Resolusi Muzakarah Ulama 2006 Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-78 Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang bertempat di Hotel Casuarina, Ipoh pada 16 Jamadil Awwal 1427H, bersamaan dengan 13 Jun 2006.

Saranan

Di akhir kajian ini, penulis ingin memberikan beberapa saranan untuk penambahbaikan kepada pihak-pihak yang berkaitan. Pertamanya, penulis mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya berusaha memastikan sistem, dasar-dasar dan undang-undang yang dilaksanakan dalam apa jua aspek lebih menepati kehendak syari'at. Ini penting bagi memastikan pemerintahan ditaati dan mendapat sokongan seluruh rakyat yang beragama Islam. Selain itu, pemerintahan yang berlandaskan Islam lebih dapat menjamin kesejahteraan ummah dan dapat membangunkan negara kepada sebuah negara yang maju dan makmur. Bagi tujuan ini, disarankan agar pemerintah lebih mendekati golongan ulama' di dalam melaksanakan urusan pentadbiran dengan menjadikan mereka sebagai penasihat atau menyerap mereka ke dalam badan pentadbiran dan pemerintahan.

Selain itu, penulis juga menyarankan agar Perlembagaan Malaysia dilakukan sedikit pengubahsuaian dengan menjadikan Islam bukan sekadar agama rasmi, tetapi juga sebagai panduan di dalam mewujudkan atau melaksanakan sebarang dasar kerajaan. Andai ini tidak dapat dilakukan juga, kerajaan patut berusaha untuk mentafsirkan isi kandungan perlembagaan dengan cara yang lebih memihak kepada penerapan nilai-nilai Islam. Cara ini secara tidak langsung merupakan jalan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Islam dengan cara pangamalan nilai-nilai Islam di dalam setiap aspek pemerintahan sekalipun masih mengekalkan sistem pemerintahan yang sama. Usaha ini perlu diteruskan lagi dengan memartabatkan Mahkamah Syari'ah mengatasi Mahkamah Sivil. Isi kandungan dan perlaksanaannya wajar diperbaiki dan disempurnakan dari semasa ke semasa agar lebih menepati kehendak syari'at Islam. Perkara ini penting dilakukan untuk membentuk sistem perundangan dan kehakiman yang boleh ditaati oleh semua umat Islam di Malaysia.

Seterusnya disarankan kepada golongan ulama' agar menjadi wadah kepada segala usaha dakwah memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat untuk lebih memahami dan menghayati syari'at. Dalam konteks penerapan konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* menurut Islam, penulis mencadangkan agar ilmu ini terus menjadi bahan kajian dengan lebih mendalam seterusnya disebarakan dengan lebih meluas agar dapat difahami, dihayati dan diamalkan oleh seluruh anggota masyarakat.

Jika dilihat pada hari ini, konsep ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia dibentuk melalui undang-undang dan sekatan-sekatan. Melalui cara ini didapati bahawa rakyat dibentuk untuk mentaati pemimpin tanpa memiliki kesedaran mengenai tanggungjawab dan peranan mereka di dalam memberikan ketaatan. Sikap ini secara tidak langsung akan menyebabkan wujudnya banyak masalah dalam aspek pemberian ketaatan kerana undang-undang tidak mampu menjadi pengawal kepada ketaatan rakyat sepanjang waktu. Undang-undang hanya akan ditaati ketika terdapatnya penguatkuasaan atau orang yang menguatkuasakannya di sesuatu tempat. Contohnya, undang-undang jalan raya sering kali diabaikan ketika pengguna mendapati tidak terdapat penguatkuasa yang memerhati. Salah satu kesan yang boleh dilihat di dalam negara pada hari ini ialah berlakunya gejala rasuah secara berleluasa. Bahkan kadang kala undang-undang boleh dipergunakan untuk kepentingan sendiri.

Oleh itu, *umarā'* dan ulama' harus bekerjasama di dalam mengubah keadaan ini dengan berusaha mengubah konsep ketaatan rakyat terhadap *ulu al-amr* melalui undang-undang kepada konsep ketaatan berteraskan Islam. Ini kerana amalan konsep ketaatan menurut Islam akan menuntut rakyat untuk menghayati bahawa ketaatan mereka terhadap pemimpin adalah didasarkan kepada ketaatan mereka kepada agama. Dengan ini, rakyat bukan sahaja dikawal oleh undang-undang, tetapi turut dikawal oleh kesedaran dan keimanan. Perkara ini boleh dilaksanakan dengan melakukan usaha yang berterusan di dalam menyebarkan ilmu dan penghayatan kepada seluruh masyarakat

khususnya yang beragama Islam untuk menjadikan Islam sebagai tunjang kehidupan. Bagi masyarakat non-muslim juga boleh disampaikan pengetahuan dan kesedaran tentang kebaikan dan kemuliaan Islam di dalam menjamin kehidupan yang lebih sejahtera. Untuk usaha ini, media massa juga sebenarnya boleh menjadi medium di dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, dakwah dan kesedaran. Program-program yang boleh merosakkan jiwa dan minda masyarakat haruslah dihentikan.

Penulis juga menganjurkan agar prinsip *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar* mula disemarakkan di dalam masyarakat. Masyarakat perlu menyemai rasa tanggungjawab untuk mencegah segala kemungkaran yang berlaku di persekitaran serta menyuruh kepada kebaikan. Pihak kerajaan pula perlu membuka ruang yang seluasnya kepada sebarang teguran dan pandangan daripada rakyat kerana teguran ini dapat menjana banyak kebaikan kepada negara. Semua pihak terutamanya golongan pemerintah harus menyedari bahawa teguran bukanlah bangkangan dan penentangan, tetapi merupakan tanggungjawab dan pembaikan. Penghayatan terhadap prinsip *al-amr bi al-ma'rūf* dan *al-nahy 'an al-munkar* ini harus diterapkan kepada setiap individu dalam barisan pimpinan dan juga rakyat.

Akhirnya, para penyelidik serta para pencinta ilmu dan kebenaran sewajarnya meneruskan usaha mengkaji aspek ketaatan terhadap pemimpin ini dengan lebih mendalam. Usaha yang berdedikasi, telus dan bertanggungjawab amat perlu bagi mendapatkan hasil kajian yang bermanfaat seterusnya dapat diamalkan di dalam masyarakat. Semoga dengan pengamalan konsep ketaatan berteraskan Islam dapat menggilap kembali kegemilangan Islam sekaligus meningkatkan kecemerlangan umat Islam.

Penutup

Sebagai sebuah negara berperlembagaan, konsep ketaatan terhadap pemimpin dibentuk dan diterjemahkan melalui penggubalan dan penguatkuasaan undang-undang. Orang yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan melalui sistem perundangan akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah akta-akta yang telah digubal, ditambah dan dipinda dari semasa ke semasa. Penguatkuasaan undang-undang inilah yang membentuk konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin di Malaysia.

Islam memiliki penyelesaian tersendiri di dalam membentuk konsep ketaatan rakyat terhadap pemimpin. Konsep yang digunakan oleh Islam ini mampu membentuk rakyat yang lebih taat dan berdisiplin. Ini kerana, mereka tidak hanya dipelihara oleh undang-undang negara, tetapi juga dikawal oleh rasa keimanan mereka kepada Allah. Ketaatan mereka bukanlah secara paksaan, tetapi penuh dengan kesedaran bahawa ketaatan itu adalah sebahagian dari tanggungjawab mereka.

Fiqh al-Aulawiyat yang dipilih oleh penulis sebagai jalan penyelesaian di dalam menilai pemberian ketaatan terhadap pemimpin di Malaysia bukanlah suatu kaedah baru, tetapi merupakan sebahagian dari ilmu fiqh Islam yang perlu difahami dan dihayati oleh setiap individu muslim. Kefahaman dan penghayatan terhadap fiqh ini memberikan manfaat yang besar kerana ia dapat memandu seorang muslim di dalam membuat keputusan dan tindakan yang paling tepat menurut Islam. Secara tidak langsung individu tersebut dapat menjaga agamanya dan hidup berteraskan syari'at.

Semoga kajian ini dapat membuka jalan ke arah penyelesaian yang lebih tepat di dalam menjelaskan konsep ketaatan terhadap *ulu al-amr* menurut Islam dan akhirnya dapat diamalkan oleh setiap muslim di Malaysia atau di negara Islam yang lain.

Bibliografi

Rujukan Bahasa Arab:

- °Aşim Aḥmad °Ajīlah (Dr.) (t.t), *Ṭāʿati al-Ruʿasāʾ Wa Hudūdihā Fi al-Wazīfah al-°Ammah*. Kaherah: °Ālam al-Kutub.
- Abdullah, Abdul Ghani Basyuni (1986), *Naẓariyyāt al-Daulah Fi al-Islām*. Beirut: Al-Dār al-Jāmi°ah.
- Abī al-Ṭīb Ṣadiq bin Ḥasan bin °Ali al-Hussain al-Qinūji al-Bukhāri (1992), *Fatḥu al-Bayān fī Maqāṣidi al-Qurʾān*, j.3. Beirut: al-Maktabah al-°Aşriyyah.
- Abu Al-Yazīd °Ala Al-Matif, Dr., (1984), *Al-Nuẓum Al-Siyāsāt Wa Al-Ḥurriyyat Al-°Ammah*. Iskandariyah: Al-Maktabah Al-Jāmiʾ Al-Ḥadīth.
- Abu Bakr Muḥammad b. °Abdullāh Ibn Al-°Arābī (t.t), *Aḥkām Al-Qurʾān*. Beirut: Dār Al-Ma°rifah.
- Abū Khair Muḥammad Ayūb °Alī, Dr. (1983), *°Aqidah Al-Islām Wa Al-Imām Al-Matūrīdī*. Dhakka: Al-Muassasah Al-Islāmiyyah.
- Alūsī, Al-Sayyid Maḥmūd Al-Baghdādī al- (t.t), *Rūḥ al-Maʾānī Fī Tafsīr al-Qurʾān al-°Azīm wa al-Sabʿu al- Mathānī*. Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Bukhāri, al- (1979), *Ṣaḥīḥ Bukhāri*. Mesir: Maktabah al-Khanji.
- Fakhr al-Rāzī, Al-Imām Al- (t.t), *Al-Tafsīr Al-Kabīr*. Tehran: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Fatḥi °Abd al-Karīm, (1984), *Al-Daulah wa Al-Siyādah fī Al-Fiqh Al-Islāmī, Dirāsah Muqāranah*. Mesir: Maktabat Wahbah.
- Fu°ād °Abd al-Mun°im Aḥmad (t.t), *Shaikh al-Islām Ibn Taimiyyah wa al-Wilāyah al-Siyāsiyyah al-Kubra fī al-Islām*. Riyadh: Dār al-Waṭan.
- Ghazālī, Muḥammad ibn Muḥammad Al- (2001), *Iḥyāʾ °Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Ḥasan Sya°b (t.t), *al-°Ilm al-Siyasah*. Beirut: Dār al-°Ālam li al-Malayyin.
- Hind Ḥussain Asad (2000), *Al-Ṭā°ah fī al-Qurʾān al-Karīm*. Dār al-Farābī: Damsyik.
- Ibn Kathīr, Al-Imām Ismā°il Al-Qurasyī al-Dimasyqī (t.t), *Tafsīr al-Qurʾān al-°Azīm*. Beirut: Dār al-Jīl.
- _____ (2000), *Tafsīr al-Qurʾān al-°Azīm*. Beirut: Dār Ihyāʾ al-Turāth al-°Arabī.
- Ibn Taimiyyah, Aḥmad (1991), *Majmūʿ al-Fatāwā*. Riyāḍ: Dār °Ālāmi al-Kutub.

- Ibrāhīm Muḥammad Zain (t.t), *Al-Sulṭah fī Al-Fikri Al-Muslimin*. Khartum: Dār Al-Sudaniyyah.
- Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (t.t), *Al-Muʿjam Al-Wasīf*. Istanbul: Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Jābir Rāziq (1985), *Al-Daulah wa al-Siyāsiyyah fī Fikr Hasan al-Banna*. Kaherah: al-Manūrah Dār al-Wafaʾ
- Jawziyyah, Ibn Qayyim Al- (1973), *ʿLām Al- Muwāqīʿ*. Beirut: Dār Al-Jīl.
- Khallaf, ʿAbd. Al-Wahhāb (1984), *Al- Siyāsah Al-Syarʿiyyah fī Al-Syuʿūn Al-Dustūriyyāt wa al-Khairiyyāt wa al-Miliyyāt*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Maḥmūd Ḥilmi (1975), *Nizām Al-Ḥukmi fī Al-Islām Muqāran bi Al-Nuzum Al-Muʿāshirah*. Mesir: Dār al-Fikr.
- Maḥmūd, ʿAli ʿAbd al-Ḥalīm Maḥmud, Dr. (t.t), *Al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah fī Sūrah al-Nisāʾ*.
- Marāghī, Aḥmad Muṣṭafā Al- (1973), *Tafsīr al-Marāghī II*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Mawardi, Abu Al-Hasan ʿAli b. Muhammad b. Ḥabīb Al- (1973), *Al-Aḥkām Al-Sulṭāniyyah Wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*. Kaherah: Maktabah al-Bāb al-Ḥalabi,
- Muḥammad ʿAli Jarisyah (1979), *Dīm wa Daulah*. Kuwait: Dār al-Buḥuth.
- _____ (1979), *Uṣūl Al-Syarʿiyyāt Al-Islāmiyyah wa Khaṣāʾiṣhā*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- _____ (1986), *Al-Masyrūʿiyyah Al-Islāmiyyah al-ʿUlya*. Mesir: Dār Al-Wafāʾ.
- Muḥammad Al-Aḥmadī (1985), *Al-Muntakib fī Tafsīr Al-Qurʾān Al-Karīm*. Kaherah: Lujnah al-Qurʾān wa Al-Sunnah.
- Muḥammad Fuʾād ʿAbd al-Bāqī (1994), *Al-Muʿjam al-Mufahras Li Alfāz al-Qurʾān*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muḥammad Ḥasan Abū Yaḥyā (1967), *Ahdāf al-Tasyrīf al-Islāmī*. Oman: Dār al-Furqān.
- Muḥammad Salām, Madkur (1965), *Al-Ḥukmu al-Takhyīrī au Nazriyyatu al-Ibāḥati ʿinda al-Uṣūliyyīn wa al-Fuqahāʾ*.
- _____ (1983), *Maʿālim Al-Daulah Al-Islamiyyah*. Kuwait : Maktab Al-Faṣlah.
- Muḥammad Yūsuf Mūsā (1980), *Nizām al-Ḥukmi Fi al-Syarīʿah*. Mesir: Dār al-Kutub al-ʿArabī.
- Muṣṭafā *et al.* (t.t), *Al-Muʿjam al-Wasīf*. Istanbul: Al-Maktabah al-Islāmiyyah.

- Muṣṭafā Kamal Waṣfa (1977), *Muṣonnaḥāh Al-Nuḥum Al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Nawāwī, Al-Imām Maḥyuddin Al- (2001), *Al-Minhāj Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Hajjāj*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Qurṭubi, al- (1961), *Tafsīr al-Qurṭubi al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*. Kaherah: Dār Wa Maṭābi^c.
- Rais, Muḥammad Ḍiāu al-Dīn Al- (1967), *Al-Naḥariyyah al-Siyāsiyyah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dār al-Juruth.
- Sa^cid Abu Jaib (1985), *Dirāsah fī Manhaj al-Islāmi Al-Siyāsi*. Beirut: Muassasah Al-Risālah.
- Sayyid Quṭb (t.t), *Fī Zilālī al-Qur'ān*. Dār al-Syurūq.
- Sayyid Sabri (1949), *Mabādi' Al-Qānūn Al-Dustūri*. Kaherah: Maktabah Abdullah Wahbah.
- Zaidan, ^cAbd al-Karīm, Dr. (1985), *Al-Madkhal li Dirāsah Al-Syar'at Al-Islāmiyyah*. Beirut: Muassasah Al-Risālah.

Rujukan Bahasa Malaysia:

- Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abd Monir Yaacob dan Mohd Sahri Abd Rahman (1994), *Penjelasan Isu-Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abd. Aziz al-Badri, *Islam Antara Ulama' Dan Pemerintah*. Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press.
- Abdul Aziz Bari (2001), *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (2005), *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Selangor: Intel Multimedia and Publication.
- _____ (2005), *Politik Perlembagaan*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Abdul Hamid Hj. Mohamad (2005), “Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia: Kesannya Kepada Pembangunan Negara”, dalam *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

- Abdul Karim Zaidan (2000), *Islam dan Politik Kenegaraan*, Haji Abdul Ghani Samsudin (terj.). Shah Alam: Khairom Ilmu Interprise.
- Abdul Monir Yaacob (1988), *Sejarah Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Monir Yaacob (ed.) (1999), *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Abdul Qadir Djaelani (2001), *Negara Berdaulat Dalam Perspektif Islam*. Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Abdul Qadir Zallum (2002), *Sistem Pemerintahan Islam*, Drs. M.Maghfur W (terj.). Bangil-Jatim: Al-Izzah.
- Abdul Samat Musa (2004), “Hak dan Tanggungjawab Rakyat dan Ulil Amri”, dalam Abdul Monir Yaacob, Suzalie Mohamad (eds.), *Konsep dan Peranan Ulil Amri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Malaysia.
- Abdul Wahab Khallaf (1979), *Mengenal Sejarah Perundangan Islam*, Yusof Zaki Yaacob (terj.). Kota Bharu: Dian Darulnaim.
- Abdullah Jamil b. Md Salleh (1995), *Konsep Kepimpinan Ketua Negara Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah Sanusi Ahmad (1980), *Kerajaan dan Pentadbiran Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu al-Maati Abu al-Futuh (1986), *Sistem Pemerintahan Dalam Islam*, Md Akhir Hj Yaacob (terj.). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ahmad Atory Hussein (2001), *Pengantar Pentadbiran Awam*. Kedah: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad bin Mohamed Ibrahim (1999), “Prinsip-Prinsip Perlembagaan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia”, dalam Abdul Monir Yaacob (ed.), *Prinsip-Prinsip Pemerintahan dalam Masyarakat Majmuk*.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2001), *Demokrasi dan Kepimpinan Islam: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Maudūdi, Abu al- A‘la (1986), *Khilafah dan Kerajaan*. Shah Alam: DewanPustaka Fajar.
- Amein Rais (t.t), *Teknik Kepimpinan*, Zaliha Syaarif (terj.). Kuala Lumpur.
- Aminuddin Mohd. Yusof (1990), *Siri Analisis Psikologi Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anuwar Ali, Raja Rasiah (1996), *Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia*. Ampang: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Anwar Abdullah (2005), *Biografi Dato' Onn Hidup Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Auni Abdullah (1991), *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Buku Panduan Penulisan Tesis/ Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (2001). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Chamil Wariya (1990), *Pandangan Politik Era Mahathir*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Chandra Muzaffar (1992), *Pelindung?: Satu Kajian Tentang Konsep dan Amalan Kesetiaan Dalam Hubungan Antara Pemimpin dan Pengikut Dalam Masyarakat Melayu*. P. Pinang : Aliran Kesedaran Negara.
- Umar Abd al-Rahmān (1998), *Jenis-Jenis Pemerintah dan Status Hukumnya Menurut Islam*. M. Bukhori Burhanuddin (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Ensiklopedi Hukum Islam* (t.t). Jakarta: Pc Ichtiar Baru Van Hoeve.
- Ghazali Mayudin (2006), “Demokrasi dan Pilihan raya di Malaysia”, dalam Ghazali Mayudin et al. (eds.), *Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazi Ramli dan Aidit Ghazali (2001), *Pemimpin Politik Berwibawa Pada Alaf Baru: Cabaran dan Panduan*, Kuala Lumpur: Akademi Iqra'.
- Gurmith Singh K.S (1987), *Rakyat Malaysia Ketahuilah Hak Anda*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Haji Buyong bin Adil (1985), *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Din (1978), *Hudud dalam perundangan Islam* : Pejabat Agung Pas, Kuala Lumpur .
- Hasan Basri Budiman (1997), *Pelacuran Perniagaan haram yang membimbangkan* , Dewan masyarakat, j. 35, bil. 12 : 41 : 43
- Hjh. Noresah bt. Baharom et al. (1996), *Kamus Dewan* (ed. 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hjh. Noresah bt. Baharom et al. (1996), *Kamus Dewan* (edisi 3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ibnu Taimiyyah (1995), *Siyasah Syar'iyah, Etika Politik Islam*, Rofi' Munawwar (terj.). Surabaya : Risalah Gusti.
- Idris Zakaria, *Teori Kenegaraan al-Farabi*. Bangi : Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Institut Tadbiran Awam Negara (1990), *Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan dalam Negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- _____ (1992), *Dasar-Dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- _____, *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- _____, *Wawasan Gemilang*, Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia.
- Ismail Abdul Rahman, Mohd Nasir Omar (1992), *Islam: Cabaran dan Isu-Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka..
- J.M. Gullick (1978), *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johan Jaafar (1990), *Potret seorang Cendekiawan sebagai Perdana Menteri*, dalam Dewan Masyarakat, 1990.
- Kassim Thukiman (2002), *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (1997), *Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Majid Khadduri (1994), *Konsep Keadilan Dalam Islam*, dalam Mustafa Kamal Mokhtar (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Saad Abdul Rahman (1998), *Fiqh Semasa: Satu Analisis Isu-Isu Semasa Dari Kacamata Islam*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Maulana Muhammad Ali (t.t), *Qur'an Suci*. Jakarta: Darul Kutubi Islamiyah.
- Mohamad Idris Saleh et al. (1994), *Sejarah Pembangunan Bangsa dan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Anuar Zaini (ed) (1982), *Profil Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Mohd Sayuti Omar (1995), *Agenda 1996 Anwar Lawan Mahathir*, Kuala Lumpur : Tinta Merah.
- Mohd Sayuti Omar (1998), "Rang Undang-Undang Persendirian Pas Murtad - Pintu Belum Tertutup Rapat", dalam *Tamadun*
- Mohd Yusuf Hussein(1990), *Komunikasi Kepimpinan Dari Perspektif Islam, Kecermelangan pentadbiran, Dasar dan amalan dalam Islam* , Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.

- Mohd. Adlin b. Salleh (1999), *Laporan Penyelidikan Tentang Sekularisme Dalam Politik: Satu Kajian Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Affandi Hassan (1992), *Beberapa Prinsip dan Ciri Utama Kepimpinan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Asri Zainul Abidin (2004), “Wajib Taat Pada Perkara yang Makruf”, dalam *Majalah i*, Bil. 19, Mei 2004.
- Mohd. Fuzi Harun, Roseli Ahmad (1993), *Intisari Kanun Keseksaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ridhuan Tee Abdullah, *Persoalan Islam dan Isu-isu Semasa*, Kuala Lumpur.
- Muhammad Abdul Qadir Abu Faris (2000), *Sistem Politik Islam*. Jakarta: Robbani Press.
- Muhammad Abu Zahrah (t.t), *Aliran Politik Dan Aqidah Dalam Islam*. Selangor: Edaran Kalam.
- Muhammad b. Senik (1999), *Gaya Kepimpinan Khulafak al-Rasyidin dan Relevannya Dengan Kepimpinan Ummah Masa Kini*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Muhammad Kamil Awang (2001), *Sultan & Perlembagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Uthman (t.t), *Memahami Islam, Insan, Ilmu dan Kebudayaan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Muhammad Yusof, Amin al-Din (t.t), *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mumtaz Ahmad (1996), *Teori Politik Islam*. Bandung: Mizan.
- Mustafa al-Khin, Dr. et al. (1999), *Al-Fiqh al-Manhaji Kitab Fikah Mazhab Syafie*, Juanda b. Jaya (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Mustafa Hj Daud (1989), *Pemikiran Politik Dan Ekonomi al-Maududi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naeem Siddeiqi (t.t), *Muhammad Pembina Umat*, Abdul Rahman Hussein (terj.). Kuala Lumpur: Abdul Rahman Hussin.
- Qaradhawi, Yūsuf al- (1988), *Perlaksanaan Syari’at Islam*, Haji Juanda Haji Jaya (terj.). Maktabah al-Qaradhawi, Selangor.
- _____ (1996), *Fiqh Keutamaan*. Ahmad Nuryadi Asmawi (terj.). Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd.
- _____ (1995), *Fatwa Masa Kini*. Zaidi Jalil et. al. (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

- _____ (1996), *Hukum Zakat*, Salman Harun et al. (terj.). Bogor: Pustaka Litera AntarNusa.
- _____ (2000), *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Mohammad Zaini Yahaya (terj.). Selangor: Penerbitan Seribu Dinar.
- Rahman Shaari (1990), *Politik Mahathir: Sikap dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: "D"Enterprise.
- Ramli bin Kabi' Ahmad Siddiq Abdurrahman (t.t), *Bai'at Satu Prinsip Gerakan Islam*, Bambang Saiful Ma'arif Annur Rafiq Shaheh Tamhid (terj.), el-Fawez Press.
- S. Ahmad Hussein (1997), *Panduan Pentadbiran Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Said Hawa (1973), *Ufuk Risalah La 'Ilm*, Hafid Abd Wahab (terj.). Kuala Lumpur : Mustaka Salam.
- Samaruddin Rejab (1986), *Malaysia dan Isu-Isu Semasa*. Selangor: Penerbitan Alam Makmur.
- Shaari Sungip (1984), *Krisis Kerohanian dan Akhlak Masyarakat Barat dan Pengajaran Kepada Umat Islam Masakini*. Kuala Lumpur: Unit Dakwah Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Sheela Abraham (1994), *Sejarah Perkembangan Negara*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shofian Ahmad et al. (eds) (2003), *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003, Menghadapi Cabaran Globalisasi*. Kuala Lumpur: Mashii Publication.
- Shohana bt. Husin (1999), *Ketaatan dan Protes dalam Politik Melayu dan Islam: Satu Perbandingan dari Segi Peradaban*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Sidang Pengarang ILBS (1994), *Malaysia Kita : Panduan dan Rujukan Peperiksaan Am Kerajaan*. Kuala Lumpur : International Law Services.
- SUARAM (1999), *Laporan Khas, Hak Sivil & Politik Malaysia 1995-1999*.
- Syarifuddin Muhammad, Dr. Hj, *Manhaj Islam Hadhari*. Desa Pandan: Pusat Kajian 7
- Syed Husin Ali (2004), "Demokrasi di Malaysia: Satu Pendidikan Asas Mengenainya", dalam Mohamed Anwar Omar Din (ed.), *Dinamika Bangsa Melayu: Menongkah Arus Globalisasi*. Selangor: Penerbit UKM.
- Tengku Anuar (1991), *Pengetahuan Kenegeraan Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Teuku Iskandar, Dr. (1984), *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Timah Hamzah (1981), *Pemberontakan Tani 1928 di Trengganu: Satu Kajian Ketokohan dan Kepimpinan Haji Abdul Rahman Limbong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tun Mohamed Suffian (1990), *Pengenalan Sistem Undang-Undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tun Muhammad Suffian bin Hashim (1984), *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ustaz Abdul Basir Alias, *Ancaman Nasionalis Sekular Ekstrim Di Malaysia, Respon Pemikiran Cendekiawan Islam Terhadap Realiti Sejarah, Aliran dan Kemelut Politik*. Selangor: As-Syabab Media.
- V. Gayathri (2003), *Malaysia, Hak Asasi Dipertikaikan: Undang-Undang Mengongkong Kebebasan di Sebuah Negara Demokrasi Berparlimen*. United Kingdom: Amnesty International.
- Wan Mohd. Mahyiddin (1987), *Politik UMNO Dan Isu Nasional Satu Perbahasan*. Subang Jaya: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
- Wan Zahidi Wan The, Dr. (2005), "Ciri-Ciri Sebuah Negara Islam" dalam *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Yusof Ismail et. al (1993), *Dasar-dasar Kerajaan Malaysia Tinjauan Menyeluruh*. Kuala Lumpur: A.s Nordeen.

Rujukan Bahasa Inggeris:

- Hassan Hj. Hamzah (1990), *Mahathir Great Malaysian Hero*. Kuala Lumpur: Media Printext.
- John Gullick et al. (1986), *Malaysia: It's Political and Economics Development*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Morais, J. Victor (1982), *Mahathir: A Profil In Courage*. Petaling Jaya: Eastern Universities Press.
- Roy P. Mottahedeh, *The Foundation of State and Society*, dalam Majoire Kelly (ed), *The Religious and Political Life of World Community*. New York: Praeger Special Studies.
- Yusuf Ibish (1966), *The Political Doctrine of al-Baqillani*. Beirut: American Universiti of Beirut.

Rujukan Internet:

Angkatan Belia Islam Malaysia, [http://www.abim.org.my/minda_madani/Minda Madani Online-Wawancara bersama Dr Said Ramadhan Al Bouty-Isu Semasa-Artikel Pilihan.htm](http://www.abim.org.my/minda_madani/Minda_Madani_Online-Wawancara_bersama_Dr_Said_Ramadhan_Al_Bouty-Isu_Semasa-Artikel_Pilihan.htm), 23 Disember 2007.

Wikipedia, http://ms.wikipedia.org/wiki/Perhimpunan_Bersih_2007.htm, 23 Disember 2007.